


# LAPORAN KEMAJUAN PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP) 2019-2023 BAGI TAHUN 2020 DAN 2021



ISBN No : 978-967-17951-7-0

DITERBITKAN OLEH :



## **JABATAN PERDANA MENTERI**

Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC)  
Aras 3, Blok Barat, Bangunan Perdana Putra  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62520 Putrajaya

Tel: +603-88727140/7184

Fax: +603-88905440


© GIACC MAC 2022

### **HAK CIPTA TERPELIHARA**

Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang. Sebarang pengeksploitasian untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis adalah tidak dibenarkan sama sekali.



# LAPORAN KEMAJUAN PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP) 2019-2023 BAGI TAHUN 2020 DAN 2021





# KANDUNGAN

## **3** PENGENALAN

6 KEMAJUAN PELAKSANAAN INISIATIF SECARA KESELURUHAN DI BAWAH PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP) 2019-2023 BAGI TAHUN 2020 DAN 2021

## **12** STATUS PELAKSANAAN KE ATAS 82 INISIATIF

## **30** RINGKASAN STATUS PELAKSANAAN 82 INISIATIF OLEH 27 KETUA AGENSI PENERAJU (AGENSI PELAPOR)

- 32 Kementerian Kewangan (MOF)
- 42 Kementerian Kerja Raya (KKR)
- 45 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
- 53 Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)
- 55 Kementerian Dalam Negeri (KDN)
- 61 Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)
- 64 Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)
- 66 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
- 68 Kementerian Luar Negeri (KLN)
- 70 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)
- 72 Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
- 74 Parlimen Malaysia (PARLIMEN)
- 76 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
- 87 Suruhanjaya Pilihanraya (SPR)
- 91 Jabatan Perdana Menteri (JPM)
- 97 Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM)
- 99 Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
- 106 Jabatan Peguam Negara (AGC)
- 108 Jabatan Audit Negara (JAN)
- 110 Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)
- 114 Jabatan Kerja Raya (JKR)
- 120 Jabatan Standard Malaysia (JSM)
- 123 Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP)
- 126 Biro Pengaduan Awam (BPA)
- 128 Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU JPM)
- 132 Institut Integriti Malaysia (IIM)
- 135 Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

## **137** ULASAN SEKRETARIAT BERKENAAN PELAKSANAAN INISIATIF

## **138** KESIMPULAN



# BAB 1

## Pengenalan



## LAPORAN KEMAJUAN PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP) 2019-2023 BAGI TAHUN 2020 DAN 2021

“Beta juga menyambut baik langkah Kerajaan dalam menggalakkan amalan tadbir urus yang baik berteraskan integriti. Menerusi amalan ini sebuah sistem pemerintahan dan pentadbiran yang berintegriti, telus dan cekap akan menjadi kenyataan.

Oleh yang demikian, adalah amat bertepatan bagi Pelan Antirasuah Nasional dan Pelan Antirasuah Organisasi untuk terus didokong bagi mencapai aspirasi rakyat Beta untuk hidup dalam sebuah negara yang bebas rasuah dan berintegriti.”

***Petikan daripada Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong XVI sempena pembukaan Penggal Keempat, Parlimen Keempat Belas pada 13 September 2021***

### LATAR BELAKANG

Pembentukan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) pada 29 Januari 2019 merupakan iltizam yang ditunjukkan oleh negara dalam *United Nations Convention against Corruption* (UNCAC) di mana Malaysia adalah salah sebuah negara anggota apabila menandatangani konvensyen ini pada 1 Disember 2003. Artikel 5 konvensyen ini menetapkan bahawa sesebuah negara perlu mempunyai strategi antirasuah yang didokumenkan. NACP adalah bersifat merentas masa dan juga dikenali sebagai sebuah “*living document*”, yang perlu diselaraskan dengan dasar dan keperluan semasa. Justeru, sebarang penambahbaikan ke atas NACP melalui penambahan inisiatif baharu juga akan dibuat mengikut keperluan. Oleh itu, strategi dan inisiatif yang digariskan dalam NACP adalah seiring dengan dasar semasa Kerajaan dalam menetapkan hala tuju dan komitmen Kerajaan dalam usaha memperkukuh agenda governans, integriti dan antirasuah.

Sebanyak 115 inisiatif di bawah enam (6) bidang keutamaan dan strategi telah digariskan di bawah NACP yang meliputi Tadbir Urus Politik, Pentadbiran Sektor Awam, Perolehan Awam, Perundangan dan Kehakiman, Penguatkuasaan Undang-Undang dan Tadbir Urus Korporat. Pemilihan enam (6) bidang keutamaan ini adalah berdasarkan kepada penilaian risiko yang telah dilaksanakan bersama pihak-pihak berkepentingan yang memperoleh data daripada pelbagai sumber seperti penilaian dan semakan oleh kumpulan semakan pakar, model strategi antirasuah global, kaji selidik berkaitan rasuah, data daripada pelbagai agensi kerajaan, input dan cadangan daripada mereka yang berkepentingan.



Daripada 115 inisiatif asal NACP yang ditetapkan pada tahun 2019, sebanyak 29 inisiatif telah dilaksanakan dengan pencapaian yang melibatkan pembaharuan dasar, institusi dan perundangan pada tahun 2019. Seterusnya pada tahun 2021, semakan semula separuh penggal ke atas NACP telah dilaksanakan. Melalui semakan ini, sebanyak 86 inisiatif daripada 115 inisiatif telah dinilai dan didapati sebanyak enam (6) inisiatif asal perlu digabungkan menjadi 3 inisiatif atas justifikasi ketiga-tiga inisiatif tersebut mengeluarkan output yang sama menjadikan jumlah kepada 83 inisiatif sedia ada. Manakala, sebanyak 13 inisiatif telah ditangguhkan pelaksanaannya yang menjadikan jumlah inisiatif kepada 70 inisiatif sedia ada. Inisiatif-inisiatif yang ditangguhkan ini tidak bermaksud dihentikan, malah telah diarah supaya kajian yang lebih mendalam dibuat sebelum sesuatu penambahbaikan dibuat ke atas inisiatif-inisiatif tersebut bagi merealisasikan pelaksanaannya kerana kebanyakannya memerlukan pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan dan pindaan serta pewujudan kepada beberapa perundangan baharu. Selain itu, 12 inisiatif baharu telah ditambah menjadikan jumlah keseluruhan inisiatif kepada 82 inisiatif.

Seterusnya, Laporan Semakan Semula Separuh Penggal Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 telah dikeluarkan pada 19 Mei 2021 dengan menggariskan 82 inisiatif berasaskan kepada keperluan penambahbaikan berterusan seiring dengan dasar semasa Kerajaan.

Menyingkap rekod pelaksanaan inisiatif NACP dari mula pelancaran pada tahun 2019 sehingga kepada penerbitan Laporan Semakan Semula Separuh Penggal NACP pada tahun 2021, sebanyak 29 inisiatif telah berjaya dilaksanakan sehingga peringkat output pada tahun 2019.

Dalam konteks punca kuasa pelaksanaan inisiatif NACP, ianya terkandung di dalam Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 Siri 2 No. 1 Tahun 2019 Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia : Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional.



■ KEMAJUAN PELAKSANAAN  
INISIATIF SECARA  
KESELURUHAN DI BAWAH  
PELAN ANTIRASUAH  
NASIONAL (NACP) 2019 -  
2023 BAGI TAHUN 2020  
DAN 2021





## BIDANG KEUTAMAAN

Laporan ini mengandungi 82 inisiatif keseluruhan dengan penekanan ke atas enam (6) bidang keutamaan yang berisiko tinggi rasuah masih dikekalkan dalam Semakan Semula Separuh Penggal seperti berikut:

1. Tadbir Urus Politik
2. Pentadbiran Sektor Awam
3. Perolehan Awam
4. Perundangan dan Kehakiman
5. Penguatkuasaan Undang-Undang
6. Tadbir Urus Korporat

## PENAMBAHAN INISIATIF BAHARU: SUATU PENEKANAN

Sebanyak 12 inisiatif baharu yang digariskan dalam Semakan Semula Separuh Penggal melibatkan bidang keutamaan tadbir urus politik, perolehan awam, penguatkuasaan undang-undang dan tadbir urus korporat.

## Definisi

### Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK)

Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government-Linked Companies*-GLC), Syarikat Dimiliki Kerajaan (*Government Owned Companies*-GOC) termasuk GLIC, GLC dan GOC di bawah kerajaan negeri dan badan berkanun, melalui pemilikan syer.

Ini juga termasuk sub-entiti di bawah kawalan SBK iaitu anak-anak syarikat (*subsidiary companies*), syarikat bersekutu (*associate companies*) dan syarikat minoriti (*minority interest companies*).



Bil	Pernyataan Matlamat	Pencapaian Bagi Tahun 2019	Pencapaian Bagi Tahun 2020	Pencapaian Bagi Tahun 2021
i	Kebertanggungjawaban dan Kredibiliti Badan Kehakiman, Pendakwaan dan Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang:			
	a. Meningkatkan dari skor 0.54 (2017-2018) ke-pada skor 0.63 menjelang Tahun 2023 dalam <i>World Justice Project Rule of Law Index</i> .	0.55	0.58	0.57
	b. Meningkatkan daripada 77% (2017) kepada 90% menjelang tahun 2023 dalam Kadar Sabitan Kesalahan Rasuah di Malaysia.	78%	93%	91%
ii	Kecekapan dan Kesiagaan bertindak balas dalam Penyampaian Perkhidmatan Awam:			
	Dari kedudukan 25 (2017) meningkat ke kedudukan 10 terbaik bagi subindeks Kecekapan Kerajaan dalam <i>World Competitiveness Yearbook</i> menjelang tahun 2023.	27	25	25 *Pencapaian adalah sehingga tahun 2020 – Pencapaian tahun 2021 hanya akan diumumkan pada Jun 2022
iii	Integriti dalam Perniagaan:			
	Untuk kekal di kedudukan ke-4 menjelang tahun 2023 dalam <i>Corporate Governance Watch-Asian Corporate Governance Association</i> .	Ke-4	Ke-5	Ke-5 *Pencapaian adalah sehingga tahun 2020 - Pelaporan diumumkan setiap 2 tahun.




## PEMANTAUAN DAN PENILAIAN NACP

Daripada 115 inisiatif asal NACP, sebanyak 29 inisiatif telah dilaksanakan dengan pencapaian peringkat output yang melibatkan aspek pembaharuan dasar, institusi dan perundangan. Melalui baki sebanyak 86 inisiatif tersebut, enam (6) inisiatif asal telah digabungkan menjadi 3 inisiatif atas justifikasi ketiga-tiga inisiatif tersebut mengeluarkan output yang sama menjadikan jumlah kepada 83 inisiatif sedia ada. 13 inisiatif telah ditangguhkan pelaksanaannya yang menjadikan jumlah inisiatif kepada 70 inisiatif sedia ada. 12 inisiatif baharu telah ditambah menjadikan jumlah keseluruhan inisiatif di dalam Laporan Semakan Semula Separuh Penggal NACP kepada 82.

Berikutan penerbitan Laporan tersebut pada 19 Mei 2021, Laporan Kemajuan NACP Tahun 2019-2023 bagi tahun 2020 dan 2021 ini dikeluarkan dengan mengambil kira 29 inisiatif yang telah selesai pada tahun 2019 dan 82 inisiatif di bawah Laporan Semakan Semula Separuh Penggal NACP menjadikan jumlah keseluruhan yang dipantau dan dinilai adalah 111 inisiatif.

Sepanjang tahun 2021, sebanyak lapan (8) inisiatif NACP telah selesai dilaksanakan di peringkat output, menjadikan jumlah inisiatif yang telah selesai di peringkat output sehingga 31 Disember 2021 adalah 37 inisiatif yang merangkumi 29 inisiatif pada tahun 2019 dan lapan (8) inisiatif pada tahun 2021 secara keseluruhan dari 111 inisiatif.

### ANALISIS STATUS KEMAJUAN PELAKSANAAN 111 INISIATIF KESELURUHAN TAHUN 2020 & 2021 (SEHINGGA 31 DISEMBER 2021)






## ANALISIS STATUS 111 INISIATIF KESELURUHAN BAGI TAHUN 2020 & 2021 MENGIKUT BIDANG (Sehingga 31 Disember 2021)

BIDANG	SELESAI		DALAM TINDAKAN		JUMLAH
	2019	2020 & 2021	2019	2020 & 2021	2020 & 2021
Tadbir Urus Politik	13	1	22	17	18
Pentadbiran Sektor Awam	3	5	28	21	26
Perolehan Awam	4	1	12	15	16
Perundangan dan Kehakiman	1	1	5	2	3
Penguatkuasaan Undang-Undang	5	0	12	12	12
Tadbir Urus Korporat	3	0	7	7	7
<b>JUMLAH</b>	<b>29</b>	<b>8</b>	<b>86</b>	<b>74</b>	<b>82</b>


**82** inisiatif dari  
Laporan Semakan Semula Separuh Penggal NACP






## ANALISIS RINGKAS PENCAPAIAN BERPANDUKAN PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN

### 33 INISIATIF JANGKA PENDEK (JAN 2021 - DIS 2022)



### 49 INISIATIF JANGKA SEDERHANA (JAN 2021 - DIS 2023)





## **BAB 2**

# STATUS PELAKSANAAN KE ATAS 82 INISIATIF



## PEMANTAUAN DAN PENILAIAN NACP

### BIDANG KEUTAMAAN: TADBIR URUS POLITIK STRATEGI 1: Memperkukuhkan Akauntabiliti dan Integriti Politik

#### OBJEKTIF STRATEGIK 1.1: Mereformasi Sistem Perundangan dan Pilihan Raya

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEPOH MASA	STATUS
1.1.1 (1.1.1)	Melaksanakan kajian ke atas kesesuaian penggunaan dan pelaksanaan sistem pilihan raya elektronik.	Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)	Jan 2021- Dis 2022	
1.1.2 (1.1.2)	Mengkaji semula jumlah perbelanjaan pilihan raya yang dibenarkan bagi setiap kawasan pilihan raya; pihak yang dibenarkan untuk menerima dan membuat perbelanjaan; mentafsir dengan lebih jelas definisi perbelanjaan pilihan raya.	Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)	Jan 2021- Dis 2022	
1.1.3 (1.1.4)	Membentuk proses penentuan persempadanan kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang telus.	Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)	Jan 2021- Dis 2023	
1.1.4 (1.1.5)	Mengkaji semula dan memperkasakan Bahagian III (Perbuatan Rasuah) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5).	1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) (K) 2. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Jan 2021- Dis 2023	
1.1.5 (1.1.9)	Memasukkan peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan penggunaan aset dan jentera Kerajaan untuk mempromosi calon yang bertanding dalam pilihan raya atau parti politik di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5).	Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)	Jan 2021- Dis 2023	

**Petunjuk :**  Dalam Tindakan  Selesai

(K)- merujuk kepada Ketua Agensi Pengeraju

( ) - merujuk kepada nombor Inisiatif Asal dalam NACP 2019-2023

\* merujuk kepada 12 inisiatif baharu yang terkandung di dalam Laporan ini



## PEMANTAUAN DAN PENILAIAN NACP

### BIDANG KEUTAMAAN: TADBIR URUS POLITIK STRATEGI 1: Memperkukuhkan Akauntabiliti dan Integriti Politik

#### OBJEKTIF STRATEGIK 1.2: Memastikan Ketelusan dan Akauntabiliti dalam Pentadbiran Kerajaan

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH MASA	STATUS
1.2.1 (1.2.3)	Mengukuhkan kebebasan Jabatan Audit Negara (JAN) dengan mempunyai ketersediaan sumber yang lebih baik dalam aspek pengurusan sumber manusia khususnya penambah perjawatan, peruntukan kewangan dan pembangunan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pilihan Parlimen.	Jabatan Audit Negara (JAN)	Jan 2021 - Dis 2023	
1.2.2 (1.2.4)	Meminda Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 dengan membuat semakan semula ke atas definisi pekeliling (khususnya berkaitan tajaan), amaun atau nilai penerimaan hadiah serta memperkukuhkan mekanisme pemantauan ke atas penerimaan hadiah.	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	Jan 2021 - Dis 2022	
1.2.3	Mengkaji penggabungan rang undang-undang baharu berkaitan sumbangan dana politik.  *Nota: Inisiatif baru ini merupakan gabungan bagi inisiatif asal 1.2.5 dan 6.2.7 dalam NACP 2019-2023.	Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Jan 2021 - Dis 2022	
1.2.4 (1.2.6)	Mentransformasi Biro Pengaduan Awam kepada Ombudsman Malaysia.	1. Biro Pengaduan Awam (BPA) (K) 2. Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Jan 2021 - Dis 2022	
1.2.5 (1.2.8)	Melaksanakan kajian ke atas kesesuaian undang-undang baharu berhubung Kebebasan Maklumat.	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHUU) (JPM)	Jan 2021 - Dis 2022	
1.2.6 (1.2.9)	Mengkaji keperluan perundangan bertulis berkaitan perisytiharan harta oleh Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen.	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Jan 2021 - Dis 2022	
1.2.7 *	Memperkenalkan Kod Tugas dan Fungsi Setiausaha Politik (SUPOL).	Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Jan 2021 - Dis 2022	





PEMANTAUAN DAN PENILAIAN NACP

BIDANG KEUTAMAAN: TADBIR URUS POLITIK  
STRATEGI 1: Memperkukuhkan Akauntabiliti dan Integriti Politik

OBJEKTIF STRATEGIK 1.3: Menangani Campur Tangan Ahli Politik dalam Perkhidmatan Awam dan Pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEPOH MASA	STATUS
1.3.1 (1.3.1)	Mengeluarkan garis panduan sebagai mekanisme memudah cara anggota-pentadbiran dalam menguruskan permohonan sokongan.	Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Jan 2021- Dis 2022	
1.3.2 (1.3.2)	Memperkenalkan Arahan Perdana Menteri dalam pengurusan had bidang kuasa antara Menteri dengan Ketua Setiausaha.	Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Jan 2021- Dis 2022	
1.3.3 (1.3.3)	Memperkenalkan dasar berhubung pelantikan ahli politik sebagai Pengerusi atau Ahli Lembaga Pengarah dalam Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan berasaskan kepada keperluan syarikat dan kelayakan calon dari segi akademik, kelayakan profesional, kemampuan, kepakaran dan pengalaman sama ada dalam bidang operasi, teknikal, profesional atau pendedahan spesifik kepada sektor berkaitan.	1. Kementerian Kewangan (MOF) (K) 2. Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM)	Jan 2021- Dis 2022	
1.3.4 (1.3.5)	Memperkenalkan garis panduan mengekang pengaruh politik dalam membuat keputusan mengenai pelantikan dan pemecatan Pengerusi / Ahli Lembaga Pengarah / Ketua Pegawai Eksekutif bagi Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan.	1. Kementerian Kewangan (MOF) (K) 2. Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM)	Jan 2021- Dis 2022	



**PEMANTAUAN DAN PENILAIAN NACP**

**BIDANG KEUTAMAAN: TADBIR URUS POLITIK**

**STRATEGI 1: Memperkukuhkan Akauntabiliti dan Integriti Politik**

**OBJEKTIF STRATEGIK 1.4: Memperkasa Autoriti dan Tadbir Urus Parlimen**

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH MASA	STATUS
1.4.1 (1.4.6)	Memperkenalkan garis panduan bertulis tentang peranan Kerajaan sementara.	Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Jan 2021- Dis 2022	
1.4.2 (1.4.11)	Mengkaji keperluan bagi memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963.	Parlimen Malaysia	Jan 2021- Dis 2022	

**BIDANG KEUTAMAAN: PENTADBIRAN SEKTOR AWAM**

**STRATEGI 2: Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam**

**OBJEKTIF STRATEGIK 2.1: Merekayasa Perkhidmatan Awam ke Arah Tadbir Urus Baik**

2.1.1 (2.1.1)	Menguatkan mekanisme dalam menguatkuasa pusingan kerja secara mandatori kepada penjawat awam yang memegang jawatan sensitif.	1. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) (K) 2. Jabatan/Agensi di peringkat Kerajaan Negeri yang berkaitan	Jan 2021- Dis 2022	
2.1.2 (2.1.2)	Menambahbaik garis panduan penglibatan dan pelantikan pegawai kanan Kerajaan sebagai Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif di semua Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan.	1. Kementerian Kewangan (MOF) (K) 2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) 3. Jabatan/Agensi di Peringkat Kerajaan Negeri yang berkaitan	Jan 2021- Dis 2022	
2.1.3 (2.1.3)	Memperkenalkan pelaksanaan pensijilan <i>Anti-Bribery Management System</i> (ABMS) MS ISO 37001 di agensi Kerajaan.	1. Jabatan Standard Malaysia (JSM) (K) 2. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) 3. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 4. Institut Integriti Malaysia (IIM)	Jan 2021- Dis 2023	

## PEMANTAUAN DAN PENILAIAN NACP

### BIDANG KEUTAMAAN: PENTADBIRAN SEKTOR AWAM STRATEGI 2: Memperkuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

#### OBJEKTIF STRATEGIK 2.1: Merekayasa Perkhidmatan Awam ke Arah Tadbir Urus Baik

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH MASA	STATUS
2.1.4 (2.1.4)	<p>Mewujudkan inisiatif untuk menggalakkan dan menguruskan nilai baik di tempat kerja berteraskan integriti, akauntabiliti dan kecekapan dalam sektor awam melalui:</p> <p><b>a. Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN)</b> untuk mengukur dan menganalisis nilai baik di tempat kerja dalam sektor awam berpandukan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 Siri 7 No. 1 Tahun 2007; dan</p> <p><b>b. Modul Pemantapan Nilai Perkhidmatan Awam</b> Modul ini mengesyorkan inisiatif untuk meningkatkan dan menyatakan nilai ke dalam struktur, proses, sistem dan penyampaian di dalam operasi perkhidmatan awam.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) (K)</li> <li>Kementerian/Jabatan/Agensi/ Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan</li> </ol>	<p>Jan 2021 - Dis 2022</p>	
2.1.5 (2.1.5)	<p>Mewajibkan sektor awam untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dengan dibantu oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Integriti Malaysia (IIM) dan mana-mana pihak yang berkekeluargaan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (K)</li> <li>Jabatan Perdana Menteri (JPM)</li> <li>Institut Integriti Malaysia (IIM)</li> <li>Kementerian/Jabatan/Agensi/ Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan</li> </ol>	<p>Jan 2021- Dis 2023</p>	
2.1.6 (2.1.6)	<p>Membentuk mekanisme yang kukuh dan efektif dalam proses pengeluaran permit dan lesen.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) (K)</li> <li>Kementerian/Jabatan/Agensi/ Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan</li> </ol>	<p>Jan 2021- Dis 2023</p>	



## PEMANTAUAN DAN PENILAIAN NACP

<b>BIDANG KEUTAMAAN: PENTADBIRAN SEKTOR AWAM</b> <b>STRATEGI 2: Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam</b>				
<b>OBJEKTIF STRATEGIK 2.2: Menggalakkan Merit Dan Integriti Dalam Proses Pengambilan, Pemilihan dan Pelantikan Ke Mana - Mana Jawatan</b>				
NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEPOH MASA	STATUS
2.2.1 (2.2.2)	Memperkenalkan dasar dalam pelantikan pegawai <i>Contract For Service</i> (CFS) di semua agensi Kerajaan tertakluk kepada peraturan-peraturan penjawat awam.	<ol style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Perdana Menteri (JPM) (K)</li> <li>Kementerian Kewangan (MOF)</li> <li>Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)</li> </ol>	Jan 2021- Dis 2023	
2.2.2 (2.2.3)	Menambah baik proses kenaikan pangkat perkhidmatan awam sedia ada dengan mengambilkira elemen integriti sebagai prasyarat (termasuk pegawai tinggi Kerajaan).	<ol style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) (K)</li> <li>Institut Integriti Malaysia (IIM)</li> </ol>	Jan 2021- Dis 2022	
2.2.3 (2.2.7)	Menyemak semula dan memperkukuhkan proses tapisan integriti sedia ada khususnya pegawai Kerajaan yang memegang jawatan dan tanggungjawab yang berisiko tinggi.	<ol style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) (K)</li> <li>Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)</li> </ol>	Jan 2021- Dis 2022	
2.2.4 (2.2.8)	Mewajibkan Pegawai Atase yang ditempatkan di Perwakilan Malaysia di luar negara untuk bertanggungjawab kepada Ketua Perwakilan di luar negara (Duta Besar/Pesuruhjaya Tinggi/Konsul Jeneral/Konsul).	<ol style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Luar Negeri (KLN) (K)</li> <li>Kementerian/Jabatan/Agensi yang berkaitan</li> </ol>	Jan 2021- Dis 2022	
<b>OBJEKTIF STRATEGIK 2.3: Mengukuhkan Akauntabiliti Pihak Berkuasa Tempatan</b>				
2.3.1 *	Memperkasakan Pihak Berkuasa Tempatan melalui pindaan perundangan berkaitan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171].	<ol style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) (K)</li> <li>Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)</li> <li>Pihak Berkuasa Negeri (PBN)</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)</li> </ol>	Jan 2021- Dis 2023	
2.3.2 *	Memperkenalkan cadangan alternatif bagi melaksanakan pemusatan beberapa jawatan Pihak Berkuasa Tempatan terpilih di bawah Pihak Berkuasa Negeri menggantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (SPPBT).	<ol style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) (K)</li> <li>Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)</li> <li>Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT)</li> <li>Pihak Berkuasa Negeri (PBN)</li> <li>Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)</li> </ol>	Jan 2021- Dis 2023	

## PEMANTAUAN DAN PENILAIAN NACP

### BIDANG KEUTAMAAN: PENTADBIRAN SEKTOR AWAM STRATEGI 2: Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

#### OBJEKTIF STRATEGIK 2.4: Menambahbaik Keberkesanan Pendidikan dan Pembangunan Profesional Berterusan Dalam Kalangan Pegawai Awam melalui program berdasarkan kepada *Human Governance*

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH MASA	STATUS
2.4.1 (2.4.1)	Mengkaji semula bagi memantapkan kurikulum bagi pendidikan guru pra-perkhidmatan dan dalam perkhidmatan bagi merangkumi aspek integriti, tadbir urus insan dan antirasuah.	1. Kementerian Pendidikan Malaysia KPM (K) 2. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 3. Institut Integriti Malaysia (IIM)	Jan 2021- Dis 2023	
2.4.2 (2.4.2)	Memberi penekanan terhadap elemen integriti dan nilai insan (tadbir urus insan) dalam program induksi pesyarah di institut pengajian tinggi.	1. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) (K) 2. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 3. Institut Integriti Malaysia (IIM)	Jan 2021- Dis 2023	
2.4.3 (2.4.3)	Memperkukuhkan program kepimpinan bagi warga pendidik dan pentadbir sedia ada di Kementerian Pendidikan dengan memasukkan elemen tadbir urus insan.	1. Kementerian Pendidikan Malaysia KPM (K) 2. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 3. Institut Integriti Malaysia (IIM)	Jan 2021- Dis 2023	
2.4.4 (2.4.4)	Memperkukuhkan program kepimpinan bagi warga pendidik dan pentadbir di semua pusat pengajian tinggi dengan memasukkan elemen tadbir urus insan.	1. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) (K) 2. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 3. Institut Integriti Malaysia (IIM)	Jan 2021- Dis 2023	
2.4.5 (2.4.5)	Memberi penekanan yang lebih terhadap kepentingan nilai murni insan dalam silibus pendidikan pra-sekolah.	1. Kementerian Pendidikan Malaysia KPM (K) 2. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 3. Institut Integriti Malaysia (IIM)	Jan 2021- Dis 2023	
2.4.6 (2.4.6)	Memperkukuhkan pendidikan di peringkat sekolah rendah yang berteraskan kepada pembentukan sahsiah, jati diri dan kepimpinan yang utuh.	1. Kementerian Pendidikan Malaysia KPM (K) 2. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 3. Institut Integriti Malaysia (IIM)	Jan 2021- Dis 2023	



## PEMANTAUAN DAN PENILAIAN NACP

### BIDANG KEUTAMAAN: PENTADBIRAN SEKTOR AWAM STRATEGI 2: Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

#### OBJEKTIF STRATEGIK 2.4: Menambahbaik Keberkesanan Pendidikan dan Pembangunan Profesional Berterusan Dalam Kalangan Pegawai Awam melalui program berdasarkan kepada *Human Governance*

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEPOH MASA	STATUS
2.4.7 (2.4.7)	Memperkenalkan kursus matapelajaran wajib di Institusi Pendidikan Tinggi pada peringkat Sijil, Diploma dan Sarjana Muda yang menekankan kepada aspek kenegaraan, etika, peradaban, nilai, integriti dan falsafah.	1. Kementerian Pendidikan Malaysia 2. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 3. Institut Integriti Malaysia (IIM)	Jan 2021- Dis 2023	
2.4.8 (2.4.8)	Memberi penekanan kepada aspek integriti dan antirasuah dalam program pendidikan keusahawanan.	1. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) (K) 2. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 3. Institut Integriti Malaysia (IIM)	Jan 2021- Dis 2023	
2.4.9 (2.4.9)	Menyebarkan mesej antirasuah dalam konteks hubungan antara insan melalui pelbagai saluran media secara berterusan.	1. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) (K) 2. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 3. Kerajaan Negeri	Jan 2021- Dis 2023	
2.4.10 (2.4.10)	Menyebarkan mesej berkenaan antirasuah dalam konteks hubungan antara insan melalui penglibatan pelbagai agensi agama dan badan bukan kerajaan (NGO) secara berterusan.	1. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (K) 2. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) 3. Organisasi Agama	Jan 2021- Dis 2023	
2.4.11 (2.4.11)	Memperkukuhkan pendidikan di peringkat sekolah menengah yang berteraskan kepada pembentukan sahsiah, jati diri dan kepimpinan yang utuh.	1. Kementerian Pendidikan Malaysia 2. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 3. Institut Integriti Malaysia (IIM)	Jan 2021- Dis 2023	
2.4.12 (2.4.12)	Mendekati golongan belia yang berada di luar sistem pendidikan formal (remaja tercicir) melalui kelab, persatuan dan organisasi belia untuk menerapkan nilai integriti, tadbir urus dan antirasuah.	1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) (K) 2. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 3. Institut Integriti Malaysia (IIM)	Jan 2021- Dis 2023	

## PEMANTAUAN DAN PENILAIAN NACP

### BIDANG KEUTAMAAN: PENTADBIRAN SEKTOR AWAM STRATEGI 2: Memperkukuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

#### OBJEKTIF STRATEGIK 2.4: Menambahbaik Keberkesanan Pendidikan dan Pembangunan Profesional Berterusan Dalam Kalangan Pegawai Awam melalui program berdasarkan kepada *Human Governance*

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEPOH MASA	STATUS
2.4.13 (2.4.13)	Memberi penekanan terhadap elemen integriti dan nilai insan (tadbir urus insan) dalam program induksi penjawat awam.	1. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) (K) 2. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 3. Institut Integriti Malaysia (IIM)	Jan 2021- Dis 2023	
2.4.14	Memperkukuhkan elemen tadbir urus-insan, integriti dan antirasuah dalam program pembangunan profesional berterusan yang dilaksanakan oleh Agensi Kawal Sella kepada Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK), Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan dan pihak swasta.  *Nota: Inisiatif baru ini merupakan gabungan bagi inisiatif asal 2.4.14 dan 6.2.2 dalam NACP 2019-2023.	1. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (K) 2. Agensi Kawal Sella yang Berkaitan dan Badan-Badan Profesional dan Institut Integriti Malaysia (IIM) 3. Institut Integriti Malaysia (IIM) 4. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) 5. Suruhanjaya Sekuriti (SC)	Jan 2021- Dis 2023	

### BIDANG KEUTAMAAN: PEROLEHAN AWAM STRATEGI 3: Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam

#### OBJEKTIF STRATEGIK 3.1: Memperkukuhkan Kerangka Perolehan Awam

3.1.1 (3.1.1)	Memperkenalkan dasar perolehan yang komprehensif berhubung pengisytiharan konflik kepentingan semasa proses perolehan.	1. Kementerian Kewangan (MOF) (K) 2. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Jan 2021- Dis 2022	
3.1.2 (3.1.3)	Membuat semakan ke atas <i>Integrity Pact</i> sedia ada supaya seiring dengan piawaian antarabangsa serta sistem dan prosedur yang berkuat kuasa bagi menangani isu-isu konflik kepentingan.	1. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (K) 2. Kementerian Kewangan (MOF)	Jan 2021- Dis 2022	
3.1.3 (3.1.4)	Menambahbaik Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) menerusi pembangunan Sistem MyProjek dalam memantau kitaran pengurusan projek Kerajaan agar lebih berkesan dan cekap.	Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM)	Jan 2021- Dis 2022	



## PEMANTAUAN DAN PENILAIAN NACP

### BIDANG KEUTAMAAN: PEROLEHAN AWAM

#### STRATEGI 3: Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam

##### OBJEKTIF STRATEGIK 3.1: Memperkukuhkan Kerangka Perolehan Awam

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEPOH MASA	STATUS
3.1.4 (3.1.5)	Memperkenalkan perundangan berkaitan perolehan awam dalam mengawal selia aktiviti perolehan, menambahkan baik penggunaan sumber secara cekap, menjaga kepentingan negara dan melindungi hak-hak pihak yang terikat dengan kontrak.	Kementerian Kewangan (MOF)	Jan 2021- Dis 2023	
3.1.5 (3.1.6)	Mewujudkan garis panduan kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam pelaksanaan kuasa-kuasa Menteri yang dinyatakan dalam peruntukan undang-undang khususnya dalam perolehan dan sistem kewangan.	Kementerian Kewangan (MOF)	Jan 2021- Dis 2023	

##### OBJEKTIF STRATEGIK 3.2: Meningkatkan Ketelusan Perolehan Awam, Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewengan Pasaran dan Antipersaingan

3.2.1 (3.2.1)	Memperkenalkan peraturan/tatacara yang komprehensif dan lebih telus dalam mencegah kebocoran maklumat dalam proses perolehan.	Kementerian Kewangan (MOF)	Jan 2021- Dis 2022	
3.2.2 (3.2.5)	Memperkenalkan mekanisme saluran aduan berkaitan perolehan untuk pihak yang tidak berpuas hati.	Kementerian Kewangan (MOF)	Jan 2021- Dis 2022	
3.2.3 (3.2.6)	Memperkasakan peranan pegawai daripada Unit Integriti (UI) dan Unit Audit Dalam (UAD) sebagai mekanisme semak dan imbang dalam urusan perolehan Kerajaan.	1. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (K) 2. Kementerian Kewangan (MOF) 3. Jabatan Audit Negara (JAN)	Jan 2021- Dis 2022	
3.2.4 (3.2.7)	Penambahbaikan dalam peraturan dan pemantauan isu salah laku dalam pengurusan projek oleh Kontraktor dan Perunding Profesional Teknikal (Jurutera, Arkitek dan Juruukur Bahan).	1. Kementerian Kerja Raya (KKR) (K) 2. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 3. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	Jan 2021- Dis 2022	
3.2.5 (3.2.8)	Memperkenalkan sistem eWorks dalam memantau pengurusan projek, kelulusan projek dan analisis nilai.	1. Kementerian Kewangan (MOF) (K) 2. Kementerian Kerja Raya (KKR)	Jan 2021- Dis 2023	



## PEMANTAUAN DAN PENILAIAN NACP

### BIDANG KEUTAMAAN: PEROLEHAN AWAM STRATEGI 3: Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam

#### OBJEKTIF STRATEGIK 3.2: Meningkatkan Ketelusan Perolehan Awam, Pengurangan Risiko Rasuah, Penyelewengan Pasaran dan Antipersaingan

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEPOH MASA	STATUS
3.2.6 (3.2.9)	Meningkatkan sistem perolehan berasaskan teknologi (e-perolehan) bagi mengurangkan campurtangan manusia.	Kementerian Kewangan (MOF)	Jan 2021- Dis 2023	
3.2.7 (3.2.10)	Meningkatkan kerjasama JKR Malaysia dengan JKR Sabah dan JKR Sarawak dalam memantapkan pengurusan projek kerajaan persekutuan di Sabah dan Sarawak.	Jabatan Kerja Raya (JKR)	Jan 2021- Dis 2023	
3.2.8 *	Memperkenalkan satu mekanisme penyemakan pendaftaran dan pembaharuan kontraktor dari segi kesahihan kemampuan mengikut kelas pendaftaran kontraktor yang dipohon.	1. Kementerian Kerja Raya (KKR) (K) 2. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	Jan 2021- Dis 2023	
3.2.9 *	Memperkenalkan satu mekanisme tambahan bagi pengesahan kemampuan kewangan kontraktor dengan kenaikan bon tender/deposit tender untuk projek yang melebihi RM 10 juta bagi semua projek Pengurusan Penyelenggaraan Fasilitas ( <i>Facility Maintenance Management</i> [FMIM]) serta projek berprestij tinggi, projek kompleks dan/atau projek berkaitan keselamatan negara sebagaimana yang dikenal pasti oleh agensi pelaksana.	1. Jabatan Kerja Raya (JKR) (K) 2. Kementerian Kerja Raya (KKR) 3. Kementerian Kewangan (MOF)	Jan 2021- Dis 2023	
3.2.10 *	Mengekalkan mekanisme penilaian harga berdasarkan kaedah <i>Cut-Off</i> dalam proses menilai harga tender. Kaedah penilaian <i>Cut-Off</i> adalah berasaskan harga min ( <i>Mean</i> ) dan sisihan piawai ( <i>Standard Deviation</i> ) bagi harga tender yang diterima dengan mengambil kira harga Anggaran Jabatan (AJ) sebagai salah satu daripada harga tender dan turut sama mengeluarkan harga tender yang tidak munasabah.	1. Jabatan Kerja Raya (JKR) (K) 2. Kementerian Kerja Raya (KKR) 3. wKementerian Kewangan (MOF)	Jan 2021- Dis 2023	
3.2.11 *	Mewajibkan pengisytiharan pemunya benefisial oleh semua petender/syarikat yang menyertai perolehan Kerajaan berdasarkan garis panduan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).	1. Kementerian Kewangan (MOF) (K) 2. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) 3. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Jan 2021- Dis 2022	



PEMANTAUAN DAN PENILAIAN NACP

<b>BIDANG KEUTAMAAN: PERUNDANGAN DAN KEHAKIMAN</b> <b>STRATEGI 4: Mempertingkatkan Kredibiliti Sistem Perundangan Dan Kehakiman</b>				
<b>OBJEKTIF STRATEGIK 4.1: Menambahbaik Keberkesanan Institusi Sistem Perundangan Dan Kehakiman</b>				
NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEPOH MASA	STATUS
4.1.1 (4.1.3)	Memberi keutamaan supaya kes rasuah didengar oleh hakim yang berpengalaman dan terlatih dalam mengendalikan kes rasuah.	Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP)	Jan 2021- Dis 2022	
4.1.2 (4.1.5)	Memastikan pengasingan kuasa yang jelas dan memartabatkan keadilan, iaitu kuasa Pendakwa Raya hendaklah diasingkan daripada kuasa Peguam Negara.  1. Peguam Negara: Peguam Negara tidak melaksanakan sebarang kuasa dan tanggungjawab dalam hal ehwal pendakwaan. 2. Pendakwa Raya: Pendakwa Raya mengambil alih tugas dan kuasa pendakwaan daripada Peguam Negara.	Jabatan Peguam Negara (AGC)	Jan 2021- Dis 2023	
4.1.3 (4.1.6)	Memperkasakan penggunaan teknologi dan pendigitalan di Mahkamah Khas Rasuah.	1. Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) (K) 2. Jabatan Perdana Menteri (JPM)	Jan 2021- Dis 2023	
<b>BIDANG KEUTAMAAN: PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG</b> <b>STRATEGI 5: Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang</b>				
<b>OBJEKTIF STRATEGIK 5.1: Meningkatkan Kecekapan dan Pengamalan Profesionalisme dalam Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang</b>				
5.1.1 (5.1.3)	Menyepadukan agensi berkaitan yang bertanggungjawab dalam mengurus kawalan sempadan bagi memastikan pengurusan sempadan yang berkesan.	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Jan 2021- Dis 2023	



PEMANTAUAN DAN PENILAIAN NACP

BIDANG KEUTAMAAN: PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG STRATEGI 5: Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang			
OBJEKTIF STRATEGIK 5.2: Keperluan Penggunaan Teknologi Tinggi Dalam Penguatkuasaan Undang-Undang			
NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEPOH MASA STATUS
5.2.1 (5.2.2)	Menggunakan teknologi komunikasi dan maklumat di semua pusat tahanan.	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Jan 2021- Dis 2023
5.2.2 (5.2.3)	Menambahbaik sistem pengurusan pekerja asing berpusat dengan cara memperkemas dan menyepadukan sistem permohonan pekerja asing atas talian sedia ada.	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Jan 2021- Dis 2023
5.2.3 (5.2.4)	Menggunakan teknologi digital untuk memantau aktiviti haram dan tidak sah seperti pendatang asing tanpa izin, penyeludupan dan aktiviti haram lain di semua pusat kawalan sempadan dan pintu masuk negara.	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Jan 2021- Dis 2023
5.2.4 (5.2.5)	Mewujudkan sistem pengkalan data yang bersepadu untuk pendaftaran masuk dan keluar imigran dari Malaysia.	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Jan 2021- Dis 2023
5.2.5 *	Pelaksanaan sistem pelesenan atas talian bagi pengeluaran lesen dan permit bagi pengendali perkhidmatan awam darat dan kenderaan perdagangan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak.	1. Kementerian Pengangkutan MOT (K) 2. Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) 3. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah 4. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak	Jan 2021- Dis 2022
OBJEKTIF STRATEGIK 5.3: Memperkukuhkan Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang			
5.3.1 (5.3.2)	Memperkasa Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) khususnya dalam menguruskan kebajikan, logistik, tenaga kerja dan peruntukan kewangan untuk latihan.	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Jan 2021- Dis 2023

PEMANTAUAN DAN PENILAIAN NACP

<b>BIDANG KEUTAMAAN: PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG</b> <b>STRATEGI 5: Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang</b>				
<b>OBJEKTIF STRATEGIK 5.3: Memperkukuhkan Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang</b>				
NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEPOH MASA	STATUS
5.3.2 (5.3.3)	Memperkasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) khususnya dalam pelantikan Ketua Pesuruhjaya, peruntukan kewangan, jawatankuasa pemantau, penubuhan suruhanjaya perkhidmatan dan tenaga kerja.	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Jan 2021- Dis 2023	
5.3.3 (5.3.4)	Menubuhkan Suruhanjaya Bebas Tata Kelakuan Polis ( <i>Independent Police Conduct Commission</i> ) [IPCC] bagi menangani isu integriti dan mengesok salah laku anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM).	Kementerian Dalam Negeri (KDN)	Jan 2021- Dis 2023	
<b>OBJEKTIF STRATEGIK 5.4: Menambahbaik Perundangan Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang</b>				
5.4.1 (5.4.1)	Memasukkan peruntukan baharu dalam undang-undang sedia ada berkaitan salah laku penjawat awam yang menyebabkan ketirisan dan kerugian dana Kerajaan secara sengaja.	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Jan 2021- Dis 2023	
5.4.2 (5.4.3)	Memasukkan peruntukan baharu dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694) berkaitan kesalahan oleh organisasi komersial atau seseorang individu dalam penjualan projek/tender Kerajaan kepada pihak lain untuk faedah kewangan tanpa melaksanakan projek/tender tersebut; (peruntukan ini juga mengambil kira pendedahan pemunya benefisial terhadap pihak yang mendapat faedah daripada penjualan tender).	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	Jan 2021- Dis 2023	
5.4.3 *	Menambahbaik peruntukan di dalam Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU JPM)	Jan 2021- Dis 2023	

## PEMANTAUAN DAN PENILAIAN NACP

### BIDANG KEUTAMAAN: TADBIR URUS KORPORAT STRATEGI 6: Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam Entiti Korporat

OBJEKTIF STRATEGIK 6.1: Memastikan Pengamalan Ketelusan Oleh Pihak Yang Mengawal Entiti Korporat				
NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEMPOH MASA	STATUS
6.1.1	<p>Mengeluarkan Arahan Perdana Menteri dalam melaksanakan tapisan integriti sebelum pelantikan pengurusan tertinggi dibuat dan dalam mentadbir perisyhahan konflik kepentingan serta isu ketelusan dan kecekapan dalam Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan.</p> <p>*Nota: Inisiatif baru ini merupakan gabungan bagi inisiatif asal 6.1.1 dan 6.2.5 dalam NACP 2019-2023.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Perdana Menteri (JPM) (K)</li> <li>Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)</li> <li>Kementerian Kewangan (MOF)</li> <li>Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</li> <li>Suruhanjaya Sekuriti (SC)</li> <li>Agensi Persekutuan dan Agensi Kerajaan Negeri yang berkaitan</li> </ol>	Jan 2021- Dis 2023	
6.1.2 *	<p>Mengeluarkan garis panduan bagi menyelaraskan peranan termasuk pembangunan kapasiti dan kapabiliti Pengerusi / Ketua Pegawai Eksekutif / Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Kementerian Kewangan (MOF) (K)</li> <li>Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</li> <li>Suruhanjaya Sekuriti (SC)</li> </ol>	Jan 2021- Dis 2022	
OBJEKTIF STRATEGIK 6.2: Memastikan Daya Tahan Terhadap Ancaman Rasuah di Entiti Korporat				
6.2.1 (6.2.1)	<p>Melaksanakan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) di Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK), Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan dan sektor swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia dengan panduan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Integriti Malaysia (IIM) dan mana-mana pihak yang berkelayakan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (K)</li> <li>Jabatan Perdana Menteri (JPM)</li> <li>Institut Integriti Malaysia (IIM)</li> <li>Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK)</li> <li>Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG)</li> <li>Sektor swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia</li> </ol>	Jan 2021- Dis 2023	

## PEMANTAUAN DAN PENILAIAN NACP

### BIDANG KEUTAMAAN: TADBIR URUS KORPORAT STRATEGI 6: Memupuk Tadbir Urus Baik Dalam Entiti Korporat

#### OBJEKTIF STRATEGIK 6.2: Memastikan Daya Tahan Terhadap Ancaman Rasuah di Entiti Korporat

NO.	INISIATIF	AGENSI PENERAJU	TEPOH MASA	STATUS
6.2.2 (6.2.3)	Memperluaskan penempatan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) di semua Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Terhadap Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh kerajaan dan sektor swasta.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (K)</li> <li>2. Kementerian Kewangan (MOF)</li> <li>3. Jabatan Perdana Menteri (JPM)</li> <li>4. Suruhanjaya Sekuriti (SC)</li> <li>5. Agensi Persekutuan dan Agensi Kerajaan Negeri yang berkaitan</li> </ol>	Jan 2021- Dis 2022	
6.2.3 (6.2.4)	Mengkaji mekanisme pelaksanaan pensijilan <i>Anti-Bribery Management System</i> (ABMS) MS ISO 37001 ke atas syarikat yang menyertai perolehan Kerajaan.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Jabatan Standard Malaysia (JSM) (K)</li> <li>2. Kementerian Kewangan (MOF)</li> <li>3. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)</li> </ol>	Jan 2021- Dis 2022	
6.2.4 *	Mempromosi, membangun dan menyediakan latihan bagi pelaksanaan Tatacara Mencukupi selaras dengan Seksyen 17A (5) (Liabiliti Korporat) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) oleh organisasi komersial.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Institut Integriti Malaysia (IIM) (K)</li> <li>2. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)</li> <li>3. Suruhanjaya Sekuriti (SC)</li> <li>4. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</li> <li>5. Agensi Persekutuan dan Agensi Kerajaan Negeri yang berkaitan</li> </ol>	Jan 2021- Dis 2023	
6.2.5 *	Menggalakkan sektor swasta menyertai program <i>Authorised Economic Operator</i> (AEO) bagi meningkatkan pematuhan dan tadbir urus baik dalam urusan import/eksport.	Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)	Jan 2021- Dis 2023	



## Pelaksanaan 82 Inisiatif

Sebanyak 27 agensi telah dikenal pasti sebagai Ketua Agensi Peneraju yang pada masa sama bertindak sebagai Agensi Pelapor kepada Sekretariat Induk NACP di Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah (GIACC) untuk 82 inisiatif yang dipertanggungjawabkan. Pelaporan peringkat output yang menggunakan templat A1 yang telah ditetapkan oleh Sekretariat Induk Penyelarasan Prestasi NACP perlu dikemukakan oleh Agensi Pelapor melalui ketetapan berikut sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 Siri 2 No.1 Tahun 2019 Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional. Pelaporan kemajuan pelaksanaan inisiatif NACP ditetapkan empat (4) kali setahun dengan menggunakan templat A1 seperti berikut:

1. Suku tahun pertama (Januari - Mac) - sebelum atau 10 April
2. Suku tahun kedua (April - Jun) - sebelum atau pada 10 Julai
3. Suku tahun ketiga (Julai - September) - sebelum atau pada 10 Oktober
4. Suku tahun keempat (Oktober - Disember) - sebelum atau pada 10 Januari tahun berikutnya

Selain daripada itu, pemantauan dan penilaian ke atas 37 inisiatif yang telah selesai di peringkat output juga akan dilaksanakan melalui proses pelaporan keberkesanan di peringkat keberhasilan dengan dipantau oleh Sekretariat Induk Penyelarasan Prestasi NACP dengan menggunakan templat A2 yang telah ditetapkan dan perlu dikemukakan oleh Ketua Agensi Peneraju dua (2) kali setahun iaitu:

1. Setengah tahun pertama (Januari-Jun) - sebelum atau 10 Julai
2. Setengah tahun kedua (Julai-Disember) - sebelum atau pada 10 Januari tahun berikutnya



## **BAB 3**

# **RINGKASAN STATUS PELAKSANAAN 82 INISIATIF OLEH 27 KETUA AGENSI PENERAJU (AGENSI PELAPOR)**





## Ringkasan Pelaksanaan Inisiatif Oleh 27 Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor)

Daripada 82 inisiatif yang telah ditetapkan di dalam NACP tersebut, sebanyak 27 Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) telah dikenal pasti dalam memastikan setiap tindakan yang diambil telah mematuhi kehendak dan matlamat NACP. 27 Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor) adalah seperti berikut:

1. Kementerian Kewangan (MOF)
2. Kementerian Kerja Raya (KKR)
3. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)
4. Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)
5. Kementerian Dalam Negeri (KDN)
6. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)
7. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)
8. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
9. Kementerian Luar Negeri (KLN)
10. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)
11. Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
12. Parlimen Malaysia
13. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
14. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)
15. Jabatan Perdana Menteri (JPM)
16. Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU JPM)
17. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
18. Jabatan Peguam Negara (AGC)
19. Jabatan Audit Negara (JAN)
20. Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)
21. Jabatan Kerja Raya (JKR)
22. Jabatan Standard Malaysia (JSM)
23. Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP)
24. Biro Pengaduan Awam (BPA)
25. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU JPM)
26. Institut Integriti Malaysia (IIM)
27. Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Helaian berikutnya adalah ringkasan status pelaksanaan inisiatif-inisiatif yang ditetapkan di dalam NACP oleh 27 Ketua Agensi Peneraju (Agensi Pelapor).



# KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)

Kementerian Kewangan (MOF) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas 12 inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam dua (2) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2023.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan MOF dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- (i) Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (**GIACC JPM**)
- (ii) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (**SPRM**)
- (iii) Unit Penyelarasan Pelaksanaan (**ICU JPM**)
- (iv) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (**SSM**)
- (v) Jabatan Kerja Raya Malaysia (**JKR**)

## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 12 INISIATIF:

1



Inisiatif 1.3.3: Memperkenalkan dasar berhubung pelantikan ahli politik sebagai Pengerusi atau Ahli Lembaga Pengarah dalam Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan berasaskan kepada keperluan syarikat dan kelayakan calon dari segi akademik, kelayakan profesional, kemampuan, kepakaran dan pengalaman sama ada dalam bidang operasi, teknikal, profesional atau pendedahan spesifik kepada sektor berkaitan.



ICU JPM sedang dalam tindakan semakan semula ke atas Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 mengenai "Garis Panduan mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan (BBP)". Penambahbaikan dibuat berdasarkan perkembangan semasa dan keputusan terkini Kerajaan berkaitan tadbir urus BBP, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan termasuklah dasar penglibatan dan pelantikan Pegawai Kanan Kerajaan sebagai Ahli Lembaga Pengarah (ALP). Pindaan pekeliling ini akan diselaraskan dan dikeluarkan oleh ICU JPM.

Satu Memorandum Jemaah Menteri bertajuk Cadangan Penambahbaikan Tadbir Urus Syarikat Milik Kerajaan dan Badan Berkanun Persekutuan telah dibentang oleh MOF dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 November 2018. Antara syor memorandum yang telah dipersetujui ialah kriteria minimum untuk pelantikan pengerusi serta Pengarah Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang telah mengambilkira kelayakan akademik dan profesional serta pengalaman industri.

Selain itu, susulan teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2008, MOF telah mengeluarkan arahan dalaman pada tahun 2011 termasuk menetapkan kelayakan pendidikan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda atau setaraf bagi calon Pengerusi dan ALP. Manakala kelayakan pendidikan bagi Ketua Pegawai Eksekutif / Pengarah Urusan syarikat MKD sekurang-kurangnya pendidikan tertiar / kelayakan profesional atau lain-lain kelayakan yang setaraf dengannya.

Hasrat kedua-dua MOF dan ICU JPM adalah untuk penyediaan garis panduan ini yang komprehensif dapat direalisasikan. Dengan adanya dasar/garis panduan Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG), tadbir urus pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah dapat dilaksanakan secara teratur dan telus.

2



**Inisiatif 1.3.4: Memperkenalkan garis panduan mengekang pengaruh politik dalam membuat keputusan mengenai pelantikan dan pemecatan Pengerusi / Ahli Lembaga Pengarah / Ketua Pegawai Eksekutif bagi Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan.**

Memorandum Jemaah Menteri bertajuk Cadangan Penambahbaikan Tadbir Urus Syarikat Milik Kerajaan dan Badan Berkanun Persekutuan telah dibentang dalam Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 23 November 2018. Antara syor yang telah dipersetujui ialah kriteria minimum untuk pelantikan pengerusi serta Pengarah Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 September 2021 juga telah bersetuju supaya semua pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) yang merupakan ahli politik perlu dikemukakan untuk persetujuan YAB Perdana Menteri sebelum dimuktamadkan oleh MKD. Selain itu, kelulusan pelantikan ALP dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) adalah berdasarkan kepada Akta Penubuhan atau Perlembagaan Syarikat masing-masing.

ICU JPM sedang dalam tindakan semakan semula ke atas Surat Pekeliling Am Bil 3 Tahun 1998 mengenai "Garis Panduan mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan (BBP)". Penambahbaikan dibuat berdasarkan perkembangan semasa dan keputusan terkini Kerajaan berkaitan tadbir urus BBP termasuklah dasar penglibatan dan pelantikan Pegawai Kanan Kerajaan sebagai Ahli Lembaga Pengarah BBP. Pindaan pekeliling ini akan diselaraskan dan dikeluarkan oleh ICU JPM.

Hasrat kedua-dua MOF dan ICU JPM adalah untuk penyediaan garis panduan ini yang komprehensif dapat direalisasikan. Dengan adanya dasar/garis panduan Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG),

tadbir urus pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah dapat dilaksanakan secara teratur dan telus masa hadapan.

3



**Inisiatif 2.1.2: Menambahbaik garis panduan penglibatan dan pelantikan pegawai kanan Kerajaan sebagai Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif di semua Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan.**

MOF sedang dalam proses mengemas kini Buku Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah lantikan Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang pertama kali telah dikeluarkan pada tahun 2014. Buku Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah lantikan Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) terkini dijangka dapat dikeluarkan pada suku kedua tahun 2022. Selain itu, MOF akan memberikan kerjasama dan sokongan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berhubung penambahbaikan garis panduan penglibatan dan pelantikan pegawai kanan Kerajaan sebagai Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif di semua Badan Berkanun.

Penambahbaikan Buku Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah lantikan Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang komprehensif ini akan dapat menunjukkan tadbir urus yang cekap dan ketelusan dalam pelantikan Ahli Lembaga Pengarah dalam kalangan pegawai kanan Kerajaan.

4



**Inisiatif 3.1.1: Memperkenalkan dasar perolehan yang komprehensif berhubung pengisytiharan konflik kepentingan semasa proses perolehan.**

MOF sedang menambahbaik Pekeliling dan Garis Panduan Pelaksanaan *Integrity Pact* (IP) sedia ada dan pindaan IP dijangka akan dimuat naik dalam portal Pekeliling Perbendaharaan sebelum 1 Jan 2022.

Penambahbaikan Pekeliling dan Garis Panduan *Integrity Pact* (IP) ini dapat membendung gejala rasuah melalui

penerapan dan peringatan kesalahan dan hukuman rasuah seiring dengan piawaian antarabangsa serta sistem dan prosedur yang berkuatkuasa bagi menangani isu-isu konflik kepentingan.

5



**Inisiatif 3.1.4: Memperkenalkan perundangan berkaitan perolehan awam dalam mengawal selia aktiviti perolehan, menambahbaik penggunaan sumber secara cekap, menjaga kepentingan negara dan melindungi hak-hak pihak yang terikat dengan kontrak.**

MOF telah menyediakan kertas memorandum mengenai hala tuju pewujudan Rang Undang-Undang (RUU) Perolehan Kerajaan (PK) bagi tujuan pertimbangan Pengurusan Tertinggi MOF.

Secara amnya, MOF berhasrat agar RUU Perolehan Kerajaan dapat diluluskan. Pewujudan RUU ini apabila diluluskan akan dapat menambahbaik tadbir urus perolehan Kerajaan dan dapat mengurangkan potensi rasuah/campur tangan dalam proses perolehan Kerajaan serta dapat memperbaiki persepsi awam dan antarabangsa terhadap komitmen Kerajaan dalam memperkasakan perkhidmatan awam dari aspek pengurusan perbelanjaan wang awam melalui perolehan Kerajaan.

6



**Inisiatif 3.1.5: Mewujudkan garis panduan kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam pelaksanaan kuasa-kuasa Menteri yang dinyatakan dalam peruntukan undang-undang khususnya dalam perolehan dan sistem kewangan.**

MOF sedang mengemaskini Arahan Pejabat yang akan menggariskan perwakilan kuasa Menteri Kewangan dalam urusan perolehan Kerajaan untuk pertimbangan Pengurusan Tertinggi MOF.

Pengemaskinian Arahan Pejabat yang menggariskan perwakilan kuasa Menteri Kewangan dalam perolehan Kerajaan akan dapat meningkatkan tadbir urus terbaik melalui pemetaan kuasa yang jelas dalam perolehan Kerajaan seterusnya dapat meningkatkan akauntabiliti awam dalam memperkasakan perkhidmatan awam dari

aspek pengurusan perbelanjaan wang awam melalui perolehan Kerajaan.

7



**Inisiatif 3.2.1: Memperkenalkan peraturan/tatacara yang komprehensif dan lebih telus dalam mencegah kebocoran maklumat dalam proses perolehan.**

MOF juga melalui PK 2.2: Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2022 telah membenarkan mesyuarat berkaitan perolehan dan Pihak Berkuasa Melulus seperti Lembaga Perolehan dilaksanakan samada secara fizikal, atas talian atau *hybrid* dengan menggariskan secara terperinci langkah kawalan melalui Garis Panduan Mesyuarat Pihak Berkuasa Melulus Berkaitan Perolehan Kerajaan secara atas talian pada 15 Jun 2021. Antara elemen yang diperkenalkan bagi meminimumkan kebocoran maklumat adalah dengan menetapkan kehadiran Pengerusi dan Ahli secara dalam talian di pejabat masing-masing sahaja dan bukan di rumah atau lokasi lain, penggunaan telefon bimbit hanya dengan kebenaran pengerusi dan lain-lain. Selain itu, MOF juga sedang bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi pelaksanaan projek rintis mengenai paparan Anggaran Harga Jabatan (AHJ) bagi meningkatkan ketelusan dan mengelakkan rasuah dalam mendapatkan maklumat berkaitan AHJ.

Digitalisasi merupakan mekanisme terbaik bagi mencegah kebocoran maklumat dalam perolehan Kerajaan. Oleh itu, inisiatif 3.2.5 dan 3.2.6 akan menangani isu ini dalam masa jangka panjang.

8



**Inisiatif 3.2.2: Memperkenalkan mekanisme saluran aduan berkaitan perolehan untuk pihak yang tidak berpuas hati.**

Selaras dengan pengumuman Kerajaan yang akan meratifikasi perjanjian *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP) yang dijangka dilaksanakan pada suku ketiga tahun 2022, MOF sedang membangunkan mekanisme pengurusan aduan yang dikenali sebagai *Domestic Review Procedure*

(DRP) sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bab 15, Artikel 15.19 perjanjian tersebut.

Pengenalan kepada mekanisme semak dan imbang ini akan meningkatkan dasar keterbukaan dan ketelusan dalam proses perolehan Kerajaan. Pelaksanaan DRP perlu diuruskan oleh satu badan berkuasa yang bersifat berkecuali, tanpa diskriminasi, menepati masa, telus dan efektif. Ini secara tidak langsung dapat membantu dalam meningkatkan dasar keterbukaan dan ketelusan proses perolehan Kerajaan.

9



### **Inisiatif 3.2.5: Memperkenalkan sistem *eWorks* dalam memantau pengurusan projek, kelulusan projek dan analisis nilai.**

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 Disember 2021 telah bersetuju dengan:

- i. cadangan pembangunan Sistem Perolehan Kerja Dalam Talian (*eWorks*) secara *end-to-end* daripada peringkat perancangan sehingga pengurusan aset;
- ii. pembangunan Sistem *eWorks* secara berfasa dimulakan dengan modul perolehan dan dilaksanakan secara rintis;
- iii. supaya pembangunan Sistem *eWorks* dilaksanakan secara kerjasama awam - swasta (*Public Private Partnership* - PPP) melalui tender terbuka *Request for Proposal* (RFP) yang diketuai oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS JPM);
- iv. pengurusan tadbir urus pembangunan Sistem *eWorks* seperti di Lampiran I Memorandum termasuk penubuhan Pasukan Pengurusan Projek (*Project Management Office*-PMO) yang terdiri daripada gabungan personel daripada agensi Kerajaan dan firma perunding yang dikenal pasti bagi menyelaras dan mengendalikan semua urusan berkaitan pembangunan Sistem *eWorks*;
- v. supaya MOF menjadi pemilik kepada Sistem *eWorks* dan mengetuai Jawatankuasa Pemandu. Manakala, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU JPM) mengetuai Jawatankuasa Teknikal; dan



vi. MOF akan merangka Penubuhan Pasukan Pengurusan Projek (*Project Management Office-PMO*) bagi menyelaraskan dan mengendalikan semua urusan berkaitan pembangunan Sistem *eWorks* sebelum proses perolehan *eWorks* dilaksanakan di peringkat UKAS JPM.

MOF berharat agar Sistem Perolehan Kerja Dalam Talian (*eWorks*) dapat diperkenalkan. Penambahbaikan sistem *eWorks* ini merupakan mekanisme terbaik bagi mencegah kebocoran maklumat dalam perolehan Kerajaan.

10



### **Inisiatif 3.2.6: Meningkatkan sistem perolehan berasaskan teknologi (e-perolehan) bagi mengurangkan campur tangan manusia.**

MOF sedang melaksanakan penambahbaikan sistem e-perolehan melalui pembangunan keperluan secara berperingkat (*Release [R]*) iaitu sebanyak enam (6) *Releases*. Daripada 6 *Releases*, baki item daripada *Release* 1-4 dijangka akan selesai selewat-lewatnya pada Mac 2022 manakala *Release* 5-6 pula dijangka selesai pada tahun 2022 secara berperingkat mengikut item yang telah dimuktamadkan keperluannya (*requirement finalization*). Perkara ini juga bergantung kepada aktiviti *Technology Refresh* yang akan dijalankan dari November 2021 hingga Mac 2022. Mesyuarat bagi menetapkan *timeline* baharu untuk pelaksanaan R1-R6 akan dijadualkan pada bulan Januari 2022.

MOF berhasrat untuk mengeluarkan satu sistem e-perolehan yang ditambah baik. Penambahbaikan sistem e-perolehan ini merupakan mekanisme terbaik bagi mencegah kebocoran maklumat dalam perolehan Kerajaan.

11



**Inisiatif 3.2.11: Mewajibkan pengisytiharan pemunya benefisial oleh semua petender/syarikat yang menyertai perolehan Kerajaan berdasarkan garis panduan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).**

MOF sedang dalam proses untuk menyediakan kertas memorandum mengenai pemunya benefisial untuk pertimbangan pengurusan atasan MOF. Kertas mengenai kewajipan pengisytiharan pemunya benefisial akan dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Khas Mengenai Antirasuah (JKKMAR) dan seterusnya kepada Mesyuarat Jemaah Menteri.

Garis panduan pengisytiharan pemunya benefisial oleh semua petender/syarikat yang menyertai perolehan Kerajaan ini akan menjadi satu kewajipan pengisytiharan pemunya oleh semua petender/syarikat yang menyertai perolehan Kerajaan berdasarkan garis panduan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan secara langsung pelaksanaan prosedur ini akan dapat mengelakkan berlakunya percanggahan kepentingan dalam proses perolehan.

12



**Inisiatif 6.1.2: Mengeluarkan garis panduan bagi menyelaraskan peranan termasuk pembangunan kapasiti dan kapabiliti Pengerusi / Ketua Pegawai Eksekutif / Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan.**

Buku Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) lantikan Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang dikeluarkan oleh MOF pada tahun 2014, para 2.9 (e) telah menyatakan bahawa setiap ALP perlu memainkan peranan masing-masing secara berkesan dengan melaksanakan perkara termasuk memperkasakan diri dengan menghadiri latihan dan kursus dari semasa ke semasa serta melengkapkan diri dengan maklumat terkini bagi memantapkan peranannya sebagai ALP. Setiap ALP yang baru pertama kali dilantik hendaklah menghadiri Kursus Asas atau *Onboarding Program* dalam tempoh 6 bulan dari tarikh lantikan sebagai ALP di Syarikat MKD di mana perbelanjaan menghadiri kursus



ini seharusnya ditanggung oleh syarikat berkenaan. Kegagalan menghadiri kursus berkenaan dalam tempoh yang diberikan akan menyebabkan perkhidmatan sebagai ALP Syarikat MKD boleh ditamatkan. Keperluan dan latihan syarikat masing-masing adalah berbeza bergantung kepada jenis perniagaan (*nature of business*) dan keupayaan kewangan syarikat.

Buku Garis Panduan ALP 2014 ini seharusnya dijadikan panduan ALP dalam syarikat di mana MKD mempunyai kepentingan sama ada majoriti, minoriti atau saham khas sahaja dan juga sebagai panduan untuk merangkumkan garis panduan yang sama bagi kegunaan pelantikan mana-mana Pengerusi / Ketua Pegawai Eksekutif / Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan.

Buku Garis Panduan Panduan Ahli Lembaga Pengarah (ALP)antikan Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) ini dapat membantu ALP meningkatkan kapabiliti diri bagi memantapkan peranannya sebagai ALP.



# KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR)

Kementerian Kerja Raya (KKR) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas dua (2) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam dua (2) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2023.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan KKR dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- (i) Kementerian Kewangan (**MOF**)
- (ii) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (**SPRM**)
- (iii) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB**)

## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 2 INISIATIF:

1



**Inisiatif 3.2.4: Penambahbaikan dalam peraturan dan pemantauan isu salah laku dalam pengurusan projek oleh Kontraktor dan Perunding Profesional Teknikal (Jurutera, Arkitek dan Juruukur Bahan).**

Melalui satu taklimat Cadangan Penyerahan Kuasa Kawal Selia Penilaian Prestasi Perunding Kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang telah diadakan pada 7 September 2021, pihak CIDB telah bersetuju supaya kuasa kawal selia penilaian prestasi perunding diserahkan kepadanya.

KKR juga akan mengadakan sesi perbincangan bersama pihak Kementerian Kewangan (MOF) bagi penambahbaikan dalam peraturan dan pemantauan isu salah laku dalam pengurusan projek oleh kontraktor dan perunding profesional teknikal (Jurutera, Arkitek, dan Juruukur Bahan).

Antara objektif utama pelaksanaan inisiatif ini ialah untuk membangunkan sistem pengkalan data mengenai maklumat pelantikan dan penilaian prestasi perunding bagi projek fizikal; dan mengintegrasikan sistem pengkalan data melalui penggunaan Sistem *e-Works*.

Melalui pelaksanaan inisiatif ini juga, maklumat pelantikan dan penilaian prestasi perunding dapat direkodkan secara konsisten, prestasi perunding dapat dipaparkan kepada agensi Kerajaan dan firma perunding, siasatan dan perakuan tatatertib bagi firma perunding yang bermasalah dapat diambil tindakan dengan segera serta dapat melaksanakan proses pelantikan perunding yang berkualiti, kompeten dan berkebolehan oleh agensi Kerajaan.

2



### **Inisiatif 3.2.8: Memperkenalkan satu mekanisme penyemakan pendaftaran dan pembaharuan kontraktor dari segi kesahihan kemampuan mengikut kelas pendaftaran kontraktor yang dipohon.**

Dalam usaha mengenalpasti kontraktor berkemampuan dan berkeupayaan mengikut kelas pendaftaran kontraktor, CIDB telah merangka satu pelan pembangunan kontraktor. Pelan pelaksanaan pengukuhan ini merupakan pelan jangka masa panjang dan perlu dilaksanakan secara berperingkat. Sehingga 31 Disember 2021, Bahagian Pembangunan Kontraktor (BPK), CIDB telah melaksanakan tiga (3) kajian yang memfokuskan pembangunan kredibiliti kontraktor iaitu;

#### **a) Kajian Pengukuhan Syarat Pendaftaran Kontraktor**

Kajian ini berfokuskan peningkatan kualiti, penggalakan persaingan dan peningkatan kredibiliti kontraktor. Komponen kajian merangkumi elemen berikut;



- i. Gred dan had limit tender;
- ii. Keupayaan kewangan kontraktor; dan
- iii. Keperluan teknikal.

**b) Kajian pelaksanaan pendaftaran kontraktor bagi permohonan Kebenaran Khas menyertai tender di luar pengkhususan.**

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan satu solusi berkenaan dengan kewajaran pelaksanaan pemberian Surat Kebenaran Khas (SKK) Menyertai Tender Di Luar Pengkhususan oleh CIDB.

**a) Kajian Data SCORE Kontraktor**

Kajian ini bertujuan mengenalpasti jurang pencapaian melalui proses analisa setiap komponen/parameter untuk menilai keupayaan dan kemampuan kontraktor.

Objektif pelaksanaan kajian A adalah untuk mengukuh Syarat Pendaftaran Kontraktor sedia ada melalui perubahan pengkelasan kontraktor, syarat keperluan teknikal, syarat modal/kewangan; dan had limit tender; Objektif Kajian B pula merupakan satu solusi berkenaan kewajaran pelaksanaan serta justifikasi pengeluaran (SKK) Menyertai Tender Di Luar Pengkhususan oleh CIDB; mengkaji dan mengesyorkan senarai bidang pengkhususan yang perlu ditambah baik serta cadangan pelaksanaan inisiatif secara interim (jangka pendek), jangkamasa sederhana dan jangkamasa panjang; manakala objektif Kajian C berperanan mengenal pasti jurang pencapaian dengan menganalisa setiap parameter untuk menilai keupayaan dan kemampuan kontraktor serta cadangan penambahbaikan program pembangunan kepada kontraktor berdasarkan hasil analisis.

Melalui pelaksanaan inisiatif ini juga, KKR berhasrat untuk dapat berfokuskan peningkatan kualiti, penggalakan persaingan dan peningkatan kredibiliti kontraktor.

# KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas lima (5) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam satu (1) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2023.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN

**5** Inisiatif

Jangka Sederhana  
(Jan 2021-Dis 2023)

Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan KPM dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- (i) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 5 INISIATIF:

1



**Inisiatif 2.4.1: Mengkaji semula bagi memantapkan kurikulum bagi pendidikan guru pra-perkhidmatan dan dalam perkhidmatan bagi merangkumi aspek integriti, tadbir urus insan dan antirasuah.**

KPM telah membangunkan Bengkel semakan kurikulum bagi Program Diploma Perguruan Malaysia (PDPM), Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) dan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) menurut perspektif *Human Governance* kepada pelajar di Institut Pendidikan Guru (IPG). Bagi PDPM, dua (2) bidang yang menerapkan elemen *Human Governance* telah siap disemak dan digunakan mulai Jun 2020. Terdapat juga 10 bidang yang baharu dibangunkan dan telah mendapat perakuan senat serta sedia untuk digunakan ke atas pengambilan seterusnya.

Sebanyak 64 bidang telah dibangunkan bagi PDPP yang menerapkan elemen *Human Governance* yang juga telah mendapat perakuan senat dan digunakan mulai Jun 2020. 4 bidang yang dibangunkan juga telah mendapat perakuan senat iaitu dua (2) bidang bagi kegunaan Jun 2021 dan dua (2) bidang bagi kegunaan bermula Oktober 2021.


Bagi PISMP, sebanyak 20 bidang sedang dilaksanakan bagi menyemak kurikulum dengan membangunkan Maklumat Kursus (MK) yang menerapkan sub topik atau sisipan mengenai elemen *Human Governance* (HG). Proses pemurnian MK, PISMP berdasarkan komen penambahbaikan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Kurikulum IPG (JKIPG) sedang dilaksanakan dan seterusnya akan di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kurikulum IPG pada Januari 2022 (JIKIPG).

KPM juga telah membangunkan Bengkel Penyepaduan konsep *Human Governance* kepada pelajar-pelajar yang sedang mengikuti latihan di Institut Pendidikan Guru (IPG). Kursus HG Fasa 2 yang merupakan kesinambungan daripada kursus HG tahun 2020 telah diadakan pada 6-7 Mei 2021 terhadap para pensyarah IPG secara dalam talian.

Secara amnya, objektif pelaksanaan inisiatif ini adalah untuk memberikan penghayatan terhadap elemen integriti dan antirasuah secara jelas dan mendalam setelah elemen ini ditambahbaik dalam kurikulum sedia ada.

Para guru akan didedahkan dari peringkat pra-perkhidmatan berkenaan integriti, tadbir urus insan dan antirasuah serta berupaya untuk menerapkan elemen ini semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

2



### **Inisiatif 2.4.3: Memperkukuhkan program kepemimpinan bagi warga pendidik dan pentadbir sedia ada di Kementerian Pendidikan dengan memasukkan elemen tadbir urus insan.**

KPM telah membangunkan Modul Penghayatan Nilai Integriti (PNI) bagi Membentuk Pemimpin Pendidikan Berkualiti dan Berintegriti. Modul Kursus Penghayatan Nilai dan Integriti telah dibentangkan kepada Lembaga Pengajian Institut Aminuddin Baki (IAB) dan telah diluluskan



bermula 5 Ogos 2021 sebagai Kursus Penuh untuk dilaksanakan pada tahun 2022. Kumpulan sasar bagi kursus tersebut adalah para pentadbir di sekolah.

Melalui pelaksanaan inisiatif ini, akan wujud lagi para pemimpin pendidikan yang berkualiti dan berintegriti. Pemimpin yang berkualiti akan dapat memberikan impak positif kepada sesebuah organisasi.

3



### **Inisiatif 2.4.5: Memberi penekanan yang lebih terhadap kepentingan nilai murni insan dalam silibus pendidikan pra-sekolah.**

KPM telah membangunkan matapelajaran sivik di prasekolah bagi memasukkan elemen nilai murni insan. Tinjauan pelaksanaan sivik di prasekolah/ tabika/tadika telah dilaksanakan secara dalam talian melibatkan prasekolah KPM, tadika di bawah agensi Kerajaan dan swasta bermula 12 Ogos 2021 hingga 30 Ogos 2021. Laporan mengenai tinjauan tersebut telah siap dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Inisiatif 2.4.5 Bil.3/2021 pada 26 November 2021.

Penghasilan video pendek juga telah diterapkan di peringkat prasekolah melalui penerbitan enam (6) buah video dan enam (6) poster yang telah dipilih untuk dimuat naik ke portal dan *YouTube* Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Sijil penghargaan telah diedarkan kepada semua peserta video dan poster yang terpilih.

Antara objektif utama pelaksanaan inisiatif ini adalah untuk menerap nilai kasih sayang, hormat-menghormati, bertanggungjawab dan kegembiraan dalam modul sivik prasekolah yang dapat menggalakkan pembudayaan nilai dalam kalangan murid dan memastikan kesinambungan amalan nilai dari sekolah ke rumah dan sebaliknya. Melahirkan warganegara yang bukan sahaja mengetahui hak tetapi juga menyedari akan tanggungjawab serta berakhlak mulia bagi menyumbang ke arah kesejahteraan masyarakat, negara dan global adalah antara impak yang dapat dikecapi melalui pelaksanaan inisiatif ini.

4



#### **Inisiatif 2.4.6: Memperkukuhkan pendidikan di peringkat sekolah rendah yang berteraskan kepada pembentukan sahsiah, jatidiri dan kepimpinan yang utuh.**

KPM telah membangunkan beberapa inisiatif bagi maksud inisiatif ini melalui pelaksanaan beberapa aktiviti seperti khidmat masyarakat dan kesukarelawanan yang mendukung elemen *Human Governance*; Penyediaan dan Pelaksanaan Modul Pembentukan Karakter dan Nilai Murid (MPKN) dalam Pendidikan Islam; Perluasan pelaksanaan *Speaker's Corner* dengan menggunakan tajuk yang berkaitan dengan elemen nilai murni dan *Human Governance* serta Penubuhan Kedai Jujur SPRM di sekolah rendah.

Sepanjang tahun 2021, aktiviti Kokurikulum dan Badan Beruniform tidak dapat dijalankan seperti biasa. Perjumpaan di antara Guru Penyelaras Persatuan / Kelab / Unit Beruniform telah diadakan secara sidang video/atas talian.

Modul Pembentukan Karakter dan Nilai Murid (MPKN) akan disebar ke sekolah setelah keadaan pandemik Covid-19 terkawal dan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dapat dilaksanakan secara bersemuka. Buat masa ini PdP mata pelajaran Pendidikan Islam adalah seiring dengan pelaksanaan Program Pemerksaan Pelaksanaan Kurikulum (KPMPerkasaKu) yang baru dilancarkan.

Pelaksanaan *Speaker's Corner* tidak dapat dilaksanakan sepanjang tahun 2021 memandangkan semua sekolah ditutup berikutan penyebaran wabak penyakit Covid-19. Walaupun ada sekolah yang telah dibuka mulai Nov 2021, aktiviti ini ditangguhkan kerana memberi fokus kepada pembelajaran dan pengajaran. Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) telah menyediakan Garis Panduan Pelaksanaan *Speaker's Corner* selaras dengan pengoperasian sekolah dalam norma baharu. Garis Panduan tersebut dijangka akan diedarkan ke sekolah untuk digunakan dalam tahun 2022.

Operasi Kedai Jujur bagi Fasa 1 untuk diperkenalkan di 10 buah sekolah di bawah Jabatan Pendidikan Wilayah



Persekutuan (JPWP) Putrajaya terpaksa ditangguh disebabkan pelaksanaan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah PdPR. Bagi pelaksanaan Fasa 2 Kedai Jujur, BPSH telah mencadangkan 20 buah sekolah dan setiap sekolah akan menerima geran sebanyak RM500.00.

KPM juga telah berjaya melaksanakan Program Wira Anti Rasuah melalui anjuran Pertandingan Video Pendek Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah SPRM-KPM Peringkat Kebangsaan. Peserta telah menerima sijil pencapaian dan penyertaan elektronik dan pemenang diumumkan melalui media sosial *Facebook SPRM Community*.

Pemenang Pertandingan Video Pendek Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah SPRM-KPM Peringkat Kebangsaan

TEMPAT	NAMA SEKOLAH	NEGERI
Pertama	SMK Tok Janggut	Kelantan
Kedua	Sekolah Seni Malaysia Perak	Perak
Ketiga	SMK Pernu	Melaka
Keempat	SMK Durian Tunggal	Melaka
Kelima	SMK Putrajaya Presint 18(1)	Putrajaya

Penerapan amalan nilai murni dalam kalangan murid sekolah dapat diterapkan melalui pelaksanaan beberapa program/aktiviti kokurikulum melalui pelaksanaan inisiatif ini.

Program/aktiviti yang dijana akan menyumbang kepada pembangunan dan memberi impak dalam melahirkan murid yang aktif dalam aktiviti kesukarelawanan dan dapat bergaul secara berkumpulan; melahirkan murid yang mempunyai karakter dan nilai diri yang baik; murid yang bersifat lebih terbuka dalam menyuarakan pandangan terhadap sesuatu perkara menerusi saluran dan etika yang betul serta mendidik budaya integriti secara praktikal dalam kehidupan seharian murid.

Antara sub-aktiviti yang dilaksanakan adalah:  
Pelaksanaan Program Wira Anti Rasuah

1. Pertandingan Video Pendek Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah SPRM-KPM Peringkat Kebangsaan
2. Pertandingan Mencipta Lirik dan Lagu Wira Antirasuah SPRM-KPM Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan

Pemenang telah diumumkan pada 8 Oktober 2021 dan peserta telah menerima sijil pencapaian dan penyertaan elektronik dan pemenang diumumkan melalui media sosial *Facebook SPRM Community*.

Pemenang Pertandingan Video Pendek Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah SPRM-KPM Peringkat Kebangsaan

TEMPAT	NAMA SEKOLAH	NEGERI
Pertama	SMK Tok Janggut	Kelantan
Kedua	Sekolah Seni Malaysia Perak	Perak
Ketiga	SMK Pernu	Melaka
Keempat	SMK Durian Tunggal	Melaka
Kelima	SMK Putrajaya Presint 18(1)	Putrajaya

5



**Inisiatif 2.4.11: Memperkukuhkan pendidikan di peringkat sekolah menengah yang berteraskan kepada pembentukan sahsiah, jatidiri dan kepimpinan yang utuh.**

KPM telah membangunkan beberapa inisiatif bagi maksud inisiatif ini melalui pelaksanaan beberapa aktiviti seperti khidmat masyarakat dan kesukarelawanan yang mendukung elemen *Human Governance*; Penyediaan dan Pelaksanaan Modul Pembentukan Karakter dan Nilai Murid (MPKN) dalam Pendidikan Islam; Perluasan pelaksanaan *Speaker's Corner* dengan menggunakan tajuk yang berkaitan dengan elemen nilai murni dan *Human Governance* serta Penubuhan Kedai Jujur SPRM di sekolah menengah.

Sepanjang tahun 2021, aktiviti Kokurikulum dan Badan Beruniform tidak dapat dijalankan seperti biasa.



Perjumpaan di antara Guru Penyelaras Persatuan / Kelab / Unit Beruniform telah diadakan secara sidang video/atas talian.

Modul Pembentukan Karakter dan Nilai Murid (MPKN) akan disebarkan ke sekolah setelah keadaan pandemik Covid-19 terkawal dan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dapat dilaksanakan secara bersemuka. Buat masa ini PdP mata pelajaran Pendidikan Islam adalah seiring dengan pelaksanaan Program Pemerkasaan Pelaksanaan Kurikulum (KPMPerkasaKu) yang baru dilancarkan.

Pelaksanaan *Speaker's Corner* tidak dapat dilaksanakan sepanjang tahun 2021 memandangkan semua sekolah ditutup berikutan penyebaran wabak penyakit Covid-19. Walaupun ada sekolah yang telah dibuka mulai Nov 2021, aktiviti ini ditangguhkan kerana memberi fokus kepada pembelajaran dan pengajaran. BPSH telah menyediakan Garis Panduan Pelaksanaan *Speaker's Corner* selaras dengan pengoperasian sekolah dalam norma baharu. Garis Panduan tersebut dijangka akan diedarkan ke sekolah untuk digunakan dalam tahun 2022.

Operasi Kedai Jujur bagi Fasa 1 untuk diperkenalkan di 10 buah sekolah di bawah JPWP Putrajaya terpaksa ditangguh disebabkan pelaksanaan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah PdPR. Bagi pelaksanaan Fasa 2 Kedai Jujur, BPSH telah mencadangkan 20 buah sekolah dan setiap sekolah akan menerima geran sebanyak RM500.00.

KPM juga telah berjaya melaksanakan Program Wira Anti Rasuah melalui anjuran Pertandingan Video Pendek Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah SPRM-KPM Peringkat Kebangsaan serta Pertandingan Mencipta Lirik dan Lagu Wira Antirasuah SPRM-KPM Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan. Peserta telah menerima sijil pencapaian dan penyertaan elektronik dan pemenang diumumkan melalui media sosial *Facebook SPRM Community*.



Pemenang Pertandingan Video Pendek Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah SPRM-KPM Peringkat Kebangsaan

TEMPAT	NAMA SEKOLAH	NEGERI
Pertama	SMK Tok Janggut	Kelantan
Kedua	Sekolah Seni Malaysia Perak	Perak
Ketiga	SMK Pernu	Melaka
Keempat	SMK Durian Tunggal	Melaka
Kelima	SMK Putrajaya Presint 18(1)	Putrajaya

Pertandingan Mencipta Lirik dan Lagu Wira Antirasuah SPRM-KPM Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan

TEMPAT	NAMA SEKOLAH	NEGERI
Pertama	SMK Seri Pantiambun	Sarawak
Kedua	Sekolah Seni Malaysia Perak	Perak
Ketiga	SMK Ayer Keroh	Melaka
Keempat	Kolej Datu Patinggi Abang Haji Abdillah	Sarawak
Kelima	Sekolah Sukan Negeri (SSN) SMK Mutiara	W.P Labuan


Penerapan amalan nilai murni dalam kalangan murid sekolah dapat diterapkan melalui pelaksanaan beberapa program/aktiviti kokurikulum melalui pelaksanaan inisiatif ini.

Program/aktiviti yang dijana akan menyumbang kepada pembangunan dan memberi impak dalam melahirkan murid yang aktif dalam aktiviti kesukarelawanan dan dapat bergaul secara berkumpulan; melahirkan murid yang mempunyai karakter dan nilai diri yang baik; murid yang bersifat lebih terbuka dalam menyuarakan pandangan terhadap sesuatu perkara menerusi saluran dan etika yang betul serta mendidik budaya integriti secara praktikal dalam kehidupan seharian murid.

# KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA (MOT)

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas satu (1) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam satu (1) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2022.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan MOT dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- (i) Agensi Pengangkutan Awam Darat (**APAD**)
- (ii) Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (**LPKP**) Sabah
- (iii) Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (**LPKP**) Sarawak

## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 1 INISIATIF:

1



**Inisiatif 5.2.5: Pelaksanaan sistem pelesenan atas talian bagi pengeluaran lesen dan permit bagi pengendali perkhidmatan awam darat dan kenderaan perdagangan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sarawak.**

Pelaksanaan bagi Sistem Pelesenan Kenderaan Perdagangan (i-SPKP) ini adalah mengikut perancangan yang telah di tetapkan. Projek iSPKP berada dalam fasa Pembangunan dan akan menjalani fasa *go live* bagi Fasa 1 pada penghujung Mac 2022. Melalui sistem iSPKP ini, proses pengeluaran permit kenderaan perdagangan



akan dilaksanakan melalui sistem atas talian berbanding kaedah sekarang yang dilaksanakan secara manual yang memerlukan kehadiran pelanggan ke kaunter untuk melakukan urusan pengeluaran permit. Sistem yang dibangunkan akan memudahkan proses permohonan lesen dengan pengurangan tempoh mendapatkan lesen daripada 7 hingga 30 hari kepada 1 hingga 15 hari sahaja.

Semakan maklumat adalah secara *real time* dalam sistem tersebut yang melibatkan integrasi data melibatkan 12 Jabatan/Agensi luar seperti Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan sebagainya. Antara output yang akan dapat dicapai melalui pelaksanaan inisiatif ini ialah pemalsuan/kesahihan dokumen dapat dikesan secara *real time* oleh pihak penguatkuasa dan tindakan penguatkuasaan undang-undang dapat dilaksanakan secara terus di lapangan serta mengurangkan kesesakan pelanggan di cawangan kaunter APAD dan memudahkan urusan pengguna untuk mendapatkan permit.


Output yang diperolehi melalui sistem ini akan memberikan impak yang positif kepada APAD, LPKP Sabah dan LPKP Sarawak dari segi peningkatan kepercayaan orang awam terhadap perkhidmatan yang diberikan. Ini kerana pelaksanaan sistem ini akan mengurangkan risiko rasuah disebabkan transaksi berlaku secara atas talian dan pengurangan karenah birokrasi serta penyampaian perkhidmatan juga menjadi lebih mudah, cekap dan optimum. Secara umumnya Projek iSPKP APAD adalah selaras dengan agenda kerajaan untuk mendigitalisasikan perkhidmatan awam.



# KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN)

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas tujuh (7) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam satu (1) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2023.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan KDN dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- (i) Kementerian Sumber Manusia (**KSM**)
- (ii) Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (**JPA**)
- (iii) Kementerian Kewangan (**MOF**)
- (iv) Unit Perancang Ekonomi (**EPU JPM**)

## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 7 INISIATIF:

1



**Inisiatif 5.1.1: Menyepadukan agensi berkaitan yang bertanggungjawab dalam mengurus kawalan sempadan bagi memastikan pengurusan sempadan yang berkesan.**

Pasukan Nukleus *Single Border Agency* (SBA) telah ditubuhkan pada 11 Oktober 2021 dan sebanyak 11 perjawatan pasukan nukleus tersebut telah diisi berikutan pembentangan kertas *Single Border Agency* yang telah diangkat ke Mesyuarat Jemaah Menteri pada Julai 2021. Pasukan tersebut juga sedang dalam tindakan untuk membangunkan struktur dan fungsi SBA yang lebih komprehensif termasuk perjawatan, kewangan, *Standard Operating Procedure* (SOP), dasar dan sistem berkaitan yang boleh diguna pakai oleh SBA kelak.

KDN berhasrat untuk mewujudkan satu badan tunggal bagi mengawal selia dan mengurus sempadan Malaysia. Penubuhan SBA ini akan dapat meningkatkan penyelarasan proses pemeriksaan secara efisien melalui *single clearance mechanism* dalam mempertingkatkan aspek keselamatan; dan pengawalseliaan dan pengukuhan bagi mempertingkatkan piawai pengoperasian dan keselamatan di sepanjang sempadan negara.

2



### Inisiatif 5.2.1: Menggunakan teknologi komunikasi dan maklumat di semua pusat tahanan.

Sehingga 31 Disember 2021, beberapa agensi penguatkuasaan yang mengendalikan pusat tahanan dan depot imigresen telah melaksanakan beberapa tindakan mengenai keperluan teknologi komunikasi dan maklumat bagi agensi-agensi berkaitan iaitu:

- (i) Jabatan Penjara Malaysia (PENJARA)
  - Dalam tindakan perolehan lapan (8) pakej sewaan kamera litar tertutup [*Closed-Circuit Television (CCTV)*] di bawah peluasan Sistem Keselamatan Elektronik Bersepadu (SKEB).
- (ii) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)
  - Membuat penajaran peruntukan tahun 2022 untuk perolehan peralatan baharu bagi Sistem Pengurusan Rekod Tahanan (e-Lokap).
- (iii) Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)
  - Penyediaan permohonan keperluan CCTV di bawah *Rolling Plan (RP) 3, RMKe-12*.
- (iv) Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)
  - Proses pemasangan CCTV di depot imigresen.
- (v) Polis Diraja Malaysia (PDRM)
  - Proses pemasangan dan *User Acceptance Test (UAT)* sewaan CCTV di lima (5) zon.

Pelaksanaan pemasangan CCTV, penggunaan sistem biometrik dan sebagainya di semua Depot Imigresen dan Pusat Tahanan seluruh negara akan secara langsung membantu agensi-agensi berkaitan di dalam semua

urusan berkaitan pendaftaran tahanan, kesihatan, kematian, pengusiran dan lain-lain urusan berkaitan dengan tahanan dan depot.

Melalui pelaksanaan inisiatif ini, pengurusan data dan maklumat berserta biometrik tahanan dapat disimpan dan diuruskan dengan lebih baik secara sistematik; salah laku ke atas tahanan oleh pegawai penguatkuasa dapat dikurangkan; pengurusan tahanan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan serta membantu mengenalpasti pesalah yang berulang melalui sistem biometrik dan boleh dapat digunakan oleh agensi penguatkuasaan yang lain.

3



### **Inisiatif 5.2.2: Menambahbaik sistem pengurusan pekerja asing berpusat dengan cara memperkemas dan menyepadukan sistem permohonan pekerja asing atas talian sedia ada.**

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Jun 2021 telah memutuskan bahawa pelaksanaan *Multi-tier Levy* ditangguhkan pada masa yang bersesuaian kelak. Sebarang keputusan dasar mengenai pelaksanaan *Multi-tier Levy* adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Sumber Manusia (KSM). KDN berperanan sebagai pelaksana memandangkan levi dibayar oleh majikan di KDN. Modul *Multi-tier Levy* yang bersepadu dalam sistem MyIMMs (Jabatan Imigresen Malaysia) dan sistem ePPAx (KSM) telah sedia untuk dilaksanakan setelah keputusan dasar Kerajaan diperolehi. Namun, jawatankuasa teknikal dan pasukan projek yang terlibat bagi *Multi-tier Levy* dan pembayaran levi masih berjalan seperti biasa.

KDN berhasrat supaya pelaksanaan *Multi-tier Levy* dalam sistem pengurusan pekerja asing dapat dilaksanakan. Antara impak signifikan daripada pelaksanaan inisiatif ialah pengurangan penggunaan dokumen fizikal dan memudahkan semua pihak kerana tidak melibatkan penyediaan dokumen secara berulang kepada agensi yang berbeza. Setiap maklumat boleh diakses oleh semua agensi dalam satu sistem; dan kemampuan keseluruhan sistem yang dikawal sendiri oleh Kerajaan berbanding di bawah kawalan pihak ketiga (vendor)

akan menjimatkan kos Kerajaan, mewujudkan kawalan keselamatan yang lebih menyeluruh dan meningkatkan mutu perkhidmatan ke arah proses yang lebih cekap, telus dan tiada konflik kepentingan.

4



**Inisiatif 5.2.3: Menggunakan teknologi digital untuk memantau aktiviti haram dan tidak sah seperti pendatang asing tanpa izin, penyeludupan dan aktiviti haram lain di semua pusat kawalan sempadan dan pintu masuk negara.**

Bagi memantau aktiviti haram dan tidak sah seperti pendatang asing tanpa izin, penyeludupan dan aktiviti haram lain di semua pusat kawalan sempadan dan pintu masuk negara beberapa inisiatif sedang dilaksanakan seperti berikut:

- (i) Tindakan mengiklankan semula dua (2) tender perkhidmatan sewaan CCTV oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM); dan
- (ii) Dalam proses penyediaan permohonan bagi peralatan teknologi digital Pasukan Polis Marin untuk RP3 Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Penyediaan dan penggunaan peralatan teknologi digital di semua pusat kawalan sempadan negara ini akan secara langsung dapat membantu pihak KDN dan agensi-agensi di bawahnya untuk memantau aktiviti-aktiviti haram yang berlaku.

Antara impak signifikan melalui pelaksanaan inisiatif ialah peningkatan tahap efisien agensi dalam mengawal serta mengurangkan aktiviti haram dan tidak sah; pemantauan dan kawalan yang lebih berkesan di sempadan dan pintu masuk; kawalan yang menyeluruh ke atas semua sempadan dan pintu masuk untuk mengawal aktiviti-aktiviti haram serta pengurangan isu salah laku pegawai yang bertugas di sempadan dan pintu masuk.

5



#### **Inisiatif 5.2.4: Mewujudkan sistem pengkalan data yang bersepadu untuk pendaftaran masuk dan keluar imigran dari Malaysia.**

Cadangan mengenai keperluan teknologi komunikasi dan maklumat di semua Depot Imigresen dan Pusat Tahanan seluruh negara telah dimasukkan dalam skop pembangunan *National Integrated Immigration System* (NIISe). Kontraktor yang dilantik sedang dalam tindakan menyediakan analisis keperluan dan reka bentuk bagi Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (NIISe). Pelaksanaan NIISe di harap dapat dilaksanakan secara sepenuhnya pada tahun 2023.

Pengurusan data dan maklumat berserta biometrik keluar dan masuk imigran dapat disimpan dan diuruskan dengan lebih baik secara sistematik serta kawalan yang menyeluruh ke atas semua imigran yang masuk dan keluar dari Malaysia bagi menjamin keselamatan dan secara langsung memantau tempoh keberadaan imigran tersebut di Malaysia adalah antara impak langsung yang akan dapat dirasai melalui pelaksanaan ini.

6



#### **Inisiatif 5.3.1: Memperkasa Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) khususnya dalam menguruskan kebajikan, logistik, tenaga kerja dan peruntukan kewangan untuk latihan.**

Bagi memperkasakan Polis Diraja Malaysia (PDRM), beberapa inisiatif sedang dilaksanakan terutama sekali penyelarasan jawatan sensitif PDRM, rawatan perubatan warga PDRM, lawatan kebajikan, pengurusan sumbangan kepada warga PDRM yang cedera atau meninggal dunia semasa bertugas serta penyelarasan kursus/latihan bagi warga PDRM.

Pengukuhan tenaga kerja dan kebajikan warga PDRM; pemodenan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran; serta pembaikan infrastruktur kuarters dan penyelenggaraan bangunan adalah antara output yang di harap dapat dimeterai.

Pelaksanaan inisiatif ini juga akan membawa kepada nisbah yang seimbang di antara Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) dengan keseluruhan warga PDRM bagi menangani kes-kes salah laku oleh warga PDRM; peningkatan keupayaan profesionalisme warga PDRM; penambahbaikan di dalam hal ehwal kebajikan warga PDRM; peningkatan kapabiliti dan kapasiti warga PDRM serta pengwujudan infrastruktur dan teknologi bagi meningkatkan produktiviti PDRM.

7



**Inisiatif 5.3.3: Menubuhkan Suruhanjaya Bebas Tata Kelakuan Polis (*Independent Police Conduct Commission*) [IPCC] bagi menangani isu integriti dan mengekang salah laku anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM).**

Sehingga 31 Disember 2021, PDRM telah menubuhkan satu *Task Force* PDRM dalam merangka Akta Suruhanjaya Bebas Tata Kelakuan Polis (IPCC). Taklimat berkenaan Rang Undang-Undang (RUU) IPCC juga telah diberikan kepada warga PDRM dan beberapa pihak berkepentingan bermula September 2020. RUU IPCC juga telah dibentang dalam Persidangan Parlimen Ke-14 pada 26 Ogos 2020. Bacaan kali kedua RUU IPCC 2020 dijadualkan untuk dibentangkan pada sidang Penggal Kelima Parlimen Ke-14.

Pewujudan badan pemantau bebas iaitu IPCC sebagai pihak yang menerima aduan salah laku, menyiasat aduan tersebut dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas warga PDRM adalah antara hasrat pelaksanaan inisiatif ini.

# KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT)

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas tiga (3) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam satu (1) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2023.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN

**3** Inisiatif

Jangka Sederhana  
(Jan 2021-Dis 2023)

Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan KPT dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- (i) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (**SPRM**)
- (ii) Institut Integriti Malaysia (**IIM**)

## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 3 INISIATIF:

1



**Inisiatif 2.4.2: Memberi penekanan terhadap elemen integriti dan nilai insan (tadbir urus insan) dalam program induksi pensyarah di institut pengajian tinggi.**

Program induksi pensyarah Universiti Awam (UA), Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) serta Politeknik dan Kolej Komuniti (PKK) sedang ditambah baik melalui integrasi elemen integriti dan tadbir urus insan dalam kurikulum program induksi sedia ada. Ini melibatkan penambahbaikan Program Transformasi Minda (PTM) bagi pensyarah UA, Program Penyegaran Pemahaman Kemenjadian Insan dan Program Kepimpinan Instruksional & Pembangunan Andragogi (KIPA) bagi pensyarah PKK serta Program *MyLeader* bagi pensyarah IPTS. Selain itu, bagi mendedahkan pensyarah UA mengenai pematuhan,

hebahan poster berkaitan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) telah dilaksanakan melibatkan semua UA. Inisiatif yang dilaksanakan dapat mengukuhkan kesedaran, kefahaman dan penghayatan golongan pensyarah terhadap nilai integriti dan tadbir urus insan (*human governance*) bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian pendidikan tinggi negara.

2



**Inisiatif 2.4.4: Memperkukuhkan program kepemimpinan bagi warga pendidik dan pentadbir di semua pusat pengajian tinggi dengan memasukkan elemen tadbir urus insan.**

Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) telah melaksanakan program *Human Governance in Leadership* pada 30 September 2021 dan program *Webinar Humanising Leadership* pada 23 hingga 24 November 2021.

Hasil langsung daripada pelaksanaan kedua-dua program ini adalah para peserta dapat memahami dan menghayati konsep tadbir urus insan (*Human Governance*) untuk dipraktikkan dalam kepimpinan di peringkat institusi masing-masing.

Jangkaan impak signifikan melalui pelaksanaan inisiatif tersebut adalah mewujudkan kesedaran di kalangan pemimpin Institut Pengajian Tinggi (IPT) akan kepentingan elemen tadbir urus insan dalam menangani isu-isu di institusi. Seterusnya isu salah laku tadbir urus dalam kalangan pemimpin IPT akan berkurangan.

3



**Inisiatif 2.4.7: Memperkenalkan kursus matapelajaran wajib di Institusi Pendidikan Tinggi pada peringkat Sijil, Diploma dan Sarjana Muda yang menekankan kepada aspek kenegaraan, etika, peradaban, nilai, integriti dan falsafah.**

Bagi pelaksanaan inisiatif ini, dua (2) sub-inisiatif telah dilaksanakan iaitu:

- a) Inisiatif pertama adalah pelaksanaan Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban serta Kursus Falsafah dan Isu Semasa mulai tahun 2021. Kedua-





dua kursus tersebut telah ditetapkan sebagai mata pelajaran umum yang wajib diambil oleh pelajar IPT agar mereka dapat menghayati etika dan peradaban yang wujud dalam masyarakat kepelbagaian etnik di Malaysia. Adalah menjadi hasrat kepada KPT bahawa pelaksanaan kedua-dua kursus ini dapat menghasilkan graduan yang peka dengan isu kontemporari berkaitan ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar dari perspektif falsafah, etika dan peradaban; dan


- b) Inisiatif kedua adalah pelaksanaan Kursus Integriti dan Antirasuah di semua IPT sebagai kursus elektif (projek perintis) pada tahun 2021 dan 2022. Adalah menjadi hasrat KPT untuk mewajibkan kursus ini kepada semua pelajar IPT menjelang tahun 2023. Kursus ini bertujuan membudayakan integriti dan menanam perasaan benci kepada jenayah rasuah dalam kalangan pelajar IPT bagi melahirkan komuniti berasaskan integriti di Malaysia dan justeru mengurangkan kes jenayah rasuah di negara.



# KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas satu (1) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam satu (1) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2023.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan KKMM dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- (i) Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (**GIACC JPM**)
- (ii) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (**SPRM**)
- (iii) Jabatan Penyiaran Malaysia (**RTM**)
- (iv) Jabatan Penerangan Malaysia (**JaPen**)
- (v) Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (**BERNAMA**)
- (vi) Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (**FINAS**)
- (vii) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (**SKMM**)
- (viii) *Measat Broadcast Network Systems* (**ASTRO**)

## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 1 INISIATIF:

1



**Inisiatif 2.4.9: Menyebarluas mesej antirasuah dalam konteks hubungan antara insan melalui pelbagai saluran media secara berterusan.**

KKMM sentiasa menyebarluas mesej antirasuah dalam konteks hubungan antara insan melalui pelbagai saluran media secara berterusan.



Sebanyak 7,212 buah program/aktiviti pada tahun 2020 dan 26,968 buah program/aktiviti pada tahun 2021 berjumlah 34,180 telah dilaksanakan di televisyen dan radio awam/swasta dengan tajuk berikut:

- (i) Bila Hadiah Menjadi Rasuah
- (ii) Hentikan Rasuah
- (iii) Runtuh Institusi Keluarga Kerana Rasuah
- (iv) Lagu Malaysia Bersih
- (v) Bersama Kita Hapuskan Rasuah
- (vi) Padah Rasuah
- (vii) Hapuskan Rasuah
- (viii) Cegah Rasuah
- (ix) Rasuah *Busters*
- (x) *Infozone - Rasuah Busters*
- (xi) *Rasuah Buster Movement*
- (xii) Kenal Rasuah - Haji Jais Abdul Karim, Presiden MCW
- (xiii) Perangi Rasuah
- (xiv) *Say No TO Rasuah*
- (xv) Jauhi Rasuah
- (xvi) Kempen Anti Rasuah
- (xvii) Ingat! Rasuah
- (xviii) Indeks Persepsi Rasuah
- (xix) Pemberi Maklumat Rasuah

Pelaksanaan program/aktiviti hebahan mesej antirasuah ini dapat melahirkan masyarakat yang peka dengan isu rasuah dan integriti di samping mempromosikan usaha-usaha Kerajaan dalam memerangi dan mengatasi rasuah dengan kerjasama SPRM dan IIM.

Keberkesanan pelaksanaan inisiatif ini dapat dilihat apabila masyarakat mempunyai kawalan sendiri terhadap perlakuan rasuah iaitu peka mengenai isu rasuah dan integriti serta bersama-sama dalam memerangi dan mengatasi rasuah.



# KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas dua (2) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam satu (1) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2023.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN

**2** Inisiatif

Jangka Sederhana  
(Jan 2021-Dis 2023)

Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan KPKT dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- (i) Jabatan Peguam Negara (**AGC**)
- (ii) Jabatan Perkhidmatan Awam (**JPA**)
- (ii) Pihak Berkuasa Negeri (**PBN**)
- (iv) Pihak Berkuasa Tempatan (**PBT**)

## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 2 INISIATIF:

1



### Inisiatif 2.3.1: Memperkasakan Pihak Berkuasa Tempatan melalui pindaan perundangan berkaitan Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171].

KPKT telah mengemukakan draf Rang Undang-undang (RUU) Pindaan Akta Kerajaan Tempatan [Akta 171] kepada Jabatan Peguam Negara (AGC) untuk semakan dan kelulusan. KPKT berhasrat agar pindaan Akta 171 ini diluluskan di Parlimen selewat-lewatnya pada penghujung tahun 2022. Pindaan Akta 171 ini dapat memperkasa penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui penambahbaikan dan pengemaskinian proses-proses

penguatkuasaan PBT di samping menyelaraskan kadar denda yang sesuai dengan keadaan semasa dan jenis kesalahan.

2



**Inisiatif 2.3.2: Memperkenalkan cadangan alternatif bagi melaksanakan pemusatan beberapa jawatan Pihak Berkuasa Tempatan terpilih di bawah Pihak Berkuasa Negeri menggantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (SPPBT).**


Sepanjang tahun 2020 dan 2021, KPKT telah mengadakan tujuh (7) siri libat urus/bengkel yang turut melibatkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mengenal pasti kaedah alternatif kepada penubuhan SPPBT yang boleh dilaksanakan dengan/tanpa pindaan Akta 171. Susulan saranan daripada Mesyuarat JAR Peringkat Kebangsaan Siri 7 Bilangan 3 Tahun 2021 pada 8 Disember 2021, KPKT sedang meneliti sama ada mekanisma sedia ada penempatan perkhidmatan Pegawai Gunasama Persekutuan di Jabatan Kerajaan Negeri dan Jabatan Persekutuan di peringkat negeri boleh diguna pakai di PBT selain mengguna pakai kaedah penempatan dan pertukaran pegawai PBT dengan memberi kuasa tambahan kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri atau kaedah lain yang bersesuaian.

KPKT berhasrat untuk mendapatkan persetujuan cadangan terbaik dan penyeragaman kaedah pelaksanaan pertukaran pegawai PBT dalam negeri yang sama. Pelaksanaan inisiatif ini akan memberi penambahbaikan dari segi kemudahan laluan kerjaya, mobiliti pegawai dan penekanan aspek integriti pegawai.

# KEMENTERIAN LUAR NEGERI (KLN)

Kementerian Luar Negeri (KLN) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas satu (1) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam satu (1) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2022.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan KLN dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- (i) Kementerian/Jabatan/Agensi yang berkaitan
- (ii) Jabatan Perkhidmatan Awam (**JPA**)
- (iii) Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (**GIACC JPM**)

## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 1 INISIATIF:

1



**Inisiatif 2.2.4: Mewajibkan Pegawai Atase yang ditempatkan di Perwakilan Malaysia di luar negara untuk bertanggungjawab kepada Ketua Perwakilan di luar negara (Duta Besar/Pesuruhjaya Tinggi/ Konsul Jeneral/Konsul).**

Inisiatif ini pada peringkat awalnya dirancang untuk dilaksanakan secara usahasama dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui program Rasionalisasi Pejabat Perwakilan dan Wakil Agensi-agensi Kerajaan Malaysia di luar negeri. Walau bagaimanapun, KLN telah menerima pemakluman daripada JPA yang memaklumkan bahawa pelaksanaan program rasionalisasi tersebut terpaksa ditangguhkan sehingga mendapat hala tuju yang baharu daripada Kerajaan.



Lanjutan daripada penangguhan tersebut, KLN telah mengadakan perbincangan bersama Bahagian Penyelidikan Antirasuah, Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC JPM) dan Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 20 Mei 2021 dan 21 September 2021 bagi membincangkan hala tuju dan kaedah terbaik bagi melaksanakan inisiatif ini. Hasil perbincangan-perbincangan tersebut, KLN bersetuju untuk mengkaji kebolehlaksanaan inisiatif tersebut supaya diselaraskan dengan peruntukan di bawah Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2018 – Sistem Pentadbiran Kerajaan Malaysia (SPKM) di Luar Negeri (SPA2/2018-SPKM).

Bagi tujuan mengkaji semula kebolehlaksanaan inisiatif tersebut, KLN akan mengadakan satu (1) bengkel antara *focal point* SPKM di setiap Agensi pada suku pertama tahun 2022. Bengkel ini juga bertujuan untuk mengingatkan bahawa semua penjawat awam yang berkhidmat di luar negeri yang diselia oleh Ketua Perwakilan dikehendaki menjalankan fungsi dan tanggungjawab seperti termaktub dalam SPA2/2018-SPKM.


Hasil pelaksanaan inisiatif ini, KLN berhasrat untuk membangunkan satu kaedah atau format laporan berkala oleh Pejabat Wakil Agensi kepada Ketua Perwakilan. Adalah diharapkan, melalui pelaksanaan inisiatif ini, pegawai-pegawai wakil Agensi yang ditempatkan di luar negeri akan bertanggungjawab serta mempunyai akauntabiliti kepada Ketua Perwakilan.



# KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (MEDAC)

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas satu (1) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam satu (1) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2023.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan MEDAC dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- (i) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
- (ii) Institut Integriti Malaysia (IIM)

## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 1 INISIATIF:

1



**Inisiatif 2.4.8: Memberi penekanan kepada aspek integriti dan antirasuah dalam program pendidikan keusahawanan.**

Sehingga 31 Disember 2021, satu (1) video berkaitan integriti telah dihasilkan secara dalaman oleh pihak Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) untuk ditayangkan semasa kursus keusahawanan yang dijalankan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian. Bagi menjayakan inisiatif ini, semua agensi di bawah MEDAC yang menjalankan program atau kursus berkaitan keusahawanan dimohon untuk menyediakan borang kaji selidik berkaitan integriti kepada peserta program atau kursus keusahawanan bagi menilai kefahaman peserta yang terlibat. Selain itu, program atau kursus keusahawanan yang dianjurkan






diberi satu slot khas berkaitan integriti sama ada dalam bentuk tayangan video, ceramah, taklimat dan lain-lain lagi kepada peserta. Perkara ini dalam proses untuk diselaraskan di semua agensi. Penekanan aspek integriti dan antirasuah integriti ini dapat melatih, melahirkan dan menerapkan nilai-nilai integriti kepada bakal-bakal usahawan dan usahawan yang sedia ada dalam menjalankan urusan-urusan perniagaan dan lain-lain. Terdapat peningkatan dalam jumlah kutipan bayaran balik oleh para usahawan hasil daripada program-program berkaitan integriti yang dijalankan. Melalui penerapan nilai ini, diharap dapat membentuk usahawan yang lebih berintegriti dan bertanggungjawab termasuk memastikan pembayaran balik pinjaman dibuat dalam tempoh ditetapkan bagi memastikan kelangsungan aliran pusingan modal bagi pembiayaan kepada usahawan. Ini juga diharap dapat meningkatkan bilangan usahawan yang berdaya maju dalam menjalankan urusan perniagaan yang berimpak rendah, sederhana dan tinggi.

# KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS)

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas satu (1) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam satu (1) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2023.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan KBS dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- (i) Jabatan Belia dan Sukan Negara
- (ii) Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia
- (iii) Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia (**IYRES**)
- (iv) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (**SPRM**)
- (v) Institut Integriti Malaysia (**IIM**)

## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 1 INISIATIF:

1



**Inisiatif 2.4.12: Mendekati golongan belia yang berada di luar sistem pendidikan formal (remaja terciir) melalui kelab, persatuan dan organisasi belia untuk menerapkan nilai integriti, tadbir urus dan antirasuah.**

KBS menerusi inisiatif ini bagi tempoh lima (5) tahun (2019-2023), komited melaksanakan pelbagai aktiviti yang menyokong pelaksanaan inisiatif ini. Sehingga 31 Disember 2021, KBS telah melaksanakan Program Belia Mencegah Ekstremisme secara dalam talian dengan jumlah penyertaan seramai 1,770 orang. Manakala, Bengkel Tadbir Urus-Element Integriti dan Seminar Belia



Malaysia Memutuskan Rangkaian Rasuah telah dirancang semula pelaksanaannya pada tahun 2022.

Dengan adanya pelaksanaan aktiviti ini, KBS berharap agar output yang dihasratkan tercapai sebagaimana berikut:

- i. Meningkatkan pemahaman dan pengetahuan belia berkaitan isu ekstremisme ganas dan terorisme melalui pelbagai sumber sama ada daripada segi keselamatan, undang-undang dan penggunaan media sosial;
- ii. Pertubuhan belia mampu membantu KBS dalam membentuk integriti yang tinggi di kalangan Ahli Jawatankuasa dan Ahli Biasa di dalam pertubuhan/persatuan belia serta belia di kawasan yang mereka wakili; dan
- iii. Data/maklumat berkaitan memutuskan rasuah di kalangan belia mampu memberi manfaat dan diadaptasikan oleh peserta.


Menerusi program yang telah selesai dilaksanakan pada tahun 2021, peserta-peserta program telah memperolehi maklumat awal dan pengetahuan sebenar mengenai esktrmisme ganas dan terorisme di samping meningkatkan pemberdayaan mereka melalui latihan, bengkel dan simulasi yang dilalui dalam mencegah dan menentang gejala ini.



# PARLIMEN MALAYSIA (PARLIMEN)

Parlimen Malaysia (Parlimen) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas satu (1) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam satu (1) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2022.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan Parlimen dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- (i) Jabatan Perdana Menteri (JPM)

## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 1 INISIATIF:

1



**Inisiatif 1.4.2: Mengkaji keperluan bagi memperkenalkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963.**

Draf Pertama Rang Undang-Undang (RUU) Akta Perkhidmatan Parlimen telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara pada 5 Oktober 2021. Parlimen Malaysia kemudiannya dimohon untuk mendapatkan ulasan pihak-pihak yang berkaitan bagi maksud Draf RUU tersebut.

Pihak Parlimen Malaysia sedang dalam usaha untuk mengadakan sesi Libat Urus Bersama Agensi Pusat seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri untuk meneliti dan mengkaji semula keperluan pelaksanaan bagi memperkenalkan Akta Perkhidmatan Parlimen yang baharu.



Parlimen Malaysia berhasrat agar dapat memperkenalkan Akta Perkhidmatan Parlimen yang baharu bagi menggantikan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang telah dimansuhkan pada 1992.

Sekiranya cadangan untuk memperkenalkan Akta Perkhidmatan Parlimen ini dipersetujui, Akta Perkhidmatan Parlimen tersebut akan mewujudkan suatu skim baharu bagi Perkhidmatan Parlimen.

# SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas 11 inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam dua (2) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2023.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan SPRM dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- (i) Jabatan Perdana Menteri (**JPM**)
- (ii) Kementerian Kewangan (**MOF**)
- (iii) Jabatan Audit Negara (**JAN**)
- (iv) Jabatan Peguam Negara (**AGC**)
- (v) Institut Integriti Malaysia (**IIM**)
- (vi) Pertubuhan Bukan Kerajaan (**NGO**)
- (vii) Organisasi Agama
- (viii) Agensi Kawal Selia yang Berkaitan dan Badan Profesional
- (ix) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (**SSM**)
- (x) Suruhanjaya Sekuriti (**SC**)
- (xi) Syarikat Berkepentingan Kerajaan (**SBK**)
- (xii) Syarikat Terhad Dengan Jaminan (**CLBG**)
- (xiii) Sektor swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia
- (xiv) Agensi Persekutuan dan Agensi Kerajaan Negeri yang berkaitan

## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 11 INISIATIF:

1



### **Inisiatif 1.2.6: Mengkaji keperluan perundangan bertulis berkaitan perisytiharan harta oleh Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen.**

Sesi perbincangan bersama GIACC JPM yang diadakan pada 24 Ogos 2021 telah memutuskan supaya SPRM melaksanakan kajian lanjut berkaitan skop perisytiharan harta dari segi pemakaian dan pematuhan serta cadangan model pelaksanaan sistem perisytiharan harta dan *comprehensiveness* skop perisytiharan harta. Hasil perbincangan tersebut telah diangkat kepada Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) SPRM pada bulan September 2021.

SPRM akan membentangkan permohonan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) atau Mesyuarat Jemaah Menteri bagi mendapatkan keputusan dasar (*policy stance*) Kerajaan sama ada perundangan bertulis berkaitan perisytiharan harta oleh Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen hendak diwujudkan. Tindakan lanjut SPRM mengenai inisiatif ini akan dilaksanakan setelah keputusan tersebut diperolehi.

Adalah dihasratkan agar perundangan bertulis berkaitan perisytiharan harta oleh Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen dapat dikeluarkan dan dikuatkuasakan. Perundangan bertulis mengenai perisytiharan harta ini akan dapat meningkatkan tahap ketelusan dan keyakinan masyarakat terhadap usaha-usaha Kerajaan bagi menangani isu rasuah dan salah guna kuasa Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen melalui pemantauan berkala pemilikan harta, pendapatan dan tanggungan mereka.

2



### **Inisiatif 2.1.5: Mewajibkan sektor awam untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dengan dibantu oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Integriti Malaysia (IIM) dan mana-mana pihak yang berkeelayakan.**

Bengkel dan taklimat telah dirancang dan dilaksanakan melalui dua (2) pendekatan iaitu taklimat/bengkel pembangunan OACP kepada agensi awam dan juga

melalui taklimat/bengkel yang akan dilaksanakan bagi program *Certified Integrity Officer* (CeIO). Bagi tujuan pemantauan, Pelaporan OACP Kementerian dan Kerajaan Negeri termasuk jabatan dan agensi dibawah Kementerian dan Kerajaan Negeri telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Peringkat Kebangsaan Siri 7 Bil. 3 Tahun 2021 pada 8 Disember 2021 untuk dilaporkan kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN) melalui Urus Setia Mesyuarat JAR Peringkat Kebangsaan.

Output yang dihasratkan melalui inisiatif ini adalah untuk semua Kementerian, Kerajaan Negeri serta jabatan dan agensi awam di bawah Kementerian dan Kerajaan Negeri membangunkan OACP masing-masing dan melaksanakan setiap inisiatif yang dirangka. Melalui pelaksanaan inisiatif ini, penyampaian perkhidmatan awam dapat diperkukuhkan melalui pembangunan organisasi yang lestari dan bebas rasuah dengan mengambil kira situasi terkini dan masa hadapan.

3



**Inisiatif 2.4.10: Menyebarluaskan mesej berkenaan antirasuah dalam konteks hubungan antara insan melalui penglibatan pelbagai agensi agama dan badan bukan kerajaan (NGO) secara berterusan.**

SPRM telah melaksanakan pelbagai aktiviti/program melalui penglibatan institusi agama dan badan bukan kerajaan (*Non-Governmental Organisation* [NGO]) dalam menyebarluaskan mesej antirasuah dalam usaha untuk mengukuhkan sokongan masyarakat terhadap inisiatif/aktiviti/program pencegahan rasuah. Sebanyak 24 ceramah yang dihadiri oleh seramai 14,629 orang audiens telah diadakan kepada agensi agama dan NGO. Mesej antirasuah juga telah dimasukkan dalam sebahagian teks doa Khutbah Jumaat di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Ia akan diperluaskan ke negeri-negeri lain. Perancangan aktiviti menyebarluaskan mesej antirasuah dengan agensi agama dan NGO juga telah dirancang untuk diadakan sepanjang tahun 2022 secara berterusan.

Antara output yang dihasratkan melalui pelaksanaan inisiatif ini adalah mesej antirasuah dapat disebarluaskan dengan lebih berkesan. Mesej tersebut kemudiannya dapat disebarkan kepada masyarakat melalui aktiviti-



aktiviti keagamaan yang dianjurkan oleh agensi agama seperti memasukkan klausa antirasuah dan integriti di dalam Khutbah Jumaat dan juga disebarikan kepada masyarakat melalui aktiviti-aktiviti anjuran NGO.

4



**Inisiatif 2.4.14: Memperkukuhkan elemen tadbir urus insan, integriti dan antirasuah dalam program pembangunan profesional berterusan yang dilaksanakan oleh Agensi Kawal Selia kepada Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK), Syarikat Terhadap Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan dan pihak swasta.**

***\*Nota: Inisiatif baru ini merupakan gabungan bagi inisiatif asal 2.4.14 dan 6.2.2 dalam NACP 2019-2023.***

SPRM telah bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi melaksanakan tiga (3) siri ceramah *Integrity & Code Ethics Program For MCMC Stakeholders* iaitu pada 16 Jun 2021, 21 Oktober 2021 dan 24 November 2021.

Program pembangunan profesional bagi memperkukuhkan elemen tadbir urus insan, integriti dan antirasuah bersama Agensi Kawal Selia kepada Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK), Syarikat Terhadap dengan Jaminan (CLBG) dan pihak swasta telah dirancang untuk diadakan sepanjang tahun 2022.

Adalah dihasratkan badan profesional akan dapat bekerjasama dan berganding bahu dengan SPRM dalam usaha pembanteras rasuah melalui program dan latihan yang dilaksanakan.

5



**Inisiatif 3.1.2: Membuat semakan ke atas *Integrity Pact* sedia ada supaya seiring dengan piawaian antarabangsa serta sistem dan prosedur yang berkuat kuasa bagi menangani isu-isu konflik kepentingan.**

Kertas Pertimbangan Semakan Ke Atas *Integrity Pact* Sedia Ada Supaya Seiring Dengan Piawaian Antarabangsa Serta Sistem dan Prosedur Yang Berkuatkuasa Bagi Menangani Isu-Isu Konflik Kepentingan telah dibentangkan dalam Mesyuarat JKKMAR Siri 14 Bil. 1 Tahun 2021 pada 19 April 2021. Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 19 Mei 2021 telah menimbangkan Memorandum daripada Perdana Menteri No. M256/2021 dan bersetuju dengan keputusan Mesyuarat JKKMAR Siri 14 Bil.1 Tahun 2021 seperti berikut:

- (i) Menandatangani Surat Akuan *Integrity Pact* di peringkat pendaftaran dengan MOF dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);
- (ii) Menambahbaik Garis Panduan *Integrity Pact*;
- (iii) Mewujudkan perkongsian maklumat dalam sistem ePerolehan MOF dan *Centralised Information Management System* (CIMS), CIDB;
- (iv) Mengambil tindakan terhadap syarikat/firma perunding atau mana-mana ahli lembaga pengarah atau mana-mana ahli pengurusan yang dituduh iaitu tidak boleh menyertai atau menerima apa-apa tawaran projek akan datang kerana kesalahan jenayah dan rasuah; dan
- (v) Melaksanakan kajian lanjut bagi projek rintis pemantau bebas.

Antara output yang dihasratkan daripada inisiatif ini adalah untuk mengeluarkan satu Pekeliling Perbendaharaan Malaysia berkenaan Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam Perolehan Kerajaan.

Sehubungan itu, Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Perolehan Kerajaan (PK) 1.6 – Integriti Dalam Perolehan Kerajaan telah boleh dicapai dalam portal MOF pada 04 Januari 2022 dan PK 1.6 itu akan berkuatkuasa mulai 1 April 2022.

Melalui pelaksanaan inisiatif ini, urusan perolehan kerajaan dapat dilaksanakan berdasarkan kepada amalan tadbir

urus baik yang mematuhi prinsip-prinsip akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka, serta adil dan saksama.

6



**Inisiatif 3.2.3: Memperkasakan peranan pegawai daripada Unit Integriti (UI) dan Unit Audit Dalam (UAD) sebagai mekanisme semak dan imbang dalam urusan perolehan Kerajaan.**

SPRM telah menyemak dan menambahbaik kertas pertimbangan yang disediakan oleh Bahagian Pengurusan Integriti (BPIA), SPRM dan Unit Audit Dalam (UAD) Kementerian Kewangan (MOF) pada 27 April 2021. Beberapa sesi libat urus telah diadakan bersama Ahli Jawatankuasa Kerja serta Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat (BKSK), MOF bagi membincangkan berkaitan kertas pertimbangan tersebut. Satu bengkel pemurnian kertas pertimbangan juga akan diadakan pada awal tahun 2022 bagi melihat semula peranan pegawai Unit Integriti (UI) dan Unit Audit Dalam (UAD) sebagai satu mekanisme semak dan imbang diperkasakan dalam memastikan urusan perolehan Kerajaan dilaksanakan secara teratur dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Melalui pelaksanaan inisiatif ini, urusan perolehan kerajaan akan menjadi lebih telus, cekap, berkesan dan berakauntabiliti dengan penglibatan kedua-dua pihak UI dan UAD sebagai satu mekanisme tambahan dalam urusan perolehan Kerajaan.

7



**Inisiatif 5.3.2: Memperkasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) khususnya dalam pelantikan Ketua Pesuruhjaya, peruntukan kewangan, jawatankuasa pemantau, penubuhan suruhanjaya perkhidmatan dan tenaga kerja.**

Cadangan memasukkan peruntukan baharu mengenai Pelantikan Ketua Pesuruhjaya dan Penubuhan SPPR melalui pindaan Perlembagaan Persekutuan

Kertas Cadangan mengenai Pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah (SPPR) telah dimurnikan dan akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi SPRM berikutan maklum balas yang telah diterima daripada pihak Jabatan Peguam Negara pada 9 Ogos 2021.



Pelantikan yang telus akan menunjukkan keazaman Kerajaan untuk melaksanakan reformasi institusi pencegahan rasuah ke peringkat undang-undang tertinggi iaitu dengan menaikkan taraf SPRM kepada sebuah suruhanjaya yang diiktiraf oleh Perlembagaan Persekutuan, iaitu sama seperti kedudukan Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, Ketua Audit Negara dan Peguam Negara.

SPRM telah membentangkan Kertas Pertimbangan Cadangan Penubuhan SPPR dalam Mesyuarat JKKMAR Siri 12. Bil. 2 Tahun 2020 pada 25 Jun 2020. Mesyuarat telah memutuskan agar syor-syor yang dicadangkan oleh SPRM untuk diperincikan semula sebelum diangkat sebagai Memorandum Jemaah Menteri, setelah mendapat ulasan yang lengkap daripada Kementerian dan agensi berkaitan.

Cadangan penubuhan suruhanjaya tersebut akan menyebabkan hal ehwal pelantikan dan penamatan perkhidmatan pegawai SPRM tidak lagi tertakluk di bawah bidang kuasa SPA. Perkara ini memerlukan pindaan Perlembagaan Persekutuan untuk direalisasikan.

#### Cadangan Pemerkasaan Keanggotaan SPRM

Pengurusan Tertinggi SPRM telah membentangkan Kertas Cadangan Pengukuhan Penjawatan SPRM bagi permohonan 100 jawatan baharu di Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pembangunan Organisasi (JKKPO), Jabatan Perkhidmatan Awam Bil. 8 Tahun 2021 pada 1 Disember 2021.

SPRM berhasrat agar penambahan 500 perjawatan baharu pelbagai pangkat di SPRM untuk tempoh 5 tahun (2018 sehingga 2022) dilaksanakan seperti mana yang diputuskan dalam Mesyuarat JKKMAR Siri 3 Bil. 3 Tahun 2018.

#### Cadangan Pemerkasaan Jawatankuasa Pemantau SPRM

Pemerkasaan Jawatankuasa Pemantau Bebas SPRM dimantapkan lagi dengan perlantikan keanggotaan baharu bagi empat (4) Jawatankuasa Pemantau Bebas SPRM iaitu :

- i. Pelantikan ahli Panel Penilaian Operasi (PPO) berkuat kuasa dari 1 April 2020 sehingga 30 Mac 2022;
- ii. Pelantikan ahli Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) berkuat kuasa dari 21 Mei 2020 sehingga 20 Mei 2022;
- iii. Pelantikan ahli Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) dari 1 Jun 2020 sehingga 31 Mei 2022 ; dan
- iv. Pelantikan ahli Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) bagi tempoh tiga (3) tahun mulai 15 Julai 2021 sehingga 14 Julai 2024.

Usaha untuk memperkasa SPRM adalah langkah positif yang sangat relevan dengan persekitaran pencegahan rasuah yang sentiasa berubah dan sangat dipengaruhi oleh perkembangan teknologi dan jenayah rasuah merentasi sempadan. Langkah langkah pemerksaan SPRM juga hendaklah disandarkan kepada tanda aras yang dipersetujui bersama oleh komuniti pencegahan rasuah antarabangsa serta kewujudan semak dan imbang yang efektif. Cadangan yang dikemukakan itu telah mengambil kira semua faktor dan kewajaran sebagaimana yang dinyatakan, dengan meletakkan kepentingan rakyat serta keadilan dan kesaksamaan undang-undang sebagai keutamaan.

8



**Inisiatif 5.4.1: Memasukkan peruntukan baharu dalam undang-undang sedia ada berkaitan salah laku penjawat awam yang menyebabkan ketirisan dan kerugian dana Kerajaan secara sengaja.**

Kertas kajian mengenai peruntukan baharu ini telah ditambah baik dan dicadang untuk dimasukkan ke dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

Perbincangan lanjut serta penelitian skop dan parameter kesalahan berkaitan salah laku penjawat awam ini akan diadakan dengan Bahagian Perundangan dan Pendakwaan SPRM serta Jabatan Peguam Negara sebelum kertas kajian diangkat kepada Pengurusan Tertinggi SPRM dan seterusnya dibentangkan di Mesyuarat JKKMAR.

Melalui kewujudan peruntukan ini juga, salah laku penjawat awam yang menyebabkan ketirisan dan kerugian dana kerajaan secara sengaja dapat dibendung dan perbelanjaan berhemah serta berintegriti dapat dilaksanakan.

9



**Inisiatif 5.4.2: Memasukkan peruntukan baharu dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009 (Akta 694) berkaitan kesalahan oleh organisasi komersial atau seseorang individu dalam penjualan projek/tender Kerajaan kepada pihak lain untuk faedah kewangan tanpa melaksanakan projek/tender tersebut. (peruntukan ini juga mengambilkira pendedahan pemunya benefisial terhadap pihak yang mendapat faedah daripada penjualan tender).**

Kertas cadangan berkaitan peruntukan baharu mengenai penjualan tender/kontrak Kerajaan dengan mengambil kira perisytiharan pemunya benefisial sedang disediakan dan memerlukan pernyataan masalah yang jelas untuk menentukan skop dan parameter kesalahan.

SPRM telah mengadakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi mengkaji permasalahan berkaitan penjualan tender/kontrak Kerajaan serta pendedahan pemunya benefisial.

Beberapa siri perbincangan lain akan turut diadakan bersama pihak-pihak berkepentingan termasuk dengan Kementerian Kerja Raya (KKR)/Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Bahagian Perundangan dan Pendakwaan SPRM dan Jabatan Peguam Negara sebelum kertas cadangan mengenai inisiatif ini diangkat kepada Pengurusan Tertinggi SPRM dan seterusnya dibentangkan di Mesyuarat JKKMAR.

10



**Inisiatif 6.2.1: Melaksanakan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) di Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK), Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan dan sektor swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia dengan panduan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Integriti Malaysia (IIM) dan mana-mana pihak yang berkelayakan.**

Modul Pembangunan OACP telah diwujudkan oleh SPRM. Beberapa sesi taklimat/bengkel telah dibuat bagi rujukan/panduan Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK), Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan dan sektor swasta dalam membangunkan OACP masing-masing.

Sebanyak 122 bengkel dan taklimat pembangunan OACP telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021. Pelaporan pelaksanaan OACP Badan Berkanun, SBK dan CLBG di bawah kementerian dan Kerajaan Negeri telah diputuskan dalam Mesyuarat JAR Peringkat Kebangsaan Siri 7 Bil. 3 Tahun 2021 pada 8 Disember 2021 untuk dilaporkan kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN) melalui Urus Setia JAR Peringkat Kebangsaan.

Output yang dihasratkan adalah pembangunan dan pelaksanaan OACP ini dapat menyatakan kelemahan integriti, tadbir urus dan antirasuah yang harus ditangani dalam organisasi selain mempersiapkan organisasi untuk mempunyai tatacara mencukupi selaras dengan Seksyen 17A Akta 694 (Pindaan 2018).

11



**Inisiatif 6.2.2: Memperluaskan penempatan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) di semua Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan dan sektor swasta.**

SPRM akan terus memperluaskan penempatan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) di semua Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan dan sektor swasta. Seramai 105 orang pegawai di Badan Berkanun, SBK dan CLBG telah menerima pentauliahkan sebagai CeIO sepanjang tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, seramai 69 orang sahaja yang menjalani fungsi Unit Integriti dan Governans (IGU). 14 orang Pegawai SPRM telah ditempatkan di Badan Berkanun, SBK dan CLBG manakala seramai 105 orang telah dikenal pasti untuk ditauliahkan sehingga tahun 2023.



Antara output yang dihasratkan adalah pegawai yang telah ditauliahkan dapat menggalakkan pembudayaan nilai-nilai integriti dan antirasuah di dalam organisasi masing-masing. Melalui pelaksanaan inisiatif ini, pembudayaan integriti di organisasi dapat dihayati dan mesej antirasuah dapat disebar luaskan dengan lebih baik. Program CelO ini juga merupakan sebahagian daripada proses pembelajaran jangka panjang bagi mewujudkan nilai-nilai positif pengurusan dan pentadbiran serta secara langsung melaksanakan tugas-tugas pengesanan dan pencegahan isu-isu integriti, governans dan rasuah.



# SURUHANJAYA PILIHAN RAYA (SPR)

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas lima (5) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam dua (2) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2023.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan SPR dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- (i) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (**SPRM**)
- (ii) Parlimen Malaysia (**PARLIMEN**)

## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 5 INISIATIF:

1



**Inisiatif 1.1.1: Melaksanakan kajian ke atas kesesuaian penggunaan dan pelaksanaan sistem pilihan raya elektronik.**

SPR telah meneliti jenis-jenis *e-voting* seperti *optical scan system*, *direct recording electronic*, *voter verified paper audit trail* dan *internet voting*. SPR juga telah mengadakan beberapa perbincangan dengan pemain industri berhubung dengan perkara ini. Selanjutnya, SPR akan menjemput beberapa pakar dari dalam dan luar negara untuk membuat perbandingan mengenainya. Sesi libat urus dengan ahli akademik akan diadakan berhubung penggunaan *e-voting* dalam urusan pengundian. SPR juga

merancang untuk melawat beberapa negara berhubung pelaksanaan *e-voting* bagi menilai keberkesannya di negara luar, sebelum memberikan syor ke atas penggunaan *e-voting* dalam pilihan raya kepada Kerajaan. Laporan bagi memberi syor kepada Kerajaan mengenai penggunaan *e-voting* dalam pilihan raya adalah antara hasrat utama SPR melalui pelaksanaan inisiatif ini.

Dapatan kajian ini juga akan secara langsung akan dapat membantu SPR dan Kerajaan untuk menilai kecekapan, keberkesanan dan kesesuaian pelaksanaan penggunaan sistem *e-voting* dalam pilihan raya dari sudut kewangan, perundangan, pelaksanaan, kemampunan dan tahap keyakinan awam terhadap penggunaan sistem *e-voting*.

2



**Inisiatif 1.1.2: Mengkaji semula jumlah perbelanjaan pilihan raya yang dibenarkan bagi setiap kawasan pilihan raya; pihak yang dibenarkan untuk menerima dan membuat perbelanjaan; mentafsir dengan lebih jelas definisi perbelanjaan pilihan raya.**

SPR telah mengenal pasti beberapa perkara yang perlu diambil kira dalam mengkaji jumlah perbelanjaan yang dibenarkan bagi sesuatu bahagian pilihan raya. Kajian ini sedang dijalankan dengan mengambil kira pelbagai faktor sebelum syor dikemukakan kepada pihak Kerajaan. SPR juga telah melaksanakan kajian awal dengan meneliti kronologi dan implikasi perundangan yang terlibat dalam Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5) serta membuat perbandingan tatacara pelaksanaan dan penentuan had perbelanjaan calon pilihan raya di beberapa negara luar seperti India, Singapura dan New Zealand. Jawatankuasa Khas Semakan Semula Had Perbelanjaan Calon Pilihan Raya akan bertanggungjawab untuk menyediakan laporan akhir kajian ini untuk dikemukakan kepada SPR sebelum dibentangkan kepada Kerajaan.

Had perbelanjaan bagi calon pilihan raya yang sesuai serta mekanisme pelaksanaan yang lebih berkesan adalah antara impak signifikan melalui pelaksanaan inisiatif ini.

3



### **Inisiatif 1.1.3: Membentuk proses penentuan persempadanan kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri yang telus.**

SPR juga telah melaksanakan kajian awal di peringkat pasukan kerja bagi Urusan Pengemaskinian Daerah Mengundi (UPDM) yang bertujuan untuk mengenal pasti isu dan permasalahan yang dihadapi di lapangan dan kaedah untuk mengatasi isu-isu yang berkenaan. Fokus utama adalah untuk mengemaskini dan menambah baik prosedur sedia ada bagi menjelaskan lagi empat (4) prinsip persempadanan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Penambahbaikan kepada garis panduan persempadanan sedia ada dalam usaha untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan urusan pentadbiran semasa melaksanakan urusan kajian persempadanan semula bahagian pilihan raya serta memperjelaskan prinsip-prinsip persempadanan yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan adalah antara hasrat utama SPR.

Melalui pelaksanaan inisiatif ini, urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya dapat dilaksanakan secara cekap, berkesan, jelas, telus dan diyakini oleh semua pihak berdasarkan prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan.

4



### **Inisiatif 1.1.4: Mengkaji semula dan memperkasakan Bahagian III (Perbuatan Rasuah) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5).**

SPR sedang meneliti peruntukan perundangan sedia ada serta menilai keberkesanan pelaksanaannya penambahbaikan. Bagi tujuan tersebut, SPR akan bekerjasama dengan beberapa agensi penguat kuasa yang berkaitan seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi meneliti semula dan mengenal pasti perundangan yang boleh ditambah baik bagi menghalang perbuatan rasuah dalam pilihan raya.

Satu kajian terperinci dan menyeluruh bagi menilai semula peruntukan sedia ada dan memperkasakan peruntukan-peruntukan tersebut akan disediakan untuk disyorkan kepada Kerajaan. Melalui pelaksanaan inisiatif ini, peruntukan bersabit kesalahan rasuah terutamanya ketika pilihan raya berlangsung dapat dibanteras atau diambil tindakan sewajarnya oleh agensi-agensi bertanggungjawab.

5



**Inisiatif 1.1.5: Memasukkan peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan penggunaan aset dan jentera Kerajaan untuk mempromosi calon yang bertanding dalam pilihan raya atau parti politik di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5).**

SPR sedang meneliti peruntukan perundangan sedia ada dan prosedur-prosedur pengurusan dan pentadbiran yang berkaitan dengan penggunaan aset dan jentera Kerajaan yang sedang berkuat kuasa. Kajian perbandingan juga sedang dilaksana untuk meneliti pendekatan yang diambil oleh negara luar mengenai pengurusan aset dan jentera Kerajaan untuk tujuan mempromosi calon atau parti politik yang bertanding dalam pilihan raya. SPR akan bekerjasama dengan beberapa agensi lain dalam mengenal pasti kaedah yang sesuai untuk dipertimbangkan dalam usaha untuk membendung isu tersebut.

Pengwujudan satu mekanisme yang sesuai bagi memastikan mana-mana pihak didapati terlibat menggunakan aset dan jentera Kerajaan dalam perkara tersebut dapat diambil tindakan sewajarnya adalah antara hasrat utama pelaksanaan inisiatif ini yang juga akan secara langsung meningkatkan persepsi urus tadbir jentera Kerajaan di samping memastikan prinsip integriti dilindungi daripada sebarang penyalahgunaan kuasa.

# JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)

Jabatan Perdana Menteri (JPM) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas tujuh (7) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam dua (2) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2023.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan JPM dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- (i) Kementerian Kewangan (**MOF**)
- (iii) Parlimen Malaysia (**PARLIMEN**)
- (iii) Jabatan Peguam Negara (**AGC**)
- (iv) Jabatan Perkhidmatan Awam (**JPA**)
- (v) Suruhanjaya Pilihan Raya (**SPR**)
- (vi) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (**SPRM**)
- (vii) Semua Kementerian

## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 7 INISIATIF:

1



**Inisiatif 1.2.3: Mengkaji penggubalan rang undang-undang baharu berkaitan sumbangan dana politik.**


*\*Nota: Inisiatif baru ini merupakan gabungan bagi inisiatif asal 1.2.5 dan 6.2.7 dalam NACP 2019-2023.*

Kajian penambahbaikan dasar sedang dilaksanakan berhubung penggubalan rang undang-undang baharu

berkaitan sumbangan politik. Sesi perbincangan telah diadakan bersama pihak SPRM bagi memperhalusi cadangan mekanisme bagi meningkatkan ketelusan dan pengawalseliaan sumbangan dana politik. Kajian akan mengambil kira pelbagai aspek serta pandangan *stakeholder* secara holistik untuk dibentangkan kepada Jemaah Menteri kelak.

JPM berhasrat agar cadangan penambahbaikan dasar berhubung penggubalan rang undang-undang sumbangan politik ini dapat dilaksanakan. Hasil kajian ini seterusnya akan dapat menambahbaik mekanisme sumbangan politik supaya menjadi lebih telus dan berintegriti tinggi.

2



### **Inisiatif 1.2.7: Memperkenalkan Kod Tugas dan Fungsi Setiausaha Politik (SUPOL).**

Jemaah Menteri pada Mesyuarat 14 Julai 2021 telah bersetuju dengan Skop Tugas dan Fungsi SUPOL. Sesi taklimat telah diadakan bersama pihak SUPOL pada 5 Oktober 2021 bagi memberi penerangan tentang Garis Panduan Skop Tugas dan Fungsi SUPOL selaras dengan peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa.

Tujuan utama pelaksanaan inisiatif ini adalah bagi memberi penjelasan berhubung tugas dan fungsi SUPOL dalam hal ehwal berkaitan urusan politik sahaja. Impak pelaksanaan inisiatif ini adalah agar amalan prinsip integriti dan akauntabiliti dapat dipertingkatkan dalam menjalankan tugas dan fungsi SUPOL selaras dengan objektif pelantikan SUPOL yang ditugaskan untuk membantu Menteri dalam hal ehwal berkaitan urusan politik.

3



### **Inisiatif 1.3.1: Mengeluarkan garis panduan sebagai mekanisme memudah cara anggota pentadbiran dalam menguruskan permohonan sokongan.**

Perbincangan lanjut telah diadakan di antara JPM bersama YB Menteri-Menteri Kanan dan Agensi-agensi berkaitan pada 23 Februari 2021 bagi memperhalusi perkara-perkara dasar dalam garis panduan pengendalian sokongan oleh Anggota Pentadbiran. Draf garis panduan sedang diperhalusi dengan mengambil kira ulasan agensi-

agensi seperti Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kementerian Kewangan (MOF) dan Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU JPM) untuk dibentangkan kepada Jemaah Menteri.

Tujuan utama pelaksanaan inisiatif ini adalah bagi menjelaskan pelaksanaan pengendalian sokongan oleh Anggota Pentadbiran dalam urusan Kerajaan agar prinsip ketelusan dan akauntabiliti diamalkan dalam pelaksanaan tugas rasmi.

Dengan adanya garis panduan ini, diharapkan dapat mengurangkan risiko konflik kepentingan serta sebarang unsur rasuah dengan lebih berkesan ke arah pentadbiran Kerajaan yang lebih telus dan berintegriti.

4



#### **Inisiatif 1.3.2: Memperkenalkan Arahan Perdana Menteri dalam pengurusan had bidang kuasa antara Menteri dengan Ketua Setiausaha.**

JPM telah mengadakan mesyuarat bersama 26 Kementerian pada 14 Julai 2021 bagi mengenal pasti isu dan masalah berkaitan pelaksanaan inisiatif.

Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) Siri 14 Bilangan 1 Tahun 2021 (Kertas Makluman Bil. 37/2021) yang telah diadakan pada 19 April 2021, mesyuarat bersetuju supaya satu kajian dilaksanakan untuk menambahbaik Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1982: Organisasi Kementerian-Kementerian Mengenai Pengurusan Had Bidang Kuasa antara Menteri dengan Ketua Setiausaha.

Pada masa ini, JPM sedang dalam proses untuk melaksanakan *desktop review* dalam usaha menyediakan draf baharu kepada pekeliling tersebut. Proses ini dijangka selesai pada 31 Disember 2021. Selanjutnya, JPM akan menubuhkan Jawatankuasa Kecil dan mengadakan perbincangan bersama Kementerian/Jabatan yang telah dikenal pasti pada bulan Januari-Februari 2022 bagi mendapatkan maklum balas cadangan pindaan dan berdasarkan draf baru pekeliling ini. Satu draf pindaan

kepada Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1982 akan dihasilkan dan dikemukakan bagi kelulusan YBhg. Tan Sri Datuk Seri Ketua Setiausaha Negara.

Pelaksanaan inisiatif ini dilihat sangat penting sebagai sinergi antara Menteri dan Ketua Setiausaha bagi melicinkan jentera pentadbiran Kementerian dalam melaksanakan dasar dan program yang disasarkan Kerajaan.

5




#### **Inisiatif 1.4.1: Memperkenalkan garis panduan bertulis tentang peranan Kerajaan sementara.**

Perbincangan telah diadakan antara JPM bersama agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Peguam Negara (AGC), Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU JPM), Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan (BKPP JPM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Parlimen Malaysia serta Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) berhubung cadangan memperkenalkan garis panduan bertulis tentang peranan Kerajaan Sementara. Satu bengkel bersama agensi-agensi berkaitan juga akan diadakan pada bulan Februari 2022 dalam memperhalusi draf garis panduan yang telah disediakan dengan bantuan beberapa pihak yang berkaitan mengikut norma kebiasaan yang dilaksanakan sebelum ini semasa sesi pilihan raya umum.

Adalah hasrat utama JPM supaya satu garis panduan yang komprehensif dikeluarkan dalam menerangkan peranan Kerajaan Sementara. Dengan adanya garis panduan ini, adalah diharapkan agar urusan pentadbiran Kerajaan Sementara adalah berlandaskan prinsip integriti dan selaras dengan undang-undang semasa yang berkuatkuasa.



6



**Inisiatif 2.2.1: Memperkenalkan dasar dalam pelantikan pegawai *Contract For Service* (CFS) di semua agensi kerajaan tertakluk kepada peraturan-peraturan penjawat awam.**

Pelaksanaan inisiatif ini melibatkan peranan yang telah diambil oleh Kementerian Kewangan (MOF) dalam mengambil tindakan dan langkah yang sewajarnya ke atas pembelian perkhidmatan secara CFS melibatkan pelaksanaan beberapa inisiatif seperti berikut:

- (i) menamatkan pembelian perkhidmatan *Contract For Service* (CFS) bagi Skim Perkhidmatan Singkat (SPS) di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE II) melibatkan semua individu CFS di pelbagai Kementerian dan Agensi. Kontrak CFS mereka berakhir pada 31 Disember 2020; dan
- (ii) menamatkan pembelian perkhidmatan CFS yang melibatkan tugas-tugas berbentuk operasi dan Kementerian telah dicadangkan membuat pelantikan pegawai melalui inisiatif baharu yang diumumkan oleh Kerajaan dalam ucapan Belanjawan tahun 2021 dan 2022 iaitu *Short Term Employment Programme* (MySTEP). Garis Panduan Perolehan Perkhidmatan Personel MySTEP telah diedarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam pada 18 Disember 2020 dan garis panduan tersebut berkuatkuasa mulai 1 Januari 2021. Hasrat utama inisiatif ini ialah untuk menamatkan dan mengurangkan pembelian perkhidmatan CFS yang melibatkan tugas-tugas berbentuk operasi. Melalui pelaksanaan inisiatif ini, tiada lagi pembelian perkhidmatan CFS bagi menjalankan tugas-tugas operasi.

7



**Inisiatif 6.1.1: Mengeluarkan Arahan Perdana Menteri dalam melaksanakan tapisan integriti sebelum pelantikan pengurusan tertinggi dibuat dan dalam mentadbir perisytiharan konflik kepentingan serta isu ketelusan dan kecekapan dalam Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan.**

***\*Nota: Inisiatif baru ini merupakan gabungan bagi inisiatif asal 6.1.1 dan 6.2.5 dalam NACP 2019-2023.***

Perbincangan lanjut telah diadakan di antara JPM bersama agensi-agensi seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kementerian Kewangan (MOF), JPM, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). GIACC JPM juga bercadang untuk mengadakan perbincangan lanjut bersama pihak Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU JPM), Bank Negara Malaysia (BNM), Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO JPM), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Insolvensi Malaysia dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebelum dapat memperhalusi draf arahan tersebut yang juga akan mengambil kira peraturan-peraturan dan undang-undang agensi berkaitan sedia ada.


JPM berhasrat untuk mengeluarkan suatu dokumen berbentuk Arahan YAB Perdana Menteri atau setaraf bagi menerangkan mekanisme tapisan integriti yang holistik dan komprehensif bagi tujuan pelantikan pengurusan tertinggi di dalam Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan.

Secara langsung, mekanisme tapisan integriti yang berkesan dapat memastikan individu yang dilantik sebagai pengurusan tertinggi Badan Berkanun, SBK dan CLBG adalah berintegriti tinggi serta tidak berisiko rasuah.

# UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN (ICU JPM)

Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU JPM) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas satu (1) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam satu (1) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2022.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan ICU JPM dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- (i) Unit Perancang Ekonomi (**UPE JPM**)
- (ii) Kementerian Kewangan (**MOF**)
- (iii) Jabatan Akauntan Negara Malaysia (**JANM**)
- (iv) Jabatan Kerja Raya (**JKR**)
- (v) Jabatan Pengairan dan Saliran (**JPS**)
- (vi) Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (**JKPTG**)

## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 1 INISIATIF:

1



**Inisiatif 3.1.3: Menambahbaik Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) menerusi pembangunan Sistem MyProjek dalam memantau kitaran pengurusan projek Kerajaan agar lebih berkesan dan cekap.**

Penambahbaikan SPP II melibatkan lima (5) modul di dalam Sistem MyProjek di mana tiga (3) daripadanya iaitu Modul Permohonan, Pemantauan dan Notis Perubahan (*Notice of Changes* - NOC) telah siap ditambah baik dan digunakan. Dua (2) lagi Modul iaitu Modul Penilaian *Outcome* dan Laporan dijangka akan dapat disiapkan pada bulan Mac 2022.



Lima (5) modul tersebut ditambah baik bagi mempertingkatkan keberkesanan dan kecekapan kitaran pengurusan projek Kerajaan iaitu Modul Permohonan, Pemantauan, Notis Perubahan (NOC), Penilaian *Outcome* dan Laporan. Melalui pelaksanaan inisiatif ini, pengurusan projek Kerajaan dari *end-to-end monitoring* akan menjadi lebih berkesan dan cekap.

# JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas enam (6) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam dua (2) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2023.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan JPA dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- (i) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (**SPRM**)
- (ii) Institut Integriti Malaysia (**IIM**)
- (iii) Jabatan/Agensi di peringkat Kerajaan Negeri yang berkaitan
- (iv) Kementerian/Jabatan/Agensi/Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan

## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 6 INISIATIF:

1



**Inisiatif 1.2.2: Meminda Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1998 dengan membuat semakan semula ke atas definisi pekeling (khususnya berkaitan tajaan), amaun atau nilai penerimaan hadiah serta memperkukuhkan mekanisme pemantauan ke atas penerimaan hadiah.**

Draf akhir Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1998, Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah di Dalam Perkhidmatan Awam telah siap disediakan. Walau bagaimanapun, pekeling ini hanya boleh dikeluarkan

setelah pindaan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993] selesai dan dikeluarkan. Draf Peraturan-Peraturan baharu bagi menggantikan P.U. (A) 395/1993 telah dimuktamadkan di peringkat JPA dan telah dikemukakan untuk pandangan Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara pada 26 Oktober 2021.

JPA berhasrat supaya draf Peraturan-Peraturan baharu bagi menggantikan P.U. (A) 395/1993 mendapat persetujuan daripada Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara dan seterusnya membolehkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3 Tahun 1998, Garis Panduan Pemberian dan Penerimaan Hadiah di Dalam Perkhidmatan Awam yang baharu dikeluarkan.

Melalui pelaksanaan inisiatif ini, satu panduan yang lebih jelas dan terkini sebagai rujukan pegawai awam dalam pengurusan pemberian dan penerimaan hadiah semasa melaksanakan urusan rasmi dengan pihak tertentu akan membantu mengelakkan timbulnya konflik kepentingan atau persepsi negatif seiring dengan perubahan semasa.

2



### **Inisiatif 2.1.1: Mengukuhkan mekanisme dalam menguatkuasa pusingan kerja secara mandatori kepada penjawat awam yang memegang jawatan sensitif.**

Dasar pusingan kerja pegawai awam dinyatakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.2.2.1 Panduan Pertukaran Pegawai Awam di mana pegawai yang berada di jawatan sensitif ditukarkan setelah berkhidmat antara tiga (3) ke lima (5) tahun di jawatan tersebut. JPA melalui surat edaran rujukan JPA.BK(S) 330/1/2/1 (31) bertarikh 9 April 2021 telah mengarahkan semua Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian untuk melaksanakan urusan pusingan kerja dalaman bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di kementerian dan jabatan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan pegawai yang layak dibuat pusingan kerja bagi Gred 54 dan ke bawah.

JPA telah melaksanakan pusingan kerja melibatkan 4,074 anggota Kumpulan Pelaksana Gunasama daripada pelbagai skim perkhidmatan dan gred yang telah berkhidmat di sesebuah kementerian melebihi tempoh tujuh (7) tahun



secara berperingkat pada tahun 2020 dan 2021. Sehingga 31 Ogos 2021, pencapaian pelaksanaan pusingan kerja di Kementerian adalah seperti yang berikut;

Peratus pencapaian	Kementerian
> 50%	Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Kementerian Pertahanan (MINDEF), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)
20% - 49%	Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Luar Negeri (KLN), Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)
10% - 19%	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan Kementerian Pengangkutan (MOT)
1% - 9%	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
0%	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), Kementerian Alam Sekitar & Air (KASA) dan Kementerian Perpaduan Negara (KPN) (Kementerian baru diwujudkan dan tidak dapat melaksanakan urusan pusingan kerja kerana masih belum cukup tempoh perkhidmatan yang melayakkan urusan pusingan kerja dilaksanakan)

Objektif utama inisiatif ini adalah untuk memastikan pertukaran/pusingan kerja Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dilaksanakan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.2.2.1 Panduan Pertukaran Pegawai Awam.

3



**Inisiatif 2.1.4: Mewujudkan inisiatif untuk menggalakkan dan menguruskan nilai baik di tempat kerja berteraskan integriti, akauntabiliti dan kecekapan dalam sektor awam melalui:**

**a. Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) untuk mengukur dan menganalisis nilai baik di tempat kerja dalam sektor awam berpandukan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998 Siri 7 No. 1 Tahun 2007; dan**

Mekanisme SPAN telah ditambahbaik melalui Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2021 Pemantapan Tadbir Urus, Integriti Dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN 2.0) dengan tumpuan kepada pengurusan amalan nilai perkhidmatan awam melalui tiga (3) komponen utama iaitu pengurusan program nilai, pengauditan nilai dan intervensi nilai di peringkat individu dan organisasi. Semua kementerian/kerajaan negeri/pihak berkuasa tempatan termasuk jabatan/agensi di bawah seliaan telah diarah melaksanakan SPAN 2.0 mulai tarikh kuat kuasa Arahan tersebut iaitu 24 Mac 2021.

Dengan pelaksanaan inisiatif ini, Ketua Jabatan dapat mengetahui tahap pengamalan nilai (cemerlang atau perlu penambahbaikan) di kementerian/jabatan masing-masing dan mengambil langkah sewajarnya mengikut garis panduan dalam Arahan.

Inisiatif dalam pengurusan amalan nilai ini diharapkan dapat meningkatkan tahap pengamalan nilai dan integriti dalam kalangan pegawai awam.

**b. Modul Pemantapan Nilai Perkhidmatan Awam**  
**Modul ini mengesyorkan inisiatif untuk meningkatkan dan menyatukan nilai ke dalam struktur, proses, sistem dan penyampaian di dalam operasi perkhidmatan awam.**




JPA melalui Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) telah menambah baik modul latihan berkaitan nilai, etika dan integriti pada tahun 2020. Penambahbaikan ini dilaksanakan dari dapatan Kajian Keberkesanan Program Nilai, Etika dan Integriti INTAN. Bagi melihat keberkesanan latihan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2021 terhadap sikap, pengetahuan dan kebolehsanaan di tempat kerja, INTAN telah menjalankan Kajian Kompetensi Integriti.

Kajian ini diukur berdasarkan 10 nilai Model *Barnard* (2011), *The Competencies of Integrity* dengan tujuan untuk melihat tahap kompetensi integriti penjawat awam ditempat kerja. Seramai 593 responden telah menyertai dan memberi maklumbalas. Kajian ini mengukur kompetensi integriti di tempat kerja berdasarkan tiga (3) perspektif iaitu kompetensi intrapersonal, kompetensi interpersonal serta kompetensi berkaitan kerja. Tiga agensi telah dilibatkan bagi mendapatkan pandangan pakar mengenai dapatan ini iaitu JPM, SPRM dan IIM.

Hasil kajian akan dibentangkan kepada pengurusan tertinggi JPA pada suku tahun pertama tahun 2022 dan seterusnya melaksanakan tindakan penambahbaikan.

Melalui pelaksanaan inisiatif ini, JPA dapat merangka modul latihan bersesuaian dengan tahap kompetensi anggota perkhidmatan awam.

4



**Inisiatif 2.2.2: Menambahbaik proses kenaikan pangkat perkhidmatan awam sedia ada dengan mengambilkira elemen integriti sebagai prasyarat (termasuk pegawai tinggi Kerajaan).**

Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.3.1.1 Pengurusan Pemangkuhan Dan Kenaikan Pangkat Dalam Perkhidmatan Awam yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2022 menetapkan bahawa;

- (i) pegawai yang dipertimbangkan untuk pemangkuhan/ naik pangkat perlu lulus tapisan keutuhan SPRM, bebas dari tindakan tatatertib dan telah mengisytiharkan harta;


- (ii) pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib semasa pemangkuan akan ditamatkan pemangkuan mulai tarikh hukuman dijatuhkan;
- (iii) pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib tidak layak diberikan pemangkuan/naik pangkat dalam tempoh tertentu bergantung kepada jenis hukuman tatatertib; dan
- (iv) pegawai yang sedang memangku tidak akan dipertimbangkan kenaikan pangkat sehingga kes tatatertib dimuktamadkan oleh Lembaga Tatatertib.

Pegawai yang dicalonkan pemangkuan/naik pangkat tetapi sedang dalam prosiding tatatertib juga akan dimaklumkan status kesnya kepada Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKPPA).

Proses kenaikan pangkat pegawai tinggi Kerajaan juga mengambil kira syarat dalam Arahan YAB Perdana Menteri No 1 Tahun 2018 – Siri 3 No. 2 Tahun 2019, Had-Had Keterlibatan Anggota Pentadbiran Dalam Urusan Pelantikan Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Ketua Pengarah Jabatan.

JPA berharap agar melalui pelaksanaan inisiatif ini, peningkatan ketelusan proses kenaikan pangkat dan proses tapisan integriti dapat dilaksanakan dengan lebih telus dan kenaikan pangkat pegawai tidak akan dipertikaikan.


5



**Inisiatif 2.2.3: Menyemak semula dan memperkukuhkan proses tapisan integriti sedia ada khususnya pegawai Kerajaan yang memegang jawatan dan tanggungjawab yang berisiko tinggi.**

Inisiatif ini berkait dengan inisiatif 2.2.2 dan penambahbaikan pelaksanaan adalah sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam inisiatif 2.2.2.

6



**Inisiatif 2.4.13: Memberi penekanan terhadap elemen integriti dan nilai insan (tadbir urus insan) dalam program induksi penjawat awam.**

Program induksi penjawat awam dilaksanakan melalui Program Transformasi Minda berdasarkan MyPPSM Ceraian UP.1.3.9 Program Transformasi Minda yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2022. Kurikulum program merangkumi elemen integriti di bawah segmen II: Tanggungjawab dan Peranan Pegawai, pembentukan sahsiah di bawah Segmen III: Budaya Kerja Kelas Pertama dan turut mengandungi Modul Ujian Psikologi, Perancangan Kewangan daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit dan Kenegaraan.

Melalui pelaksanaan inisiatif ini, penekanan kepada elemen integriti dan nilai insan dalam program induksi penjawat awam dapat dilaksanakan secara berterusan. Pegawai baru yang dilantik dalam perkhidmatan awam juga akan mendapat pendedahan mengenai kepentingan integriti penjawat awam dalam melaksanakan tugas.

# JABATAN PEGUAM NEGARA (AGC)

Jabatan Peguam Negara (AGC) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas satu (1) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam satu (1) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2023.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan AGC dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- TIADA

## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 1 INISIATIF:

1



**Inisiatif 4.1.2: Memastikan pengasingan kuasa yang jelas dan memartabatkan keadilan, iaitu kuasa Pendakwa Raya hendaklah diasingkan daripada kuasa Peguam Negara.**

- i. **Peguam Negara: Peguam Negara tidak melaksanakan sebarang kuasa dan tanggungjawab dalam hal ehwal pendakwaan.**
- ii. **Pendakwa Raya: Pendakwa Raya mengambil alih tugas dan kuasa pendakwaan daripada Peguam Negara.**

Setakat 31 Disember 2021, Laporan Kajian Pengasingan Peranan Pendakwa Raya dan Peguam Negara telah dibentangkan kepada GIACC dan Pejabat YB Menteri Undang-Undang dan masing-masing pada 29 September 2021 dan 5 November 2021. Pada ketika ini, Jabatan Peguam Negara sedang memuktamadkan Laporan Kajian dan Kertas Memorandum Jemaah Menteri.




Inisiatif ini akan melibatkan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang berkaitan. Inisiatif ini juga akan menyentuh perkhidmatan kehakiman dan perundangan di samping melibatkan penstrukturan semula Jabatan Peguam Negara dan penubuhan Pejabat Pendakwa Raya.

Penghasilan Laporan Kajian Pengasingan Peranan Pendakwa Raya dan Peguam Negara untuk dibentangkan kepada Jemaah Menteri adalah antara hasrat utama pelaksanaan inisiatif ini. Impak signifikan yang dihasratkan dengan pelaksanaan inisiatif ini ialah pemantapan sistem pentadbiran undang-undang. Dalam sistem pentadbiran undang-undang sedia ada, individu yang sama berperanan sebagai Peguam Negara dan Pendakwa Raya. Demi menjunjung semangat pengasingan kuasa dan kedaulatan undang-undang, adalah penting untuk kedua-dua fungsi ini dilaksanakan oleh individu yang berlainan. Pengasingan individu ini akan memastikan kedua-dua tugas dapat dijalankan secara bebas dan terhindar daripada persepsi pengaruh politik.

# JABATAN AUDIT NEGARA (JAN)

Jabatan Audit Negara (JAN) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas satu (1) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam satu (1) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2023.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan JAN dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- (i) Kementerian Kewangan (**MOF**)
- (ii) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (**SPA**)
- (iii) Jabatan Perdana Menteri (**JPM**)
- (iv) Jabatan Perkhidmatan Awam (**JPA**)
- (iv) Jabatan Peguam Negara (**AGC**)

## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 1 INISIATIF:

1



**Inisiatif 1.2.1: Mengukuhkan kebebasan Jabatan Audit Negara (JAN) dengan mempunyai ketersediaan sumber yang lebih baik dalam aspek pengurusan sumber manusia khususnya penambahan perjawatan, peruntukan kewangan dan pembangunan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pilihan Parlimen.**

Bagi memantapkan cadangan ini secara pentadbiran, sesi libat urus bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Kementerian Kewangan (MOF) telah dilaksanakan.



Sejajar dengan inisiatif NACP yang ditetapkan dan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) yang lalu, JAN telah mendapatkan pandangan daripada agensi yang dinyatakan di atas. Pihak JPA, SPA dan Pejabat Setiausaha Dewan Rakyat secara umumnya mengambil maklum dan tiada halangan berhubung pemantapan kebebasan JAN. Namun, JPA juga menegaskan bahawa tiada peraturan dan dasar yang membenarkan sesebuah entiti perkhidmatan awam mempunyai kuasa autonomi dari segi pengurusan sumber manusia.

Bagi aspek peruntukan belanjawan pula, secara dasarnya MOF tidak bersetuju dengan cadangan autonomi dari segi peruntukan belanjawan melalui Jawatankuasa Pilihan Parlimen. Tambahan pula, peruntukan belanjawan bagi sesebuah entiti perkhidmatan awam yang mempunyai kuasa autonomi hendaklah diasingkan saraan dan dibebaskan untuk beroperasi bagi menjana pendapatan sendiri.


Setakat 31 Disember 2021, JAN telah mengemukakan kertas pertimbangan dan pembentangan kepada GIACC JPM berkenaan cadangan pindaan Akta Audit 1957 untuk dibentangkan dalam Mesyuarat JKKMAR yang akan ditetapkan oleh GIACC JPM. Antara aspek yang diambil kira adalah:

- i. Penglibatan Ketua Audit Negara (KAN) dalam aktiviti atau jawatankuasa perkhidmatan Persekutuan atau perkhidmatan Negeri;
- ii. Tempoh perlantikan KAN yang perlu diselaraskan dengan amalan *Supreme Audit Institution (SAI)* negara luar; dan
- iii. Memperluaskan bidang tugas berhubung pengauditan pemberian / peruntukan wang awam dalam pengurusan kewangan awam negara.

# JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA (JKDM)

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas satu (1) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam satu (1) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2023.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan JKDM dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- (i) Kementerian Alam Sekitar dan Air (**KASA**)
- (ii) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (**MAFI**)
- (iii) Kementerian Kesihatan Malaysia (**KKM**)
- (iv) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (**MOTAC**)
- (v) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (**KPKT**)
- (vi) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (**MOSTI**)
- (vii) Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (**MPIC**)
- (viii) Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (**KETSA**)
- (ix) Kementerian Kewangan Malaysia (**MOF**)
- (x) Kementerian Kerja Raya Malaysia (**KKR**)
- (xi) Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (**KKMM**)
- (xii) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (**KPDNHEP**)
- (xiii) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (**MITI**)
- (xiv) Kementerian Dalam Negeri (**KDN**)
- (xv) Kementerian Pengangkutan Malaysia (**MOT**)
- (xvi) Kementerian Sumber Manusia (**MOHR**)



## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 1 INISIATIF:

1



**Inisiatif 6.2.5: Menggalakkan sektor swasta menyertai program *Authorised Economic Operator (AEO)* bagi meningkatkan pematuhan dan tadbir urus baik dalam urusan import/eksport.**

Program AEO Nasional yang telah diberi mandat oleh kerajaan telah mula dilaksanakan mulai tahun 2021 secara berfasa dengan penglibatan sebahagian daripada 43 pengawal atur *Other Government Agencies/Permit Issuance Agencies (OGA/PIA)* yang berkaitan dalam fasa pertama. Terdapat 16 kementerian yang melibatkan 43 jabatan dan agensi Kerajaan di bawah Program AEO Bersepadu Peringkat Nasional.

Sehingga 31 Disember 2021, pihak JKDM telah menganjurkan:

- (i) 35 Webinar / Taklimat / Temu Seru (*Engagement*) Kepada Warga Jabatan / Kementerian / Jabatan / Agensi / Industri;
- (ii) 6 Bengkel AEO;
- (iii) 13 Mesyuarat dengan Pemegang Taruh (*Stakeholder*); dan
- (iv) 17 Mesyuarat Berkala Projek Perintis.

Projek Rintis 1: *Internal Compliance Programme (ICP) MITI*

Projek rintis yang menyepadukan program AEO, JKDM dan ICP, MITI. Output yang dihasratkan daripada projek ini adalah menyeragamkan dan menyatukan *Compliance Checklist* bagi ICP MITI dan *Compliance Checklist* Program AEO sedia ada. Projek rintis ini melibatkan syarikat Swagelok Malaysia sebagai perintis kepada Program AEO ICP dan dijangka akan menarik lebih banyak industri di bawah *Strategic Trade Act (STA) 2010* untuk menyertai Program AEO Nasional.

Setakat ini, kedua-dua checklist tersebut telah selesai diseragamkan dan satu *National Integrated Checklist* akan dibangunkan kelak bagi menyokong program AEO-ICP.



### Projek Rintis 2: IKEA Supply (M) Sdn. Bhd.

Projek rintis bagi skop pengimport, pengeksport dan operator gudang melibatkan dagangan yang memerlukan permit/lesen/kelulusan daripada OGA/PIA seperti SIRIM, Suruhanjaya Tenaga, *Malaysian Communications and Multimedia Commission* (MCMC), Kementerian Kesihatan, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, Jabatan Pertanian, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Output yang dihasratkan daripada projek ini adalah untuk mendapatkan kerjasama daripada OGA/PIA di dalam memberi penawaran manfaat kepada syarikat terutamanya dalam memberi kemudahan fasilitasi import/eksport dan mengurangkan kos serta masa. Jangkaan kepada projek rintis ini adalah untuk menarik lebih banyak syarikat menyertai program AEO Nasional dan menikmati manfaat serta faedah yang akan ditawarkan oleh OGA/PIA.

### Projek Rintis 3: Nestlé Malaysia

Projek rintis bagi aktiviti import, eksport dan pengilangan melibatkan dagangan yang memerlukan permit/lesen/kelulusan daripada OGA/PIA seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), *Standard and Industrial Research Institute of Malaysia* (SIRIM) dan Suruhanjaya Tenaga (ST).

Output yang dihasratkan daripada projek ini adalah mendapatkan kerjasama daripada OGA/PIA di dalam memberi penawaran manfaat kepada syarikat terutamanya dalam memberi kemudahan fasilitasi import/eksport dan mengurangkan kos serta masa. Sekiranya berjaya, lebih banyak pengilang makanan khususnya akan menikmati manfaat dan faedah daripada program ini.



Secara amnya, melalui pelaksanaan inisiatif ini, JKDM berhasrat untuk memastikan OGA/PIA/pemegang taruh/ industri memahami dan jelas mengenai program AEO Nasional serta dapat memberi komitmen yang sewajarnya agar program AEO Nasional ini dapat berjalan lancar.

Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan tahap pematuhan dalam aktiviti import dan eksport yang akan dapat menjamin keselamatan rantaian bekalan global; memastikan tadbir urus yang baik dalam urusan import dan eksport serta aktiviti perkastaman serta memastikan rantaian bekalan perdagangan global adalah lebih selamat dan lancar.

# JABATAN KERJA RAYA (JKR)

Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas tiga (3) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam satu (1) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2023.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN

**3** Inisiatif

Jangka Sederhana  
(Jan 2021-Dis 2023)

Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan JKR dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- (i) Kementerian Kewangan (**MOF**)
- (ii) Unit Penyelarasan Pelaksanaan (**ICU JPM**)
- (iii) Unit Perancang Ekonomi (**EPU JPM**)
- (iv) Kementerian Berkaitan
- (v) Agensi/Jabatan Teknikal Berkaitan

## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 3 INISIATIF:

1



**Inisiatif 3.2.7: Meningkatkan kerjasama JKR Malaysia dengan JKR Sabah dan JKR Sarawak dalam memantapkan pengurusan projek kerajaan persekutuan di Sabah dan Sarawak.**

Pelaksanaan projek persekutuan di Sabah dan Sarawak dibahagikan kepada tiga (3) kategori pelaksanaan iaitu:

- (i) Pelaksanaan sepenuhnya oleh JKR Malaysia dari peringkat rekabentuk, perolehan, tender, penyeliaan dan penyerahan projek (37 buah projek dalam peringkat pembinaan dan 61 buah projek telah siap);
- (ii) JKR Malaysia melaksanakan proses rekabentuk, perolehan dan tender. Manakala pembinaan, penyeliaan dan penyerahan projek dilaksanakan oleh JKR Sabah & Sarawak (22 buah projek dalam



- peringkat pembinaan dan 16 buah projek telah siap); dan
- (iii) Pelaksanaan projek diserahkan kepada JKR Sabah dan Sarawak sepenuhnya (peringkat rekabentuk, perolehan, tender, penyeliaan dan penyerahan projek). Sebanyak 130 buah projek dalam peringkat pelaksanaan.

Penerapan inisiatif ini di dalam pengurusan projek persekutuan dilaksanakan secara berterusan berdasarkan inisiatif amalan terbaik pada fasa-fasa tertentu disepanjang tempoh kitar hayat projek bermula dari peringkat pewujudan projek, peringkat rekabentuk, perolehan, pembinaan dan peringkat penyerahan projek. Contohnya, pelaporan kemajuan penerapan amalan terbaik di peringkat pewujudan projek merangkumi amalan terbaik Gerbang Nilai, VAE (*Value At Entry*) yang meliputi inisiatif *Acquisition Categorization* (ACAT) (pengkategorian projek) dan Pengurusan Nilai Strategik (*Value Management Strategic [VMS]*). Pelbagai aktiviti libat urus bersama JKR Sabah dan Sarawak telah diadakan melalui sesi fasilitasi, mesyuarat, taklimat, bengkel dan program pensijilan pengurusan projek yang bertujuan untuk meningkatkan pencapaian kompetensi pegawai dalam pelaksanaan dan penggunaan Amalan Terbaik Pengurusan Projek.

JKR Malaysia telah memberikan perkongsian pengalaman, pengetahuan dan dokumen amalan pengurusan projek melalui sesi konsultansi, taklimat dan mesyuarat dengan JKR Sarawak sejak awal tahun 2020. Perkongsian ini lebih kepada tahap *awareness* dan *knowledge sharing* untuk permulaan ini. JKR Malaysia tidak ada punca kuasa untuk melaksanakan program Amalan Pengurusan Projek Terbaik dan seterusnya melaksanakan penilaian keberkesanan dan pematuhan program ke atas projek-projek di bawah pelaksanaan JKR Sarawak sepenuhnya. Penilaian keberkesanan pelaksanaan sebenar amalan pengurusan projek terbaik bagi projek-projek persekutuan yang dikendalikan oleh JKR Sabah dan Sarawak bergantung sepenuhnya kepada penerimaan dan pelaksanaan oleh JKR Sabah dan Sarawak sendiri.

Bagi projek-projek persekutuan di bawah kawalan Pasukan Projek Khas 2 (PPK 2), JKR Malaysia, penerapan inisiatif pengurusan projek terbaik (Gerbang Nilai, Kejuruteraan Nilai, Penjadualan Projek dan sebagainya)



telah dilaksanakan dari peringkat pewujudan projek lagi sehinggalah ke peringkat penyeliaan dan penyerahan projek kepada klien. Sehingga bulan Ogos 2021, sebanyak 22 projek persekutuan di peringkat pembinaan telah dilaksanakan Pelan Pengurusan Risiko (PPR). Disamping itu, penilaian pematuhan Pelan Pengurusan Risiko (PPR) telah dilaksanakan secara berterusan dan status pematuhan PPR ini dihantar secara bulanan kepada Pasukan Projek Khas (PPK 2) di Sabah dan Sarawak. Aktiviti ini akan dilaksanakan sehingga projek siap dan diserahkan kepada pihak pelanggan.

Pengenalan amalan Pengurusan Projek Terbaik melalui pelbagai inisiatif seperti *Building Information Modeling* (BIM), Pelan Pengurusan Risiko (PPR), *Project Health Check* (PHC), *Value Engineering* (VE), kursus peningkatan kompetensi pengurusan projek dan sebagainya adalah satu usaha untuk menambahbaik Amalan Pengurusan Projek. Ianya melibatkan beberapa tahap iaitu kesedaran, pengetahuan, kompetensi dan penguatkuasaan. Inisiatif ini diharapkan mampu meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan dalam tadbir urus projek.

Penerapan amalan pengurusan projek terbaik di atas diharapkan akan dapat menangani perkara-perkara seperti mengenalpasti permasalahan dan kelemahan pengurusan projek; menyediakan pengurusan projek yang berkesan dan inovatif; memperkasa kompetensi pegawai teknikal dalam pengurusan projek serta menghasilkan kos projek yang optimum, tempoh masa yang sesuai dan meningkatkan kualiti penyampaian output yang dihasratkan.

Pelaksanaan inisiatif ini akan memberi kesan yang signifikan di dalam penyampaian projek yang berkualiti, tempoh masa yang sesuai dan kos yang munasabah. Selain itu, pengurusan projek yang sistematik akan dapat menangani risiko-risiko seperti mengurangkan ruang dan peluang untuk melakukan perbuatan salah laku, penyalahgunaan kuasa dan rasuah; membantu mengenalpasti risiko-risiko berkaitan pengurusan projek supaya projek dapat disempurnakan dalam tempoh masa dan kualiti yang ditetapkan dengan kos yang optimum; meningkatkan kecekapan dan responsif dalam penyampaian perkhidmatan jabatan serta membina ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan projek serta mewujudkan sebuah sistem pengurusan projek yang bercirikan antirasuah dan mendukung nilai integriti.

2



**Inisiatif 3.2.9: Memperkenalkan satu mekanisme tambahan bagi pengesahan kemampuan kewangan kontraktor dengan kenaan bon tender/deposit tender untuk projek yang melebihi RM 10 juta bagi semua projek Pengurusan Penyenggaraan Fasilitas (*Facility Maintenance Management [FMM]*) serta projek berprestij tinggi, projek kompleks dan/atau projek berkaitan keselamatan negara sebagaimana yang dikenal pasti oleh agensi pelaksana.**

Sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan perolehan kerja bagi Kerajaan Malaysia, pelbagai isu yang telah dihadapi oleh Jabatan sepanjang mengendalikan proses perolehan. Antara isu-isu yang dibangkitkan adalah tohmahan kewujudan kartel dalam proses tender Jabatan dan ketidakmampuan kontraktor yang dilantik daripada segi kewangan. Bagi menangani isu yang dibangkitkan, Jabatan telah mencadangkan kepada Kementerian Kewangan untuk mengenakan bon tender dalam perolehan kerajaan.

Sepanjang tahun 2020, Jabatan telah melaksanakan kenaan bon/deposit tender bagi sembilan (9) projek rintis sebagaimana kelulusan prinsip oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bertarikh 8 Oktober 2019. Projek-projek yang dipilih adalah daripada kategori infrastruktur, bangunan serta pengurusan fasiliti dan penyenggaraan. Hasil daripada projek rintis adalah didapati amat memberangsangkan.

Jabatan juga telah membentangkan inisiatif untuk melaksanakan kenaan bon/deposit tender kepada Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) pada 20 November 2020 untuk mendapatkan sokongan. Dalam kertas cadangan tersebut Jabatan telah mencadangkan agar bon tender/deposit tender dikenakan untuk projek yang melebihi RM 10 juta bagi semua projek pengurusan fasiliti dan penyenggaraan (*Facility Maintenance Management [FMM]*) serta projek berprestij tinggi, projek kompleks dan/atau projek berkaitan keselamatan negara sebagaimana yang dikenal pasti oleh agensi pelaksana diperkenalkan sebagai mekanisme tambahan untuk penilaian kewangan kontraktor. Mesyuarat JKKMAR telah bersetuju dengan cadangan tersebut. Inisiatif ini mempunyai potensi untuk meningkatkan integriti proses perolehan dan juga status kontraktor yang menyertai proses tender Jabatan.


Selaras dengan surat daripada Kementerian Kewangan bertarikh 23 November 2020, Jabatan telah mengeluarkan Surat Arahan KPKR 4/2021 untuk menguatkuasakan pelaksanaan kenaan bon/deposit tender (Fasa 1) bagi semua projek penyelenggaraan dan pengurusan fasiliti.

Inisiatif kenaan bon tender/deposit tender telah dicadangkan dengan tujuan untuk mendapatkan kontraktor yang mampu daripada segi kewangan serta mendapatkan kontraktor yang asli (*genuine*) dalam proses perolehan Jabatan.

Semenjak kenaan bon tender/tender deposit dilaksanakan bagi projek rintis dan pelaksanaan Fasa 1, bagi projek-projek penyelenggaraan dan pengurusan fasiliti, berdasarkan pemerhatian, terdapat impak signifikan terhadap penyertaan tender Jabatan. Purata petender yang mengemukakan tawaran berbanding dengan petender yang membeli dokumen tender adalah sebanyak 46%. Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan hasil pelaksanaan inisiatif ini adalah hanya petender yang mempunyai keupayaan kewangan yang kukuh sahaja mampu menyertai tender dengan nilai bon/deposit tender yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

Pelaksanaan secara rintis kenaan bon/deposit tender telah memberikan impak positif dan dijangka dapat membantu JKR dalam mengatasi beberapa isu yang timbul semasa mengendalikan tender-tender kerajaan. JKR juga berpendapat kenaan bon/deposit tender ini dapat membantu mendapatkan kontraktor yang asli serta berkemampuan dalam proses perolehan projek Kerajaan.

3



**Inisiatif 3.2.10: Mengekalkan mekanisme penilaian harga berdasarkan kaedah *Cut-Off* dalam proses menilai harga tender. Kaedah penilaian *Cut-Off* adalah berasaskan harga min (*Mean*) dan sisihan piawai (*Standard Deviation*) bagi harga-harga tender yang diterima dengan mengambil kira harga Anggaran Jabatan (AJ) sebagai salah satu daripada harga tender dan turut sama mengeluarkan harga tender yang tidak munasabah.**





Peraturan penilaian harga berdasarkan *Cut-Off* telah diperkenalkan oleh Jabatan semenjak tahun 2004 untuk menggantikan penilaian tender berasaskan perbandingan dengan Anggaran Jabatan bagi menentukan kemunasabahan sesuatu harga tender.

Harga *Cut-Off* adalah berasaskan harga *Mean* dan *Standard Deviation* harga-harga tender yang diterima (dan Anggaran Jabatan sebagai salah satu daripadanya). Sebagai penambahbaikan dari masa ke semasa terdapat beberapa perubahan yang dilaksanakan ke atas pemakaian kaedah *Cut-Off* dalam penilaian harga petender, ini termasuk pindaan butiran pengiraan *Cut-Off* dan penetapan julat pentender yang layak dinilai telah di tambah baik.

Seperti inisiatif 3.2.9, Jabatan juga telah membentangkan inisiatif ini kepada Mesyuarat JKKMAR pada 20 November 2020 sebagai makluman.


Inisiatif ini mempunyai potensi untuk meningkatkan integriti proses perolehan dan memastikan harga tender yang dinilai adalah munasabah. Sehingga Disember 2021, Kaedah *Cut-Off* masih kekal digunakan sebagai kaedah penilaian harga tender. Penambahbaikan terkini yang dilaksanakan adalah perubahan penentuan julat nilai petender yang layak dinilai dan telah dikuatkuasakan melalui Surat Arahan KPKR 21/2021 bertarikh 21 Julai 2021.

Inisiatif ini bertujuan untuk memastikan kaedah penggunaan penilaian harga tender berdasarkan kaedah *Cut-Off* dikekalkan bagi memastikan kemunasabahan harga yang dinilai mengikut harga pasaran semasa. Berdasarkan pemerhatian, bagi tender untuk projek jalan, dalam julat terkini yang digunakan, dilihat harga-harga pentender adalah kompetitif.

# JABATAN STANDARD MALAYSIA (JSM)

Jabatan Standard Malaysia (JSM) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas dua (2) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam dua (2) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2023.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan JSM dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- (i) Institut Integriti Malaysia (IIM)
- (ii) Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
- (iii) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 2 INISIATIF:

1



**Inisiatif 2.1.3: Memperkenalkan pelaksanaan pensijilan *Anti-Bribery Management System (ABMS)* MS ISO 37001 di agensi Kerajaan.**

Sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 43 agensi Kerajaan telah mendapat pensijilan ABMS. JSM juga telah mengakredit dua (2) badan pensijilan ABMS dan memberikan tiga (3) sesi taklimat ABMS seperti berikut:

- (i) Pensijilan MS ISO 37001 *Anti-Bribery Management System (ABMS)* kepada Jabatan/Agensi di bawah JPM pada 27 April 2021;

- (ii) Peranan dan tanggungjawab pengurusan tertinggi dalam memastikan pelaksanaan ABMS dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi ICU JPM pada 5 Mei 2021; dan
- (iii) Taklimat mengenai ABMS dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Bil. 3/2021 pada 7 Disember 2021.

Ketua Setiausaha Negara melalui keputusan Mesyuarat JAR Peringkat Kebangsaan Siri 6 Bil. 2 Tahun 2021 bertarikh 27 Julai 2021 telah memutuskan bahawa pelaksanaan ABMS adalah seharusnya bersifat *voluntary* mengikut kemampuan kewangan agensi masing-masing. Berikutan perkara tersebut, JSM akan memfokuskan pelaksanaan inisiatif ini untuk menjurus lebih kepada mempromosikan standard ABMS melalui beberapa sesi taklimat kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan secara dalam talian.

Taklimat Pengenalan Standard ABMS tersebut diharap akan meningkatkan lagi kesedaran dan kefahaman agensi Kerajaan terhadap keperluan standard ABMS yang perlu dipatuhi dalam menangani isu-isu governans, integriti dan rasuah di agensi masing-masing.

2



### **Inisiatif 6.2.3: Mengkaji mekanisme pelaksanaan pensijilan *Anti-Bribery Management System* (ABMS) MS ISO 37001 ke atas syarikat yang menyertai perolehan Kerajaan.**

Kumpulan Kerja di antara beberapa agensi bagi mengkaji mekanisme pelaksanaan ABMS telah ditubuhkan pada 15 April 2021 bagi membincangkan dan mengenal pasti input bersesuaian dan isu-isu yang berkaitan dalam menyarankan agar syarikat-syarikat yang menyertai perolehan bagi soal selidik yang akan diedar serta menganalisa hasil dapatan kajian tersebut.

Borang soal selidik agensi Kerajaan dan swasta serta senarai nama organisasi yang terlibat sebagai responden dalam *pilot study* telah dibentangkan dan mendapat kelulusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Inisiatif



6.2.3 Bil. 2/2021 pada 27 Julai 2021. *Pilot study* ini telah dilaksanakan dari 1-31 Ogos 2021, 1-30 September 2021 dan 1-15 Oktober 2021 bagi memastikan tahap kefahaman responden terhadap soalan borang soal selidik.

Sebanyak 150 agensi Kerajaan telah selesai menjawab kajian soal selidik tersebut. Jabatan juga telah mengambil inisiatif untuk mengkaji kaedah kajian bersesuaian dengan menggunakan aplikasi *SurveyMonkey* dan sistem tinjauan kajian dari Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Penambahbaikan soalan kajian ABMS akan dilaksanakan hasil dari maklum balas responden semasa *pilot study*. Antara kaedah yang dirancang bagi pelaksanaan tahun 2022 seperti berikut:

- (i) Mengadakan sesi taklimat ABMS kepada agensi swasta yang dianjurkan oleh MOF; dan
- (ii) Menggunakan aplikasi *MonkeySurvey* untuk pelaksanaan kajian; atau

Jabatan mengharapkan kaedah yang dirancang tersebut akan meningkatkan lagi jumlah responden khususnya agensi swasta. Hasil kajian yang dianalisa tersebut akan kemudiannya dapat membantu Jabatan dan agensi yang berkaitan sama ada agensi swasta bersedia untuk mendapatkan pensijilan ABMS bagi tujuan menyertai perolehan Kerajaan dan sama ada kriteria pensijilan tersebut boleh diaplikasikan sebagai suatu syarat yang tetap oleh pihak MOF.

# PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN (PKPMP)

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas dua (2) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam dua (2) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2023.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan PKPMP dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- (i) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 2 INISIATIF:

1



**Inisiatif 4.1.1: Memberi keutamaan supaya kes rasuah didengar oleh hakim yang berpengalaman dan terlatih dalam mengendalikan kes rasuah.**

Jemaah Menteri yang bermesyuarat pada 12 April 2019 telah menimbangkan Memorandum Jemaah Menteri No. M236/2019 berhubung dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) Siri 7 Bil. 2 Tahun 2019, termasuklah bagi menaik taraf 8 perjawatan gred Jusa C bagi Hakim Mahkamah Khas Rasuah kepada perjawatan Jusa B bagi menambah baik prestasi Mahkamah Sesyen Khas Rasuah.




JPA melalui surat bertarikh 20 Disember 2019 memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Khas bagi Mengkaji Jawatan-Jawatan Tingkatan Tertinggi (JKTT) Bil. 3 Tahun 2019 yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Ismail bin Hj Bakar, Ketua Setiausaha Negara pada 12 Disember 2019 telah memutuskan untuk mengekalkan 8 gred perjawatan Jusa C sedia ada di Mahkamah Khas Rasuah.

JPM telah mempengerusikan dua (2) mesyuarat yang berasingan di antara PKPMP dan JPA bagi cadangan untuk mengemukakan semula kepada pihak JPA permohonan untuk perjawatan Jusa B tersebut. PKPMP sedang dalam usaha untuk menyiapkan kertas cadangan yang lebih komprehensif bagi tujuan pengemukaan kepada pihak JPA. Melalui pelaksanaan inisiatif ini, kes-kes rasuah dapat dilupuskan dengan cekap dan berkesan oleh Hakim Mahkamah Sesyen yang mempunyai pengalaman dan merupakan pakar bidang (*Subject Matter Expert*).

Kerajaan telah membelanjakan kos yang tinggi untuk melatih Hakim Mahkamah Sesyen yang berpengalaman dan merupakan pakar bidang. Sehubungan dengan itu adalah wajar inisiatif ini dilaksanakan bagi maksud untuk mengekalkan Hakim Mahkamah Sesyen yang berpengalaman dan merupakan pakar bidang dalam usaha untuk memastikan kes-kes rasuah dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang ditetapkan dan diseimbangkan dengan penghakiman yang berkualiti.

Pengendalian kes rasuah oleh Hakim Mahkamah Sesyen yang berkemahiran dan merupakan pakar bidang akan dapat meningkatkan kecekapan dan kualiti dalam urusan dan prosiding kes rasuah yang bersifat teknikal, semakin kompleks dan merentas sempadan negara. Ini sekaligus dapat meningkatkan persepsi masyarakat terhadap Badan Kehakiman.

2



### Inisiatif 4.1.3: Memperkasakan penggunaan teknologi dan pendigitalan di Mahkamah Khas Rasuah.

Pelaksanaan Sistem *Recording Voice to Text System* (RVT) Fasa 1 yang melibatkan 320 buah bilik bicara di Mahkamah Semenanjung termasuk di kesemua Mahkamah Khas Rasuah berserta fungsian *Voice-To-Text* (V2T) bagi tujuan penaiktarafan Sistem CRT sedia ada telah dijalankan dan akan selesai pada 14 Jun 2022. Peluasan Sistem RVT Fasa 2 yang melibatkan 114 buah bilik bicara dijangka berlangsung dalam bulan Julai 2022 untuk tempoh selama 12 bulan.

Antara output utama melalui pelaksanaan inisiatif ini adalah:


- (i) *Recording Voice to Text System* (RVT) yang mempunyai fungsi *Voice To Text* (VTT) bagi menghasilkan draf nota keterangan secara automatik selepas perbicaraan selesai; dan
- (ii) *Exhibits Presentation Systems* (EPS) bagi memudahkan bahan keterangan diambil direkodkan, disimpan dan diakses melalui *Case Management System* (CMS).

Dengan pelaksanaan inisiatif ini, urusan dan prosiding Mahkamah berhubung dengan kes jenayah rasuah akan menjadi lebih efektif dan cepat. Pihak-pihak boleh memohon untuk mendapatkan nota keterangan Mahkamah selepas prosiding Mahkamah selesai.

# BIRO PENGADUAN AWAM (BPA)

Biro Pengaduan Awam (BPA) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas satu (1) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam satu (1) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2022.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan BPA dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- (i) Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (**GIACC JPM**)
- (ii) Jabatan Peguam Negara (**AGC**)

## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 1 INISIATIF:

1



### Inisiatif 1.2.4: Mentransformasi Biro Pengaduan Awam kepada Ombudsman Malaysia.

Penubuhan Ombudsman Malaysia sebagai sebuah badan yang mengamalkan prinsip tidak memihak (*impartiality*) yang mempunyai kuasa perundangan melalui sebuah akta adalah bertujuan untuk mempertingkatkan pengurusan aduan berhubung salah tadbiran (*maladministration*) dengan lebih cekap dan berkesan. Impak signifikan kepada pelaksanaan inisiatif ini adalah sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih berkualiti melalui syor (*recommendations*) oleh Ombudsman Malaysia dalam bentuk tindakan pembetulan dan tindakan pencegahan. Ombudsman Malaysia akan *co-exist* dengan agensi Kerajaan dan saling bekerjasama melalui kolaborasi strategik untuk menambah baik dan memantapkan perkhidmatan awam






berdasarkan penyelesaian inovatif kepada aduan salah tadbiran yang dikemukakan oleh orang awam. Ciri ini membezakan Ombudsman Malaysia daripada institusi-institusi penguatkuasaan dan pengawalseliaan yang sedia ada.

Bagi mencapai inisiatif ini, Biro Pengaduan Awam telah meneliti beberapa institusi Ombudsman di luar negara termasuk Ombudsman Australia, United Kingdom, Sweden, Turki, Hong Kong, Thailand dan Indonesia sebagai contoh dan penanda aras. Hasil penelitian dan analisis ke atas institusi Ombudsman lain, penetapan dasar bagi penubuhan dan operasi Ombudsman Malaysia telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri pada 1 November 2019. Susulan itu, draf Rang Undang-Undang Ombudsman Malaysia telah disediakan oleh Biro Pengaduan Awam dengan kerjasama GIACC JPM dan pada masa ini sedang dalam semakan oleh Jabatan Peguam Negara sebelum dapat dibentangkan dalam Parlimen.

# BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU JPM)

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU JPM) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas dua (2) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam dua (2) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2023.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan BHEUU JPM dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- (i) Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (**MAMPU JPM**)
- (ii) Pejabat Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (**CGSO JPM**)
- (iii) Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (**KKMM**)

## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 2 INISIATIF:

1



**Inisiatif 1.2.5: Melaksanakan kajian ke atas kesesuaian undang-undang baharu berhubung Kebebasan Maklumat.**

BHEUU JPM telah mengadakan pelbagai sesi libat urus dan bengkel sepanjang tahun 2021 bersama pihak berkepentingan untuk memastikan suatu cadangan dan syor yang kukuh boleh dikemukakan kepada pihak Jemaah Menteri mengenai kesesuaian penggubalan



undang-undang baharu berhubung Kebebasan Maklumat. Sesi libat urus yang diadakan adalah seperti berikut:

- (i) Bengkel Inisiatif Ke Arah Kebebasan Maklumat Siri 1 Tahun 2021 mengikut zon melibatkan pembentangan daripada pihak BHEUU, CGSO, MAMPU, Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Selangor dan SUK Pulau Pinang. Bengkel ini juga bertujuan mendapatkan pandangan awal setiap Kerajaan Negeri berhubung cadangan penggubalan Akta Kebebasan Maklumat peringkat Persekutuan. Bengkel ini bermula pada 1 September 2021 (Zon Tengah: Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya serta Selangor), 8 September 2021 (Zon Utara: Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak), 15 September 2021 (Zon Selatan: Johor, Negeri Sembilan dan Melaka), 22 September 2021 (Zon Timur: Kelantan, Pahang dan Terengganu) dan 29 September 2021 (Sabah dan Sarawak). Sesi libat urus ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa negeri yang berminat untuk mewujudkan Enakmen Kebebasan Maklumat di negeri mereka dengan mengambil contoh Enakmen Kebebasan Maklumat di Negeri Selangor dan Pulau Pinang. Kebanyakan negeri juga memberikan maklum balas positif mengenai cadangan penggubalan Akta Kebebasan Maklumat peringkat Persekutuan dengan syarat perlu mengambilkira pelbagai Enakmen/Peraturan/Undang-Undang peringkat negeri yang mungkin terdapat pertindihan kuasa dengan pelaksanaan Akta tersebut; dan
- (ii) Forum *Right to Information* pada 10 Disember 2021 anjuran bersama *Centre for Independent Journalism* (CIJ) dan SUHAKAM yang melibatkan pelbagai *Civil Society Organisation* (CSO) dan badan bukan kerajaan [*Non-Governmental Organisation* (NGO)], wakil media dan agensi-agensi peneraju bersama. Forum ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas lapangan daripada CSO, NGO dan media berhubung cabaran untuk mendapatkan maklumat daripada pihak Kerajaan.

Kesemua dapatan daripada sesi libat urus yang dinyatakan di atas akan dirumuskan dan digunakan bagi tujuan penyediaan suatu kertas dasar yang akan dibentangkan

dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) yang akan datang. Seterusnya cadangan dan syor daripada kertas dasar itu akan diangkat dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk keputusan lanjut sama ada penggubalan Akta Kebebasan Maklumat wajar dilaksanakan atau tidak.

BHEUUJPM berhasrat agar suatu Memorandum Jemaah Menteri dapat dibawa dalam Mesyuarat Jemaah Menteri selewat-lewatnya pada pertengahan tahun 2022 untuk mendapatkan ketetapan keputusan dasar mengenai cadangan penggubalan Akta Kebebasan Maklumat.

Melalui pelaksanaan inisiatif ini, pihak Kerajaan juga berupaya untuk menambahbaik apa-apa Akta yang masih berkuat kuasa seperti Akta Rahsia Rasmi 1972 untuk kebaikan penjawat awam dan rakyat berupaya untuk mendapatkan maklumat daripada pihak Kerajaan dengan lebih telus dan tepat melalui sumber yang sah.

2



### **Inisiatif 5.4.3: Menambahbaik peruntukan di dalam Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711).**

Jawatankuasa Kerja Pindaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) telah ditubuhkan bagi menyemak dan mengkaji cadangan penambahbaikan yang telah diperolehi serta dapatan sesi *Focus Group Discussion* serta melaksanakan rangka kerja yang seterusnya bagi merealisasikan pindaan Akta 711 ini. 13 cadangan berdasarkan maklum balas dan sesi libat urus telah dikenalpasti dan dikategorikan di bawah 7 isu utama yang perlu diberi perhatian. BHEUUJPM telah melantik Encik Farizal Muzaffar Hafiz bin Abdul Wahab pegawai SPRM yang sedang dipinjamkan ke *Malaysian Resources Corporation Berhad* (MRCB) sebagai pakar rujuk Jawatankuasa Kerja Pindaan Akta 711 tersebut. Mesyuarat kali pertama Jawatankuasa berkenaan diadakan pada 23 Ogos 2021 dan bengkel telah dilaksanakan pada 29 November hingga 1 Disember 2021.

Hasil dapatan bengkel akan dianalisa dengan lebih lanjut sebelum draf Rang Undang-Undang dan Kertas Memorandum Jemaah Menteri (MJM) untuk pindaan Akta 711 dapat dimuktamadkan.



BHEUU JPM telah mensasarkan untuk memuktamadkan cadangan pindaan dan penambahbaikan Akta 711 bagi tempoh 2 tahun (Januari 2021 – Disember 2022). Sehubungan itu, cadangan penambahbaikan beberapa peruntukan di dalam Akta 711 yang melibatkan tafsiran kelakuan tidak wajar, mekanisme aduan dalaman, pengurusan aduan berpusat, percanggahan Akta 711 dengan peruntukan undang-undang lain, pembatalan perlindungan dan skala ganjaran dijangka dapat dimurnikan dalam penghujung tahun 2022.

Melalui pindaan yang melibatkan beberapa peruntukan di dalam Akta 711 ini, perlindungan kepada Pemberi Maklumat akan lebih menyeluruh dan terperinci.

# INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)

Institut Integriti Malaysia (IIM) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas satu (1) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam dua (2) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2023.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan IIM dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- (i) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (**SPRM**)
- (ii) Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (**SC**)
- (iii) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (**SSM**)

## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 1 INISIATIF:

1



**Inisiatif 6.2.4: Mempromosi, membangun dan menyediakan latihan bagi pelaksanaan Tatacara Mencukupi selaras dengan Seksyen 17A (5) (Liabiliti Korporat) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) oleh organisasi komersial.**

IIM telah melantik lapan (8) lagi agensi sebagai rakan strategik dan lapan (8) Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri bagi pelaksanaan inisiatif ini. Sehingga 31 Disember 2021, dua (2) Mesyuarat Penyelarasan telah dijalankan bersama rakan strategik pada 12 Ogos 2021 dan 16 Disember 2021. Tiga (3) buah Jawatankuasa Kerja telah dibentuk iaitu Jawatankuasa Kerja Pengurusan Projek & Pelaksanaan Latihan, Jawatankuasa Kerja Pemantauan, Pelaporan & Penilaian dan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Modul Latihan.



Melalui Mesyuarat Penyelarasan bersama rakan strategik, maklum balas telah diterima berkenaan dengan senarai syarikat sama ada di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Bursa Malaysia dan syarikat di bawah kelolaan negeri untuk penetapan output dan sasaran inisiatif. Mesyuarat bersetuju untuk menjalankan inisiatif dalam dua (2) bentuk iaitu sasaran secara zon dan sasaran secara kriteria seperti kriteria modal berbayar syarikat, saiz organisasi, potensi risiko perniagaan dan syarikat yang pernah disabitkan kes rasuah. Mesyuarat Penyelarasan juga telah memutuskan bahawa sasaran dalam bentuk output inisiatif disasarkan kepada organisasi komersial yang berdaftar dengan SSM dan juga Bursa Malaysia dengan modal berbayar bermula dari RM500,000 sehingga RM1 juta memandangkan jumlah populasi organisasi komersial yang besar dan semua agensi peneraju merasakan ianya lebih realistik untuk dicapai. Penetapan output secara lebih spesifik diharapkan dapat dibuat pada suku pertama tahun 2022.

Pihak IIM, SSM, SPRM dan *Transparency International* Malaysia (TI-M) telah mempunyai modul latihan bagi pemahaman mengenai Tatacara Mencukupi Seksyen 17A (5) (Liabiliti Korporat) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan modul tersebut telah digunapakai dalam latihan yang dijalankan oleh agensi masing-masing. Namun begitu, IIM selaku Ketua Peneraju bersama agensi peneraju yang lain telah merancang untuk menyediakan satu (1) modul standard yang komprehensif berkaitan dengan latihan bagi pemahaman mengenai Tatacara Mencukupi Seksyen 17A (5) (Liabiliti Korporat) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) untuk penggunaan pelaksanaan program latihan di seluruh negara khusus kepada organisasi dan syarikat komersial yang disasarkan. Penyediaan modul standard latihan ini akan diselaraskan dan dibangunkan oleh Jawatankuasa Kerja Pembangunan Modul dan akan sedia untuk digunakan oleh agensi-agensi rakan strategik menjelang suku kedua tahun 2022.



Sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 393 sesi latihan, seminar, webinar, forum, ceramah dan bengkel telah dilaksanakan merangkumi sejumlah 27,104 orang peserta menyertai sesi berkaitan pemahaman mengenai Seksyen 17A (5) (Liabiliti Korporat) dan Tatacara Mencukupi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694). Keseluruhan sesi-sesi latihan telah dijalankan oleh agensi-agensi rakan strategik meliputi peserta yang terdiri daripada ahli lembaga pengarah syarikat, ketua pegawai eksekutif, pegawai undang-undang, pegawai pematuhan dan risiko, setiausaha syarikat serta kakitangan pelbagai organisasi komersial.


Dengan pelaksanaan inisiatif ini, IIM dapat memastikan organisasi komersial menyedari dan memahami kewujudan Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) sebagai satu peruntukan undang-undang penting yang menetapkan prinsip liabiliti korporat terhadap organisasi komersial. Peruntukan ini menjelaskan bahawa, sekiranya mana-mana pekerja dan/ atau pihak bersekutu organisasi komersial menawarkan suapan untuk kepentingan organisasi tersebut, maka organisasi tersebut akan dikenakan tindakan undang-undang. Bagaimanapun, organisasi komersial boleh membela diri dengan membuktikan pelaksanaan Tatacara Mencukupi dalam proses, prosedur dan polisi organisasi mereka.



# PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) sebagai Ketua Agensi Peneraju bertanggungjawab ke atas satu (1) inisiatif di bawah NACP 2019-2023 yang melibatkan pelaksanaan inisiatif dalam satu (1) jangka masa dari Januari 2021-Disember 2023.

## BILANGAN INISIATIF MENGIKUT PENETAPAN TAHUN PELAKSANAAN



Agensi Peneraju lain yang bekerjasama dengan MPC dalam pelaksanaan inisiatif ini adalah:

- (i) Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (**GIACC JPM**)
- (ii) Kementerian/Jabatan/Agensi yang berkaitan
- (iii) Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan

## RUMUSAN PELAKSANAAN BAGI 1 INISIATIF:

1



**Inisiatif 2.1.6: Membentuk mekanisme yang kukuh dan efektif dalam proses pengeluaran permit dan lesen.**

Semua aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan mengikut masa yang ditetapkan. Antara aktiviti tersebut adalah siri perbincangan dan taklimat inisiatif bersama pihak kerajaan negeri dan agensi/pihak berkuasa yang mengeluarkan pelesenan perniagaan, bengkel pembangunan garis panduan pelesenan dan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan.

Sebanyak 41 pihak berkuasa melesen (pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan) telah menambahbaik 149 garis panduan pelesenan perniagaan. MPC juga



telah membangunkan portal rujukan setempat iaitu Portal Garis Panduan Pelesenan Malaysia (MyGP) untuk memudahkan proses carian garis panduan pelesenan perniagaan. Sejumlah 538 garis panduan pelesenan perniagaan peringkat Persekutuan telah dimuatnaik dalam Portal MyGP.

Antara impak signifikan yang akan dapat dilihat melalui pelaksanaan inisiatif ini adalah pematuhan kawal selia peraturan pelesenan yang lebih baik, peningkatan kualiti maklumat garis panduan pelesenan perniagaan dan capaian garis panduan pelesenan perniagaan secara dalam talian lebih mudah dan cekap. Selain itu juga, inisiatif ini akan mengurangkan permohonan yang tidak lengkap/tidak patuh syarat, penjimatan kos pematuhan (contoh; tiada permohonan berulang dan kos pengangkutan) serta penguatkuasaan peraturan oleh pelbagai pihak berkuasa melesen dapat diselaraskan dengan lebih telus dan berkesan.



## ULASAN SEKRETARIAT BERKENAAN PELAKSANAAN INISIATIF

Sepanjang tahun 2020 dan 2021, Sekretariat Induk Penyelarasan Prestasi NACP mendapati pelbagai cabaran dihadapi oleh beberapa Ketua Agensi Peneraju merangkap Agensi Pelapor dalam pelaksanaan 82 inisiatif di bawah Laporan Semakan Semula Separuh Penggal NACP serta pelaksanaan inisiatif yang kini dipantau di peringkat keberhasilan.

Antara perkara yang memerlukan perhatian khusus setiap Ketua Agensi Peneraju adalah penyelarasan terancang di antara Ketua Agensi Peneraju (agensi Pelapor) bersama dengan agensi lain (rakan-rakan strategik) dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif perlu diperkukuhkan memandangkan kebanyakan daripada inisiatif yang diterapkan memerlukan sokongan dan kerjasama beberapa pihak dalam menzahirkan pelaksanaan inisiatif. Justeru, seharusnya wujud penyertaan aktif di antara semua pihak dan perancangan yang khusus dalam melestarikan hasrat dan semangat di sebalik inisiatif yang diterajui.

Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC JPM) juga sentiasa terbuka untuk membantu mana-mana pihak atau Ketua Agensi Peneraju dalam mengadakan sesi koordinasi atau sesi melalui talian bagi memberikan penjelasan sekiranya terdapat kekeliruan atau bagi mana-mana perkara yang memerlukan penjelasan lanjut berhubung hasrat atau objektif inisiatif yang diterapkan sama ada ia akan melibatkan pindaan atau perubahan ke atas perundangan mahupun pentadbiran. Penetapan inisiatif-inisiatif di bawah NACP telah dilaksanakan hasil persetujuan yang telah diperolehi dari semua pihak yang berkepentingan bagi usaha dalam menangani isu-isu integriti, rasuah dan governans di dalam suatu pelan yang menyeluruh dan GIACC juga telah diberikan mandat untuk menyatukan kesemua inisiatif ini di dalam pelan tersebut.

Inisiatif yang berstatus selesai di dalam Laporan yang disediakan ini bermaksud penyelesaian di peringkat pengeluaran output. Pihak Sekretariat Induk Penyelarasan Prestasi NACP seterusnya akan memantau dan menilai sehingga ke peringkat *outcome* yang perlu dinilai keberhasilannya selepas suatu tempoh yang bersesuaian untuk mengenalpasti kesan perubahan dan pembaharuan institusi serta nilai yang dihasratkan secara holistik oleh semua pihak.



## KESIMPULAN

Agenda pementapan governans, integriti dan antirasuah tidak akan terhenti walau dalam apa jua keadaan. Usaha-usaha dan tindakan yang mempunyai hubungkait dengan merealisasikan inisiatif-inisiatif NACP perlu diteruskan dengan komited bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaya saing dan tidak terancam dengan ketirisan hasil tangan-tangan yang tidak bertanggungjawab. Perjuangan untuk menuju negara bebas rasuah tidak akan tercapai jika tiada kesepakatan antara semua pihak, khususnya badan eksekutif, perundangan dan kehakiman yang amat penting dalam merealisasikan Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 ini.

Pelaksanaan 111 inisiatif NACP yang dipantau dan dinilai oleh Sekretariat Induk Penyelarasan Prestasi NACP bermula dari peringkat output sehingga ke peringkat pencapaian keberhasilan sebagaimana yang dihasratkan, akan diteruskan bagi menentukan samada inisiatif-inisiatif ini memberi hasil dalam membentuk negara yang bebas rasuah walau berdepan dengan pelbagai cabaran getir. Usaha, isu dan cabaran yang dihadapi oleh Ketua Agensi Peneraju yang terdiri dari 27 Kementerian, Jabatan dan Agensi selaku agensi pelapor seharusnya ditangani dengan berhemah dan menjadikan Sekretariat Induk Penyelarasan Prestasi NACP sebagai tempat rujukan jika mempunyai permasalahan dalam menyelesaikan inisiatif-inisiatif tersebut.

Maklum balas, nasihat serta panduan berterusan akan diberikan kepada Ketua Agensi Peneraju agar selari dengan perubahan semasa dan keperluan strategik negara. Secara keseluruhan, pelaksanaan NACP hendaklah didasari oleh prinsip tadbir urus insan yang holistik. Dengan cara ini, NACP akan kekal relevan dan menjadi rujukan melewati masa mandat NACP itu sendiri.





## **JABATAN PERDANA MENTERI**

Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC)  
Aras 3, Blok Barat, Bangunan Perdana Putra  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62520 Putrajaya

Tel: +603-88727140/7184  
Fax: +603-88905440





## JABATAN PERDANA MENTERI



ISBN 978-967-17951-7-0



9 789671 795170